



# **MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2015**







# **MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2015**



# MUKADIMAH

**A** kta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] melalui seksyen 21(1) telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) perlu mengemukakan Laporan Tahunan pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun. Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SUHAKAM 2015 telah dikemukakan kepada Parlimen pada 6 April 2016.

Laporan Tahunan tersebut telah melaporkan kesemua aktiviti SUHAKAM sepanjang tahun 2015 dan turut mengutarakan pandangan serta syor berkaitan pelbagai isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Pada pelaporan kali ini, antara isu-isu utama hak asasi manusia yang ditekankan oleh pihak SUHAKAM adalah mengenai kebebasan berhimpun, pendidikan hak asasi manusia, pelarian dan pemohon suaka, kematian di dalam tahanan polis, hak kepada kesihatan di penjara, maklum balas kepada inkuiri nasional, Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP), isu kanak-kanak, hak asasi manusia dan perniagaan serta semakan undang-undang.

Kesemua isu-isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM dalam Laporan Tahunan berkait dengan bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi, termasuk Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) selaku *focal agency* yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menyediakan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM, telah mengenal pasti agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengambil tindakan susulan dengan meneliti dan mengemukakan maklum balas kepada isu-isu terbabit. Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2015 ini telah diselaraskan berdasarkan maklum balas-maklum balas yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan setakat Julai 2016 yang bertujuan untuk memberi makluman dan penjelasan mengenai tindakan-tindakan penyelesaian atau susulan yang diambil untuk memperbaiki keadaan serta kekangan-kekangan yang timbul.

Penyediaan maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM mencerminkan usaha Kerajaan bagi memastikan keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat khususnya dari segi hak asasi manusia terjamin dan terpelihara.

# KANDUNGAN

>	<b>MUKADIMAH</b>	
>	<b>ISU-ISU UTAMA</b>	<b>&gt; 1</b>
>	<b>BAB 1 - LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN</b>	<b>&gt; 29</b>
>	<b>BAB 2 - LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI</b>	<b>&gt; 119</b>
>	<b>BAB 3 - LAPORAN PEJABAT SABAH</b>	<b>&gt; 143</b>
>	<b>BAB 4 - LAPORAN PEJABAT SARAWAK</b>	<b>&gt; 153</b>
>	<b>BAB 5 - LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT</b>	<b>&gt; 163</b>
>	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>&gt; 165</b>





ISU-ISU  
UTAMA

# ISU-ISU UTAMA

## MUKA SURAT

- |        |  |
|--------|--|
| › 3 ›  | <b>1. Kebebasan Berhimpun</b>                                  |
| › 4 ›  | <b>2. Pendidikan Hak Asasi Manusia</b>                         |
| › 5 ›  | <b>3. Pelarian Dan Pencari Suaka</b>                           |
| › 7 ›  | <b>4. Kematian Dalam Tahanan Polis</b>                         |
| › 10 › | <b>5. Hak Kepada Kesihatan Di Penjara</b>                      |
| › 11 › | <b>6. Maklum Balas Kepada Inkuiri Nasional</b>                 |
| › 12 › | <b>7. Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP)</b>    |
| › 14 › | <b>8. Isu Kanak-Kanak</b>                                      |
| › 17 › | <b>9. Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan</b>                     |
| › 21 › | <b>10. Semakan Undang-Undang</b>                               |
| › 22   | (a) Akta Pencegahan Keganasan 2015                             |
| › 24   | (b) Akta Hasutan 1948  |
| › 26   | (c) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 1999 |



## **1. KEBEBASAN BERHIMPUN**

Meskipun pihak berkuasa telah mempamerkan pendekatan yang lebih baik semasa perhimpunan awam pada tahun ini, Suruhanjaya berasa bimbang dengan insiden penangkapan ramai peserta selepas perhimpunan. Tangkapan sedemikian, serta pelanjutan tempoh tahanan, adalah bercanggah dengan prinsip batasan terhadap hak asasi manusia yang dibenarkan oleh undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Suruhanjaya turut menekankan bahawa sesiapa pun tidak patut dianggap sebagai penjenayah, serta ditakut-takutkan dan diugut, hanya kerana menggunakan hak yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, yang dalam hal ini berkaitan dengan hak untuk berhimpun secara aman.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa terbuka dengan cadangan serta syor bagi memelihara hak kebebasan berhimpun. Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736] memperuntukkan hak menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata, tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi. Akta turut memperuntukkan bahawa penganjuran juga perlu mengambil kira kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain selaras dengan Perkara 10(1)(b) dan Perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan. Akta 736 bukan merupakan undang-undang yang menyekat atau menghalang perhimpunan aman, malahan ia mewujudkan mekanisme penganjuran perhimpunan aman.

Seksyen 9 Akta 736 merupakan peruntukan pemberitahuan perhimpunan yang menetapkan syarat dan prosedur yang wajib dipatuhi oleh penganjur perhimpunan. Sekiranya penganjur didapati melanggar peruntukan di bawah seksyen 9(1), maka hukuman di bawah seksyen 9(5) boleh dikenakan tertakluk kepada pendakwaan dan pensabitan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh penganjur di bawah Akta 736. Walau bagaimanapun, kesalahan tersebut tidak dianggap mencabul hak kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan di bawah Perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

Justeru adalah tidak wajar bagi pihak berkuasa mengklasifikasikan pelaksanaan hak ini sebagai tidak sah disisi undang-undang memandangkan perhimpunan awam secara aman merupakan hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 9 Akta 736 perlu ditafsir dengan teliti, khususnya Seksyen 9(5) yang hanya



mengenakan denda ke atas mereka yang gagal memenuhi keperluan pemberian notis 10 hari. Kegagalan mematuhi Seksyen 9(5) tidak menjadikan perhimpunan tersebut haram.

Dengan wujudnya Akta 736, peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) lebih dilihat sebagai pemudah cara bagi memastikan setiap perhimpunan itu berlangsung dengan lancar serta aman. Ini dibuktikan melalui penganjuran beberapa perhimpunan seperti Perhimpunan KL 112 yang telah berlangsung dengan aman hasil kerjasama semua pihak termasuk PDRM. Penganjur bertanggungjawab dalam memastikan peserta perhimpunan mematuhi batas-batas serta prinsip kebebasan berhimpun mengikut lunas undang-undang. PDRM tidak pernah mengamalkan tindakan mengugut atau menakutkan sesiapa yang mengamalkan hak kebebasan berhimpun dengan aman. Walau bagaimanapun, Perkara 10(2) dan (3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hak ini tidaklah mutlak.

Oleh yang demikian, kuasa yang diberikan kepada PDRM bagi maksud pengawasan perhimpunan awam tidak digunakan untuk menghalang atau menyekat pelaksanaan perhimpunan aman kecuali berasaskan had-had yang dibenarkan oleh Akta 736.

## **2. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA**

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa terdapat segelintir sekolah yang menghadapi cabaran dalam memastikan pelaksanaan [ATHAM] yang berkesan bagi program ini. Sebagai contoh, sekolah yang terlibat tidak mempunyai bahan bacaan dan lain-lain sumber berkaitan hak asasi manusia yang mencukupi. Walaupun Suruhanjaya telah membekalkan bahan-bahan hak asasi manusia, pihak sekolah harus terus digalakkan untuk mengambil kira, semasa proses perolehan, pembelian bahan-bahan yang boleh meningkatkan pengetahuan hak asasi manusia di kalangan guru-guru dan pelajar. Sesuai dengan ini, Kerajaan perlulah memastikan peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah di Malaysia adalah mencukupi bagi membolehkan mereka mendapatkan bahan-bahan tersebut.

Selain daripada sumber bahan yang tidak mencukupi, pemerhatian Suruhanjaya juga mendapati pentadbir di beberapa sekolah yang terlibat masih belum faham sepenuhnya objektif jangka panjang program ini, iaitu untuk menerapkan prinsip-prinsip hak asasi manusia ke dalam semua mata pelajaran yang sedia ada serta memperkenalkan secara formal mata pelajaran hak asasi manusia yang khusus di dalam sukatan mata pelajaran sekolah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) telah bermula sejak tahun 2008 dan telah disebar luas ke Sabah dan Sarawak pada tahun 2015. Pada tahun 2016, sebanyak 222 buah sekolah terlibat dalam program ini dan akan terus diperkasakan dari semasa ke semasa.

Kerajaan dengan kerjasama SUHAKAM dalam proses melaksanakan Anugerah ATHAM bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti serta mewujudkan model terbaik dari aspek kualiti pengurusan pelaksanaan ATHAM di sekolah. Anugerah ATHAM peringkat kebangsaan akan diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2016 di Institut Aminudin Baki Genting Hinglands.

Selaras dengan perkara ini, surat makluman dan garis panduan pelaksanaan ATHAM telah dimaklumkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk membimbing sekolah yang terlibat bagi melaksanakan program ATHAM. Pemerkasaan ini dilaksanakan melalui integrasi amalan hak asasi manusia yang merangkumi 4 bidang utama iaitu Pengurusan, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan taklimat dan bengkel kepada Penyelaras ATHAM Jabatan Pendidikan Negeri untuk memantapkan lagi Pengurusan ATHAM. Jabatan Pendidikan Negeri juga telah mengambil tindakan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing untuk menyebarkan maklumat ATHAM. Taklimat juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri di Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Pahang dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya melibatkan pentadbir sekolah dan guru penyelaras ATHAM di sekolah untuk meningkatkan kefahaman pelaksanaan program ATHAM di sekolah dan menghayati hak-hak asasi manusia. Kerajaan bersama-sama SUHAKAM sentiasa komited memastikan ATHAM dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya.

### **3. PELARIAN DAN PENCARI SUKA**

Malaysia telah menjadi perhatian antarabangsa dengan penemuan 'kem kematian' di Wang Kelian, Perlis. Penemuan ini menunjukkan risiko yang dihadapi pelarian, yang telah membawa kepada banyak kehilangan nyawa. Lebih membimbangkan adalah dakwaan pembabitan sebahagian pegawai penguatkuasa dengan pedagang manusia.

Meski pun berlakunya keadaan di atas, dan ditambah pula dengan hakikat bahawa sejumlah 153,850 orang pelarian dan pemohon suaka telah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) di Malaysia sehingga September 2015, Malaysia masih belum menunjukkan sebarang kemajuan ke arah menerima pakai Konvensyen PBB Mengenai Status Orang-Orang Pelarian 1951. Oleh kerana itu, semua bantuan yang telah dihulurkan oleh Malaysia setakat ini hanyalah atas dasar kemanusiaan. Maka, selain individu yang dibenarkan oleh Kerajaan, status pelarian dan pemohon suaka yang lain di Malaysia masih kekal dalam ketidaktentuan yang meningkatkan risiko mereka untuk dieksploitasi. Ramai di antara mereka tidak dapat mencari pekerjaan, mengakses perkhidmatan kesihatan, dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Walaupun Malaysia bukan Negara Ahli kepada Konvensyen PBB Mengenai Pelarian 1951, Malaysia masih mempunyai tanggungjawab terhadap sebahagian populasi pelarian di Malaysia. Tanggungjawab tersebut terbit dari Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), yang terpakai kepada setiap orang tanpa mengira status kewarganegaraan. Tambahan pula, masyarakat antarabangsa menerima bahawa CRC menuntut agar kanak-kanak pelarian mestilah, pertama sekali, dilihat sebagai kumpulan yang memerlukan perlindungan, dan CRC telah meletakkan tanggungjawab ke atas pihak Kerajaan untuk meletakkan kepentingan terbaik kanak-kanak sebagai pertimbangan utama dalam semua tindakan. Walaupun terdapat konsensus sedemikian, Suruhanjaya bimbang melihat ramai kanak-kanak pelarian, termasuk yang tidak ditemani oleh orang dewasa, telah ditempatkan di pusat-pusat tahanan imigresen dan bukan di pusat-pusat perlindungan yang bersesuaian.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23: Mekanisma Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) adalah bertujuan untuk menetapkan satu dasar dan mekanisma bersepadu antara agensi-agensi Kerajaan dalam mengendalikan isu PATI yang memegang kad UNHCR. Arahan ini memperjelaskan peranan dan tindakan yang perlu diambil dalam mengurangkan jumlah PATI dalam negara.

Dasar semasa Negara menunjukkan bahawa Malaysia tidak mengiktiraf status “Pelarian” memandangkan Malaysia bukan Negara Anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 mahupun Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Namun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan PATI yang memegang Kad UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini sehingga penempatan semula ke negara ketiga oleh UNHCR atau pulang ke negara asal. Dasar ini adalah berbentuk *case-to-case basis*, yang bermaksud PATI ini tidak boleh menuntut apa-apa hak seperti yang ditetapkan di bawah Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 daripada Kerajaan.

Dasar kemanusiaan yang diamalkan oleh Kerajaan dalam mengendalikan isu “Pelarian” ini telah menyebabkan Malaysia terus menjadi negara destinasi “Pelarian” dan bukan lagi negara penempatan sementara. Dari segi pengurusan “Pelarian”, Negara tidak memberikan hak untuk bekerja, pendidikan formal di sekolah-sekolah Kerajaan dan sebagainya yang merangkumi kebajikan “Pelarian”. Walau bagaimanapun, PATI yang memegang Kad UNHCR telah dibantu dengan diberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan di hospital atau klinik Kerajaan dengan kadar potongan caj sebanyak 50% berbanding warga asing yang membayar caj penuh.

Pada masa kini, Kerajaan sedang dalam proses melaksanakan Projek Perintis untuk memberikan kebenaran bekerja kepada kumpulan PATI tersebut yang secara khususny, kepada Etnik Rohingya. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih berpegang kepada dasar sedia ada bagi pendidikan formal yang melibatkan sekolah-sekolah Kerajaan dan aspek kesihatan.

Dalam hubungan kerjasama dengan UNHCR, meskipun Malaysia tidak menjadi ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967, ia tidak menjadi halangan bagi Kerajaan untuk menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa tersebut mengenai isu “Pelarian”, memandangkan pihak UNCHR pernah membantu Kerajaan menguruskan “Pelarian” Indo-China (Vietnam) pada tahun 1975.

#### **4. KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS**

Selaras dengan Peraturan Lokap 1953, Suruhanjaya menekankan kepentingan pemeriksaan kesihatan fizikal dan mental ke atas tahanan sebelum mereka ditempatkan di lokap. KDN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu membantu pihak polis dengan memastikan terdapat bilangan pegawai perubatan yang mencukupi bagi tujuan tersebut. Ini adalah penting bagi membolehkan pihak polis untuk mengenal pasti

langkah-langkah khas yang diperlukan bukan sahaja untuk memastikan keselamatan orang tahanan, tetapi juga bagi membolehkan anggota polis bersiap sedia dan melindungi diri dari penyebaran penyakit berjangkit serta kemungkinan serangan tahanan yang agresif terutamanya mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Pada masa ini, Suruhanjaya belum dapat menidakkan kemungkinan adanya perkaitan di antara kematian tahanan dengan keadaan lokap yang kurang memuaskan dan sesak, di samping kekurangan saringan kesihatan. Daripada pemerhatian Suruhanjaya ke atas beberapa buah lokap, didapati tahap kebersihan lokap-lokap tersebut jauh lebih rendah berbanding peraturan piawaian minimum antarabangsa. Kekurangan bilangan lokap menyebabkan berlakunya kesesakan, dan kesesakan ini menjadi lebih teruk apabila lokap polis terpaksa dikongsi penggunaannya oleh penguatkuasa undang-undang yang lain serta penguatkuasa agama sebagai penempatan sementara orang yang ditahan. Masalah bertambah buruk oleh sebab kekurangan bilangan kakitangan. Kementerian digesa mengkaji semula isu-isu ini dan mempertimbangkan pembinaan lebih banyak lokap untuk mengurangkan kesesakan, serta penambahan bilangan kakitangan untuk mengendalikan tahanan bagi mengurangkan risiko jangkitan penyakit dan pergaduhan antara tahanan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa peka mengenai isu kematian dalam tahanan malah berusaha untuk mencari mekanisme dan cara terbaik bagi mengatasi masalah ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa terbuka kepada cadangan penambahbaikan keadaan serta kemudahan lokap sedia ada. Teknologi Pelaporan Analisis Pemantau Sendiri (SMART) lokap telah diperkenalkan bagi meningkatkan kawalan keselamatan. Balai Polis Jinjang telah dijadikan lokap perintis bagi kemudahan ini dan akan dilaksanakan secara berperingkat di lokap-lokap seluruh negara. Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan sistem pengurusan lokap di samping memastikan keselamatan tahanan sentiasa terjamin.

Dari aspek kesihatan tahanan, Penyelia Lokap dipertanggungjawabkan untuk memeriksa dahulu kesihatan semua tahanan yang hendak ditahan di lokap polis untuk mengenal pasti samada tahanan tersebut sakit atau cedera. Tahanan yang sakit atau cedera akan dibawa ke hospital atau klinik Kerajaan untuk menerima rawatan sebelum ditahan di dalam lokap. Sekiranya tahanan didapati sakit setelah ditahan di dalam lokap, ianya juga akan dibawa ke hospital atau klinik Kerajaan

untuk rawatan. Selain daripada itu, kesihatan anggota PDRM turut dititikberatkan di mana pegawai dan anggota PDRM dikehendaki melakukan pemeriksaan perubatan penuh (*full medical check up*) apabila mereka mencapai umur 40 tahun dan perlu mendapatkan rawatan susulan di klinik-klinik Kerajaan sekiranya mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Di samping itu, Kerajaan melalui PDRM sedang mengambil usaha penambahbaikan lokap-lokap PDRM yang berada dalam keadaan kurang memuaskan. Sebanyak lebih kurang 40% daripada lokap-lokap PDRM sedia ada telah berusia lebih daripada 30 tahun di mana lokap dan bangunan balai polis tersebut telah lama dan uzur serta rekabentuk keluasannya pada ketika itu adalah amat terhad. Oleh itu, Kerajaan sememangnya memberi perhatian kepada usaha penambahbaikan keselesaan lokap-lokap PDRM dengan mengambil kira kelulusan peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia 5 Tahun yang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE). Kerajaan memberi penekanan terhadap bilangan sel-sel dan saiz lokap di balai-balai polis supaya selaras dengan jumlah purata tahanan reman. Spesifikasi keluasan lokap PDRM pada masa sekarang adalah seperti berikut:

- i. Saiz sel lelaki dewasa: 3m x 6m atau 3m x 3m;
- ii. Saiz sel perempuan dewasa: 3m x 6m atau 3m x 3m; dan
- iii. Saiz sel kanak-kanak: 3m x 3m.

Kerajaan melalui PDRM juga telah memperkenalkan Lokap-Lokap Berpusat PDRM untuk tujuan keselesaan Orang Kena Tuduh (OKT). Pada peringkat permulaan, terdapat lima (5) Lokap Berpusat telah dibina, iaitu:

- i. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur pada 31 Julai 2011;
- ii. Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor pada 30 Jun 2010;
- iii. Lokap Berpusat Bandar Indera Mahkota, Pahang 9 Oktober 2012;
- iv. Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang 23 Disember 2010; dan
- v. Lokap Berpusat Kepyayan, Kota Kinabalu, Sabah pada 19 Mac 2011.

Kerajaan juga sentiasa memastikan semua tahanan yang ditahan di lokap-lokap polis diberi makan dan minum sebanyak empat (4) kali sehari seperti berikut:

- i. Sarapan pagi pada jam 7.00 pagi;
- ii. Minum pagi pada jam 10.00 pagi;
- iii. Makan tengah hari pada jam 12.00 tengah hari; dan
- iv. Makan malam pada jam 6.00 petang.

## **5. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA**

Walaupun pemerhatian Suruhanjaya mendapati peningkatan dalam ketepatan waktu untuk pemeriksaan kesihatan sebelum kemasukan ke penjara, tidak ada dasar yang standard untuk pemeriksaan kesihatan secara berkala selepas kemasukan tahanan ke penjara. Suruhanjaya menekankan bahawa penyakit boleh merebak pada bila-bila masa semasa pemenjaraan. Sehubungan itu, pemeriksaan kesihatan secara berkala harus dibuat untuk mengelakkan wabak dan penyebaran penyakit serius. Pemeriksaan kesihatan juga perlu dijalankan sebelum banduan dipindahkan dari satu penjara ke penjara yang lain.

Selain pemeriksaan kesihatan secara berkala, kebersihan adalah faktor penting bagi menghalang penyebaran penyakit. Semasa lawatannya, Suruhanjaya mendapati adanya penularan penyakit kudis yang tinggi di kalangan tahanan disebabkan tahap kebersihan sel penjara yang kurang memuaskan. Di samping itu, keperluan khusus kesihatan dan kebersihan untuk wanita juga perlu diberi perhatian. Satu perempat daripada tahanan wanita yang dikaji oleh Suruhanjaya melaporkan bahawa mereka tidak disediakan dengan tuala wanita semasa haid dan mereka terpaksa mencari jalan untuk membeli produk ini sendiri. Bagi pihak penjara, oleh kerana kekurangan peruntukan kewangan, pegawai di penjara wanita tidak dapat memastikan bahawa barang tersebut sentiasa tersedia dalam bekalan.

Terdapat juga keperluan untuk pihak penjara menangani gangguan mental dan psikologi, bukan sahaja yang dihadapi banduan, tetapi juga di kalangan kakitangan penjara. Pemeriksaan kesihatan mental serta perkhidmatan psikiatri dan psikologi hendaklah sentiasa diberikan kepada mereka. Hasil dapatan awal di atas menunjukkan perlunya perancangan teliti terhadap bajet dan sumber manusia tahunan, dan perlunya usaha penyelesaian bersama oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Jabatan Penjara bagi menyelesaikan masalah kesihatan yang berterusan di penjara. Suruhanjaya menekankan bahawa selain daripada kehilangan hak kebebasan oleh sebab keputusan penghakiman, dan sekatan tertentu yang dikenakan oleh pihak berkuasa penjara bagi mengekalkan ketenteraman dan keselamatan, hak asasi manusia lain seperti hak kepada kesihatan masih dimiliki oleh setiap tahanan.



## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara memperuntukkan bahawa pemeriksaan kesihatan banduan perlu dilaksanakan semasa mulai masuk penjara, sebelum berpindah penjara dan secara berkala mengikut keperluan/jadual. Selain itu, pemeriksaan kesihatan mental atau ujian psikologi serta ujian saringan HIV/TB dan lain-lain turut diadakan mengikut keperluan.

Pemeriksaan dan rawatan terhadap semua banduan adalah tidak terhad malahan pelaksanaan pemeriksaan, rawatan, penjagaan dan pencegahan penyakit dilaksanakan dengan mengambil kira nasihat doktor dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pembersihan diri dan sel atau blok penginapan, persekitaran dan tempat latihan merupakan aktiviti harian yang diterapkan sebagai disiplin diri banduan melalui penetapan dalam jadual harian.

Sementara itu, bekalan tuala wanita yang didakwa tidak disediakan sebenarnya boleh diperolehi dengan membuat permohonan kepada pegawai bertugas. Banduanita juga dibenarkan membeli tuala wanita sendiri mengikut pilihan dan citarasa masing-masing.

Mulai tahun 2015, khidmat doktor panel untuk penghuni telah digantikan dengan Pegawai Perubatan bertauliah dari KKM bagi memantapkan lagi aspek penjagaan kesihatan. Selain itu, 57 orang pegawai psikologi turut ditempatkan di seluruh institusi penjara. Pertambahan sebanyak 234 perjawatan perubatan yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi, Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi di seluruh institusi penjara memberikan impak positif terhadap aspek penjagaan kesihatan.

## **6. MAKLUM BALAS KEPADA INKUIRI NASIONAL**

Suruhanjaya mengulangi adanya hak masyarakat kepada maklumat dan untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran kerajaan, termasuk dalam perkembangan dasar dan keputusan, terutamanya yang mempunyai kesan langsung terhadap mereka. Dalam konteks ini, penglibatan masyarakat Orang Asli dan Orang Asal dalam proses kerja Pasukan Petugas Kebangsaan di atas [Pasukan Petugas Kebangsaan untuk mengkaji hasil dapatan

dan syor-syor yang terkandung di dalam Laporan NI Suruhanjaya] perlu dipastikan, atau sekurang-kurangnya maklumat daripada perbincangan dan keputusan Pasukan Petugas perlu dimaklumkan kepada masyarakat awam bagi membolehkan mereka memberi maklum balas.

Adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar perbincangan tentang hasil dapatan dan syor-syor Laporan NI dilakukan secara terbuka dan telus, dan disusuli dengan pelaksanaan setiap cadangan secara pantas dan berkesan untuk memelihara hak dan kepentingan Orang Asal/Asli di Malaysia.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) pada Jun 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi menimbang dapatan dan syor oleh Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM. Secara umumnya, JKKHTOA bersetuju supaya usaha-usaha serta tindakan yang diambil oleh Kerajaan dilaksanakan secara terbuka dan telus. Selain dari itu, JKKHTOA juga secara prinsipnya bersetuju terhadap 17 syor daripada 18 syor mengenai pelbagai cadangan ke arah penyelesaian pelbagai isu mengenai hak tanah Orang Asal/Asli kecuali cadangan menubuhkan Suruhanjaya Bebas Kebangsaan Mengenai Orang Asal/Asli. Jemaah Menteri melalui mesyuaratnya pada Mei 2016 juga turut mengambil maklum dan bersetuju terhadap hasil keputusan yang dicapai oleh JKKHTOA.

## **7. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)**

Suruhanjaya berpendapat bahawa proses pembangunan NHRAP ini bergerak dengan agak lembab. Pada awalnya, pembangunan NHRAP dijangka bermula pada tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2016, diikuti oleh pelaksanaan pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, hanya pada bulan November 2015, semasa mesyuarat dwi-tahunan Jawatankuasa Pemandu NHRAP, pelantikan perunding luar (Perunding) telah diumumkan. Perunding ini ditugaskan oleh BHEUU untuk membangunkan NHRAP tersebut, dengan draf lengkap perlu dibentangkan kepada BHEUU pada bulan April 2017. Oleh yang demikian tarikh penyiapan dan pelaksanaan NHRAP terpaksa ditangguhkan.

Suruhanjaya mengesyorkan agar kandungan pelan tersebut memfokuskan kepada syor-syor yang telah pun diterima oleh Malaysia di dalam Penilaian

Penggalan Sejagat (UPR) memandangkan banyak cadangan yang diberikan melalui mekanisma tersebut menggunakan kriteria S.M.A.R.T iaitu khusus (*specific*), boleh diukur (*measurable*), boleh dicapai (*achievable*), relevan (*relevant*) dan terikat dengan jangka masa (*time bound*). Suruhanjaya juga mengesyorkan agar pelan tersebut mengutamakan penyertaan Malaysia kepada triti hak asasi manusia antarabangsa, yang boleh dijadikan asas untuk melindungi hak asasi manusia melalui NHRAP. Tambahan pula, secara asasnya kesembilan-sembilan triti teras hak asasi manusia antarabangsa tersebut sudah pun mengandungi objek Teras- Teras NHRAP yang sedia ada.

Selain daripada sumber-sumber di atas, organisasi masyarakat sivil (CSO) perlu dirujuk bagi mendapatkan pandangan bernas mereka terhadap isu-isu hak asasi manusia yang sedang membelenggu rakyat di Malaysia.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah bersetuju agar Malaysia mempunyai sebuah draf Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) menjelang tahun 2018. Mekanisme pembangunan telah dikenal pasti termasuk kajian undang-undang, kajian awalan dan kajian dasar NHRAP. Kesemua proses ini memerlukan tempoh masa yang tertentu untuk dijalankan. Kerajaan juga bersetuju bahawa pembangunan NHRAP tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan pertimbangan terhadap banyak perkara.

Antara perkara utama yang difokuskan semasa pembangunan NHRAP adalah mengambil kira semua syor yang telah diterima semasa proses Penilaian Berkala Sejagat (UPR). Selain daripada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada dalam negara, pembangunan NHRAP turut mengambil kira polisi, sosio-budaya dan keadaan semasa negara.

Pembangunan NHRAP akan memberi penekanan kepada isu-isu di bawah 5 teras utama iaitu Hak Sivil dan Politik; Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan; Hak Golongan Rentan; Hak Orang Asal/ Asli dan Kewajipan Antarabangsa. Di bawah teras Kewajipan Antarabangsa, pelan ini akan turut memberi fokus terhadap penyertaan Malaysia kepada triti hak asasi manusia antarabangsa.

Kerajaan sentiasa memastikan perunding kajian dasar NHRAP memberi penekanan kepada penglibatan CSO, NGO, *focus group* dan masyarakat secara keseluruhannya.

## 8. ISU KANAK-KANAK

Pada tahun 2015, laporan-laporan media mengenai isu kanak-kanak kelihatan lebih kerap. Laporan mengenai kes rogol kanak-kanak, penukaran agama anak di bawah umur tanpa rela, hak penjagaan anak, serta kematian murid-murid sekolah Orang Asli merupakan antara berita yang telah diketengahkan. Berdasarkan pemerhatian terhadap isu-isu di atas, Suruhanjaya berpendapat bahawa walaupun Malaysia telah menjadi ahli kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) sejak tahun 1995, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan perlindungan hak kanak-kanak di negara ini.

Pendidikan merupakan hak yang dimiliki semua kanak-kanak tanpa mengira perbezaan. Namun di Malaysia, tidak semua kanak-kanak dapat mengakses pendidikan. Ramai kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran (*children with learning disabilities*), terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada kemudahan dan pendidikan khas memandangkan kebanyakannya hanya terdapat di kawasan bandar dan pinggir bandar. Selain itu, masih terdapat ramai kanak-kanak Orang Asli yang tidak dapat memperoleh pendidikan formal kerana sekolah terlalu jauh dari kampung mereka. Walaupun terdapat langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan sekolah berasrama penuh untuk kanak-kanak Orang Asli, Suruhanjaya telah menerima aduan bahawa sekolah-sekolah ini telah gagal mengambil kira keperluan dan konteks budaya Orang Asli.

Sesetengah murid Orang Asli mendakwa bahawa mereka telah dibuli dan dilayan dengan kasar oleh guru mereka. Oleh sebab itu, Suruhanjaya telah menemui kes-kes di mana kanak-kanak Orang Asli telah meninggalkan asrama sekolah mereka tanpa kebenaran guru untuk kembali ke pangkuan keluarga mereka atas alasan tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran asing di sekolah asrama.

Suruhanjaya amat bimbang dengan penahanan kanak-kanak pelarian dan migran tidak berdaftar, terutamanya kanak-kanak tanpa penjaga, di pusat-pusat imigresen. Suruhanjaya menekankan bahawa menempatkan kanak-kanak di pusat-pusat tahanan boleh menjejaskan kesejahteraan fizikal dan psikologi mereka, kerana mereka terdedah kepada pelbagai risiko kesihatan dan keselamatan. Suruhanjaya menggesa pihak berkuasa untuk memperkenalkan dasar alternatif kepada tahanan untuk membebaskan

kanak-kanak ini kembali ke dalam masyarakat, bersama dengan sokongan yang diperlukan seperti pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan lain yang berkaitan yang bagi memastikan keselamatan dan perkembangan mereka.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Malaysia selaku Negara Pihak kepada *Convention on the Rights of the Child* (CRC) sudahpun mempunyai undang-undang berkaitan hak asasi manusia terutamanya di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan peruntukan mengenai kebebasan asasi di Malaysia. Malaysia juga mempunyai kerangka perundangan melibatkan kanak-kanak yang digubal selaras dengan tanggungjawab Malaysia di bawah CRC iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] yang bertujuan untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik pelaksanaan, perlindungan serta pemeliharaan hak asasi kanak-kanak, beberapa peruntukan dalam Akta 611 telah dikaji dan dipinda terutamanya yang melibatkan prosedur penguatkuasaan terhadap kanak-kanak yang telah mengambil kira elemen kepentingan terbaik kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diwartakan pada 25 Julai 2016.

Penukaran agama bagi kanak-kanak di bawah umur adalah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Fasal 4 Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Persetujuan salah satu pihak sahaja adalah memadai dalam penentuan agama seorang kanak-kanak.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengambil berat tentang pendidikan bagi semua Murid Berkeperluan Khas (MBK) di seluruh negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang kini sudah di peringkat Gelombang 2 (2016-2020) pelaksanaannya telah merencanakan pelbagai inisiatif khususnya dari segi akses, ekuiti dan kualiti pendidikan untuk MBK.

Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] pada Bab 8 seksyen 40 menyatakan bahawa Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah khas yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat.

Selaras dengan dasar sedia ada, MBK boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan yang berikut:

- Sekolah pendidikan khas: Sekolah yang menempatkan murid kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, dan masalah pembelajaran. Kini terdapat 28 sekolah rendah dan 6 sekolah menengah pendidikan khas dalam sistem;
- Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI): Sekolah arus perdana yang mempunyai kelas khas untuk murid berkeperluan khas. Kini terdapat 1,315 sekolah rendah dan 738 sekolah menengah melaksanakan PPKI; dan
- Program Pendidikan Inklusif: Program pendidikan untuk murid berkeperluan khas yang boleh belajar bersama-sama murid arus perdana dengan menempatkan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam satu kelas.

Sepanjang pelaksanaan Gelombang 1 (2013-2015), Pelan Pembangunan Pendidikan 2012-2025, KPM telah melaksanakan Inisiatif Peningkatan Akses Kepada Pendidikan Inklusif Berkualiti Bagi MBK. Inisiatif ini menggalakkan lebih ramai MBK ke dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI), dan meningkatkan kualiti penyediaannya secara keseluruhan.

Inisiatif Peningkatan Akses kepada Pendidikan Inklusif yang Berkualiti dilaksanakan untuk membantu MBK mencapai 'pelibatan penuh dan kesamarataan dalam pendidikan'. Hal ini sejajar dengan resolusi *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* (1994) yang menyatakan bahawa MBK perlu mendapat akses kepada pendidikan arus perdana. Sekolah arus perdana yang mengamalkan persekitaran yang berkesan, mampu mewujudkan komuniti yang lebih terbuka terhadap pendidikan khas dan membina masyarakat yang inklusif.

Kemudahan infrastruktur yang selamat dan kondusif merupakan satu lagi keperluan penting bagi MBK dalam memastikan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti setanding dengan murid di arus perdana. Bagi tujuan itu, projek-projek membina blok baharu atau menaik taraf kelas, perolehan perabot dan peralatan serta membina kemudahan mesra OKU seperti tandas OKU, susur landai, susur tangan dan parkir di PPKI, PPI dan di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) giat dilaksanakan secara berperingkat.

Sehubungan dengan itu, KPM melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang kini memasuki Gelombang 2 (2016-2020) sedang giat meningkatkan pelaksanaan inisiatif dan menambah jumlah pakar sedia ada bagi

menangani pertambahan MBK dan kepelbagaian keperluan yang timbul. Hal ini untuk memastikan MBK mendapat peluang dan manfaat yang sama dengan murid lain dalam sistem pendidikan Malaysia.

Hal ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan yang khusus untuk pendidikan MBK walau di mana jua mereka berada bagi menjamin hak mereka yang saksama dalam pendidikan.

Kerajaan telah mewujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri, pihak swasta dan badan bukan Kerajaan berhubung peluang pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak orang asli. Bantuan khidmat pengangkutan disediakan bagi meningkatkan akses pendidikan dalam kalangan kanak-kanak orang asli di kawasan pedalaman. Bantuan ini meliputi pengangkutan harian ulang-alik dari rumah ke sekolah dan pengangkutan dari asrama ke rumah bagi penghuni asrama ketika pulang bercuti.

Pelbagai program telah dilaksanakan bagi memulihkan semangat pelajar yang selamat dan ibu bapa kanak-kanak yang terlibat dalam kes murid orang asli yang melarikan diri dari sekolah. Lawatan berkala turut diadakan bagi memantau dan menyuntik motivasi agar mereka kembali ke sekolah.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia untuk mendapat pendidikan termasuk kanak-kanak bukan warganegara. Walau bagaimanapun, kanak-kanak bukan warganegara tanpa dokumen pengenalan diri dan kanak-kanak tanpa kerakyatan tidak termasuk dalam kategori yang boleh diterima masuk ke sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah). Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Teknikal untuk mengkaji dasar alternatif kepada tahanan kanak-kanak supaya dapat ditempatkan di pusat jagaan NGO melalui rundingan bersama JKM.

## **9. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN**

Terdapat peningkatan harapan orang awam terhadap golongan swasta, termasuk perusahaan perniagaan, supaya memastikan bahawa mereka menghormati hak-hak individu dan masyarakat. Walau bagaimanapun, nampaknya tidak banyak kemajuan yang ditunjukkan oleh sektor perniagaan di Malaysia ke arah merealisasikan harapan ini. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada hal ini adalah ketiadaan undang-undang di

Malaysia yang secara khususnya mempertanggungjawabkan perusahaan perniagaan untuk mengelak daripada melanggar hak asasi manusia. Walaupun operasi perusahaan perniagaan masih boleh dikawal melalui perundangan sedia ada yang lain, seperti undang-undang tanah, buruh, pemerdagangan manusia, dan alam sekitar, penguatkuasaan undang-undang ini masih lemah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Undang-undang di Malaysia berkaitan dengan perniagaan dan masyarakat antara lainnya adalah Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kerja 1955 dan Akta Imigresen 1959/1963. Akta-akta tersebut tidak mempunyai peruntukan secara langsung berkenaan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, akta-akta tersebut diwujudkan bagi melindungi hak-hak pekerja dan warganegara berkaitan yang secara tidak langsung mengandungi elemen-elemen perlindungan hak asasi manusia.

Kerajaan telah mewujudkan standard minimum bagi perlindungan alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang harus dipatuhi oleh semua syarikat serta perniagaan di Malaysia. Kesemua standard minimum tersebut telah dizahirkan melalui undang-undang sedia ada seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*].

Undang-undang Malaysia yang sedia ada adalah memadai bagi memastikan perusahaan perniagaan dan golongan korporat dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang (*legal persons*) dengan mengawal selia tindakan individu, syarikat dan perniagaan melalui pewujudan kesalahan.

Selain daripada mewujudkan undang-undang domestik, Kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif secara pentadbiran bagi memastikan tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) terhadap hak asasi manusia. Sebagai contoh, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menekankan kepentingan tanggungjawab korporat dengan mewujudkan Kod Etika Perniagaan Malaysia dan Kod Etika Pengarah Syarikat.

Bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam mempromosikan tanggungjawab korporat, SSM telah menghasilkan satu rangka kerja strategik yang menggariskan pendekatan SSM ke arah menyemai budaya tanggungjawab korporat di Malaysia.



Rangka kerja strategik tersebut dikenali sebagai Agenda Tanggungjawab Korporat SSM (Agenda CR SSM).

Manakala Jabatan Standard Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Tanggungjawab Sosial di bawah Jawatankuasa Standard Perindustrian berkenaan Pengurusan Organisasi (ISCO) yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan *Malaysian Standard* (MS) berkaitan tanggungjawab sosial berdasarkan standard antarabangsa, iaitu ISO 26000 – *Guidance on Social Responsibility*.

Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) menjalankan pemeriksaan berkanun, pemeriksaan pembangunan dan pemeriksaan ke atas estet secara berkala. Dalam pemeriksaan ini, Pegawai Jawatankuasa Teknikal bukan sahaja memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan, malahan mereka juga perlu memastikan majikan menghormati hak-hak asasi pekerja. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 pula mengandungi peruntukan yang bertujuan untuk mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja dalam bentuk pencegahan dan penyelesaian apa-apa perselisihan atau pertikaian di antara mereka.

Di samping itu, Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) di bawah KSM juga menjalankan lawatan harmoni ke tempat kerja untuk meningkatkan tahap keharmonian perusahaan dalam kalangan pekerja dan majikan. Dalam lawatan-lawatan ini, pegawai akan menegaskan kepentingan majikan dalam menjaga hak asasi pekerja. Sebarang aduan mengenai pelanggaran undang-undang perburuhan serta hak asasi manusia akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil melalui Mahkamah Buruh atau Mahkamah Perusahaan. Sekiranya perintah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Teknikal tidak dipatuhi, tindakan pendakwaan akan diambil ke atas majikan untuk memastikan hak pekerja dilindungi.

Sebagai contoh, Akta Kerja 1955 menggariskan terma-terma minimum yang perlu ada dalam kontrak kerja seseorang pekerja seperti gaji dan cuti, peruntukan berkaitan penggajian pekerja wanita dan kanak-kanak, peruntukan berkaitan gangguan seksual di tempat kerja dan sebagainya. Akta tersebut melindungi hak serta kebajikan pekerja dan majikan sepanjang perkhidmatan serta terpakai ke atas pekerja tempatan dan pekerja asing yang digaji melalui prosedur yang sah.

Akta Imigresen 1959/1963 mengandungi peruntukan bertujuan untuk memantau kemasukan orang asing ke negara ini bersesuaian dengan kepentingan dan keselamatan rakyat serta negara di samping memastikan warganegara yang layak tidak dinafikan sebarang kemudahan imigresen. Akta-akta ini secara kasar

mempunyai elemen berkaitan hak asasi manusia dan usaha penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dan diperluaskan lagi supaya lebih efisien dan efektif.

Selain itu, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan undang-undang berkaitan pemerdagangan manusia di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM). Ia merupakan akta untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Akta ini sedang diperhalusi bagi meningkatkan keberkesannya dan antara aspek yang diberi pertimbangan adalah kebenaran kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan untuk bergerak bebas dan bekerja.

Kerajaan pada 2012 telah bersetuju supaya diwujudkan NHRAP sebagai platform untuk memperkasakan sistem pentadbiran awam negara. Penggunaan Pelan ini juga tidak terbatas kepada Kerajaan malah ia boleh dijadikan bahan rujukan oleh pelbagai sektor dalam masyarakat mengenai dasar dan komitmen Kerajaan berkaitan perlindungan hak asasi manusia di negara ini. Ia boleh menjadi asas serta panduan dalam perbincangan mengenai hala tuju berkenaan hak asasi manusia dalam pelbagai konteks malah sesuai untuk edaran di peringkat antarabangsa.

Kerajaan mengambil maklum bahawa objektif Rangka Kerja Strategik bagi Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia oleh SUHAKAM adalah untuk memberi kesedaran kepada pengusaha perniagaan sebagai langkah pencegahan dan remedi yang berkaitan dengan perniagaan terhadap hak asasi manusia.

Kerajaan sentiasa memastikan segala perjanjian perdagangan yang dimeterai adalah selari dengan obligasi Malaysia di bawah triti Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Kerajaan meletakkan perlindungan yang sewajarnya sebagai mana yang dihuraikan di bawah Prinsip ke-9 dalam Prinsip-prinsip Panduan PBB Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

Kerajaan telah mengambil kira hak masyarakat di dalam proses TPPA yang mana teks TPPA telah didedahkan kepada umum pada 5 November 2015 sebelum dibentang, dibahas dan diundi di Parlimen pada penghujung Januari 2016. Segala maklum balas daripada masyarakat telah disalurkan melalui wakil-wakil rakyat dan ahli-ahli Parlimen yang dilantik. Malaysia telah menandatangani TPPA pada 4 Februari 2016 setelah mendapat kelulusan Parlimen.

Selain itu, Kerajaan juga telah memberi lebih 300 sesi penerangan mengenai TPPA di seluruh negara bermula pada 1 Ogos 2013 sehingga Januari 2016. Sesi-sesi tersebut bertujuan untuk menerangkan rasional bagi Malaysia menyertai perundingan TPPA serta mendapatkan maklum balas rakyat.

Bab Pelaburan di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi Malaysia adalah berdasarkan prinsip *reciprocal treatment* untuk melindungi pelabur asing dan pelaburan. FTA memberikan perlindungan kepada pelabur-pelabur asing di Malaysia dan juga pelabur-pelabur daripada Malaysia yang membuat pelaburan di luar negara.

Antara obligasi Kerajaan di bawah FTA termasuk memberi layanan tanpa diskriminasi kepada semua pelabur asing, sama ada sesama pelabur asing atau pelabur asing dengan pelabur tempatan. Obligasi lain di bawah FTA adalah memberi layanan minimum yang standard (*minimum standard of treatment*) kepada pelabur asing selaras dengan undang-undang antarabangsa yang terpakai iaitu *Customary International Law*.

## 10. SEMAKAN UNDANG-UNDANG

Suruhanjaya meluahkan rasa kecewa terhadap pendekatan yang diambil dalam proses penggubalan sebahagian undang-undang tersebut yang kelihatan terburu-buru. Di samping itu, kekurangan rundingan bersama masyarakat awam dalam proses merangka dan/atau meminda undang-undang tersebut telah menafikan hak masyarakat awam untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran serta pengendalian hal-ehwal awam.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Negara – Seranta Awam Atas Talian (*Online Public Engagement*) Bagi Sebarang Cadangan Baru atau Pindaan Undang-Undang Bil. 2/2012 yang membolehkan orang awam untuk memberi maklum balas terhadap sebarang cadangan baharu atau draf pindaan undang-undang (yang merangkumi undang-undang subsidiari, polisi atau peraturan) bagi mendukung ketelusan dan keadilan dalam pelaksanaan undang-undang. Kerajaan sentiasa memastikan proses rundingan yang sewajarnya dibuat dengan pihak-pihak yang berkepentingan sebelum tindakan lanjut diambil untuk menggubal sesuatu undang-undang.

**(a) Akta Pencegahan Keganasan 2015**

Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) yang telah digubal untuk menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) telah memperkasakan kembali penahanan tanpa perbicaraan. Akta ini juga tidak memperuntukkan secara nyata bahawa individu-individu yang ditahan di bawah undang-undang ini berhak kepada peguam untuk pembelaan serta berhak dimaklumkan tentang kesalahan yang menjadi punca penahanan.

Penyiasatan di bawah undang-undang ini juga tersasar dari peraturan biasa dalam kaedah keterangan dan tatacara jenayah memandangkan Pegawai Siasatan (IO) boleh mendapatkan bahan bukti dengan apa cara sekalipun. Selanjutnya, Akta ini menolak semakan kehakiman secara bebas bagi menilai perintah tahanan dan sekatan yang jelas bercanggah dengan hak kesaksamaan dan perlindungan sama rata di sisi undang-undang seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sebaliknya, Akta ini memperkenalkan Lembaga Pencegahan Keganasan. Kebebasan lembaga ini telah dipersoalkan oleh masyarakat awam memandangkan ahli-ahlinya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong berdasarkan nasihat Kerajaan dan boleh disingkirkan pada bila-bila masa. Di samping itu, terdapat juga persoalan terhadap objektiviti lembaga tersebut memandangkan ia boleh mengenakan perintah tahanan dan sekatan yang boleh diperbaharui ke atas individu-individu yang tidak diwakili oleh peguam pembelaan, dan hukuman tersebut dikenakan hanya berdasarkan laporan penyiasatan dari IO semata-mata. Tambahan pula, Akta ini tidak mengandungi peruntukan yang membolehkan lembaga tersebut mempersoal laporan penyiasatan atau mengarahkan siasatan lanjut.

Meskipun Akta ini menyentuh tentang isu keganasan, Suruhanjaya menekankan bahawa ini tidak boleh digunakan sebagai asas untuk melanggar hak asasi manusia. Oleh demikian, Suruhanjaya menyeru pihak Kerajaan agar memastikan setiap individu dapat mengakses proses perundangan sewajarnya dengan mengkaji semula Akta ini.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk membuat semakan terhadap Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) kerana Akta ini digubal bukanlah semata-mata untuk penahanan seseorang individu tanpa perbicaraan. Dakwaan bahawa penggubalan POTA telah memperkasakan kembali penahanan tanpa perbicaraan adalah tidak benar sama sekali.

Terdapat beberapa peruntukan dalam POTA yang bersifat *check and balance* antara kepentingan individu yang ditahan dan keselamatan negara yang ingin dipertahankan. Dalam konteks prosedur penangkapan sama ada dalam POTA atau mana-mana undang-undang jenayah yang terpakai di negara ini, mana-mana individu yang ditahan di bawah POTA akan dimaklumkan sebab tangkapan dan hak-hak beliau dalam undang-undang selepas sahaja tangkapan dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) selaras dengan peruntukan subseksyen 4(4) POTA. Seksyen 10(6) POTA juga memperuntukkan bahawa peguam boleh hadir dalam inkuiri jika pernyataan beliau diambil dan direkodkan oleh pegawai inkuiri. Waris kadim turut dimaklumkan berhubung tangkapan dan lokasi keberadaannya.

Peruntukan yang dinyatakan dalam seksyen 10(3)(a)-(e) POTA tidak boleh sewenang-wenangnya diguna pakai sehingga menjejaskan hak-hak seseorang individu yang ditahan di bawah POTA. Terdapat garis panduan yang jelas untuk prosedur inkuiri dijalankan oleh pegawai inkuiri sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pencegahan Keganasan selaras dengan peruntukan subseksyen 10(2) POTA.

Akta ini sama sekali tidak menolak semakan kehakiman secara bebas. Mana-mana individu yang ditahan di bawah Akta ini bebas untuk memfailkan semakan kehakiman melalui proses permohonan *habeas corpus* di Mahkamah Tinggi. Dalam KTJ, prosedur sedemikian telah diperuntukkan dalam Bab XXXVI iaitu seksyen 365.

Lembaga Pencegahan Keganasan telah diwujudkan untuk bertindak sebagai suatu badan yang adil dan saksama dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam POTA. Walaupun ahli-ahli Lembaga adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) berdasarkan nasihat oleh Kerajaan, mereka adalah ahli-ahli yang bebas tanpa boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang lain.

Lembaga ini akan diketuai oleh seorang pengerusi berkelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang yang akan membuat penilaian mendalam serta adil sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 13(1)(a)-(b) POTA. Apabila Lembaga Pencegahan Keganasan berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan menurut seksyen 4 dan 12 POTA, barulah perintah penahanan dikeluarkan. Lembaga Pencegahan Keganasan juga boleh menilai semula mana-mana laporan yang dikemukakan kepadanya melalui semakan terperinci hasil serta kredibiliti laporan-laporan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Fasal 151 Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas mengenai peluang ke atas tahanan pencegahan untuk membuat representasi terhadap pemerintah yang dibuat terhadapnya dengan seberapa segera kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Lembaga Penasihat akan menimbangankan apa-apa representasi yang dibuat oleh tahanan pencegahan itu dan seterusnya membuat syor mengenainya kepada YDPA dalam masa 3 bulan setelah menerima representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh YDPA. Peluang tahanan pencegahan untuk mendapatkan keadilan adalah saksama di sisi undang-undang.

Dalam hal yang sama, Lembaga Penasihat adalah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh YDPA dan sedang/pernah/layak menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh YDPA. Lembaga Penasihat juga mengguna pakai prosedur-prosedur yang tertentu iaitu Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) dan mempunyai budi bicara yang tersendiri dalam menentukan hala tuju prosiding pendengaran representasi tahanan pencegahan.

#### **(b) Akta Hasutan 1948**

Suruhanjaya sepenuh hati mengulangi pendiriannya bahawa Akta Hasutan perlu dimansuhkan untuk memberi makna yang sebenar kepada hak kebebasan bersuara seperti yang dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya turut menggesa pihak Kerajaan untuk menyertai Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) yang melindungi hak kebebasan bersuara, serta mengambil perhatian akan Komen Umum No 34 kepada Artikel 19 ICCPR yang jelas menyatakan bahawa sungguhpun batasan ke atas hak kebebasan bersuara boleh dikenakan, ini mestilah mematuhi tiga syarat iaitu batasan tersebut mestilah diperuntukkan secara jelas dan terperinci oleh undang-undang, batasan tersebut mesti mempunyai tujuan yang sah, dan batasan tersebut adalah benar-benar perlu.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Di dalam Maklum Balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2014 telah dijelaskan bahawa Akta Hasutan

1948 [Akta 15] dikekalkan berdasarkan perkembangan semasa yang mana terdapat peningkatan kes hasutan dan boleh menjejaskan keharmonian serta keamanan yang sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Pindaan kepada Akta 15 yang telah diluluskan pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas melibatkan beberapa penambahbaikan bagi memastikan pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan keadaan pecah belah dalam kalangan masyarakat di negara ini diadili dengan sewajarnya selaras dengan perkembangan ICT dan arus pemodenan.

Beberapa aspek positif telah diperkenalkan melalui pindaan terhadap Akta ini seperti memasukkan peruntukan bagi menangani perbuatan menghasut di Internet khususnya di media sosial dan memansuhkan kesalahan mengkritik Kerajaan dan perbuatan mengkritik pentadbiran keadilan sebagai suatu kesalahan di bawah Akta 15. Ini merupakan langkah tepat oleh pihak Kerajaan untuk menjadikan pentadbiran negara lebih peka, telus dan terbuka terhadap kritikan rakyat. Selain itu, Akta 15 telah sekian lama digunakan dan terbukti masih relevan sebagai undang-undang yang paling berkesan untuk menangani isu-isu berbaur hasutan dalam memastikan keamanan yang dikecapi selama ini terus terpelihara.

Langkah mengekalkan Akta 15 ini juga bukan bermakna Kerajaan melangkah ke belakang daripada janji untuk melakukan pembaharuan. Sebaliknya apa yang dilakukan itu demi melindungi kepentingan rakyat tanpa mengira kaum dan agama bagi mencegah sesuatu yang buruk berlaku di negara ini. Memandangkan undang-undang ini bersifat *punitive*, kes-kes di bawah Akta ini akan dibicarakan di mahkamah terbuka yang mana setiap individu yang dibicarakan bebas melantik peguam pilihannya sendiri untuk mewakili beliau semasa perbicaraan.

Buat masa ini, Kerajaan masih belum bersedia untuk menyertai *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) setelah mengambil kira beberapa peruntukan di dalam ICCPR yang tidak selaras dengan beberapa peruntukan di dalam undang-undang domestik terutamanya peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa dasar Kerajaan yang sedia ada. Secara umumnya, penyertaan kepada triti atau instrumen antarabangsa adalah hak kedaulatan negara. Malaysia akan memutuskan kesiediaan untuk menyertai sesuatu instrumen antarabangsa apabila terdapat kerangka undang-undang domestik supaya obligasi antarabangsa di bawah instrumen tersebut dapat dipatuhi.

Malaysia tidak akan dapat mematuhi obligasi antarabangsa di bawah ICCPR tanpa meminda Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang domestik Malaysia,

terutamanya yang berkaitan dengan perlindungan kedudukan istimewa Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta perkara-perkara berkaitan dengan agama. Berdasarkan Artikel 19 ICCPR, hak kebebasan bersuara adalah tidak mutlak dan tertakluk kepada batasan-batasan tertentu yang diperuntukkan oleh undang-undang serta perlu demi kepentingan antara lainya keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Walaupun Malaysia bukanlah Negara Pihak kepada ICCPR dan tidak terikat dengan peruntukan di bawahnya, Malaysia menghormati peruntukan ICCPR dan ini dapat dilihat dengan adanya peruntukan mengenai hak kebebasan bersuara tertakluk kepada batasan-batasan tertentu di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

### **(c) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 1999**

Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah penting agar kedudukan Suruhanjaya diperkukuhkan dengan meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) bagi memastikan terdapatnya semak dan imbang terhadap pihak Kerajaan, khususnya cabang Eksekutif dan Perundangan Kerajaan. Salah satu pindaan yang dicadangkan kepada Akta 597 adalah untuk memberi mandat yang jelas kepada Suruhanjaya sebagai pihak yang harus dirujuk oleh pihak Kerajaan dalam proses penggubalan dan pindaan undang-undang. Malangnya, cadangan ini telah ditolak oleh pihak Kerajaan sekaligus dengan cadangan-cadangan Suruhanjaya yang lain termasuklah memberi kuasa kepada Suruhanjaya secara jelas untuk, antara lain, memeriksa tempat-tempat tahanan tanpa notis awal, mengambil peranan dalam kes-kes mahkamah yang menyentuh hak asasi manusia atau setidak-tidaknya muncul sebagai *amicus curiae*, serta menjalankan proses pengantaraan. Di samping itu, Suruhanjaya juga telah berusaha untuk mengukuhkan beberapa peruntukan yang sedia ada, khususnya bagi mewajibkan Parlimen membahaskan laporan tahunan Suruhanjaya, serta dana yang mencukupi bagi membolehkan Suruhanjaya beroperasi secara berkesan.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Cadangan pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang melibatkan beberapa perkara tertentu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM telah dibincang semasa mesyuarat pada 3 Ogos 2015 yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana



Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal undang-undang pada ketika itu dan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal hak asasi manusia, dan turut dihadiri oleh Pengerusi serta Setiausaha SUHAKAM pada masa itu. Pihak Jabatan Peguam Negara telah memberi penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan SUHAKAM dari aspek perundangan. Secara umumnya, mesyuarat tersebut mengambil maklum bahawa cadangan-cadangan SUHAKAM tidak memerlukan pindaan Akta 597. Namun, SUHAKAM disyorkan untuk melaksanakan tindakan susulan berkaitan cadangan-cadangan yang dikemukakan dan SUHAKAM boleh membawa apa-apa cadangan lain untuk pertimbangan sewajarnya dari semasa ke semasa.

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan akan meneruskan perbincangan dengan Speaker Dewan Rakyat berhubung penubuhan jawatankuasa khas untuk membincangkan isu-isu mengenai hak-hak asasi manusia di Parlimen seiring dengan Transformasi Parlimen yang dicadangkan oleh Speaker Dewan Rakyat.



**BAB**

**1**

**LAPORAN KUMPULAN DASAR,  
UNDANG-UNDANG DAN ADUAN**

# **BAB 1 : LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN**

## **MUKA SURAT**

- › 32 ›      **I. BAHAGIAN DASAR**
- › 33            **1. Aktiviti Susulan Kepada Isu-Isu Tematik 2013**
- › 35            (a) PMB berkenaan Hasil Dapatan Laporan Suruhanjaya mengenai Hak Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD) – Dengan Tumpuan Terhadap Pendidikan Rendah
- › 35            (b) PMB mengenai Perkhidmatan Jagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga
- › 38 ›      **3. Tindakan Susulan Kepada Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal (NI)**
- › 39 ›      **4. Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan**
- › 40 ›      **5. Jawatankuasa Pemilih Parlimen**
  
- › 41      **II. BAHAGIAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN DAN TRITI**
- › 41            **1. Pemantauan Pelaksanaan Negara Terhadap Triti Antarabangsa**
- › 41            (a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)
- › 42            (b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)
- › 42            (c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)
- › 43            **2. Reservasi Terhadap CEDAW, CRC dan CRPD**
- › 51            **3. Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR)**
- › 56            **4. Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah (CAT)**

› 62	<b>5. Cadangan Pindaan Kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999</b>
› 63 ›	<b>8. Kajian Semula Undang-Undang</b>
› 63	(a) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA)
› 69	(b) Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015)
› 77	(c) Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara 2015
› 83 ›	<b>9. Konsultasi Bersama SUHAKAM</b>
› 83	(a) Cadangan Pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001
› 88	<b>III. LAPORAN BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN</b>
› 88	<b>1. Hak Kepada Kesihatan Di Dalam Penjara</b>
› 89	<b>2. Kematian Dalam Tahanan Polis – Satu Kajian</b>
› 91	<b>4. Siasatan Aduan</b>
› 91	(a) ‘Pembantaian Kesatuan Sekerja’
› 93	(b) Pemindahan dan Penamatan Perkhidmatan Guru berdasarkan Fahaman Politik
› 94	(c) Gerakan Mahasiswa dan Pilihan Raya Kampus
› 96	(d) Aduan berkaitan Pencari Suaka dan Pelarian
› 101	(e) Penahanan di bawah Undang-Undang Pencegahan
› 104	(i) Penemuan Kubur Besar di Wang Kelian dan Isu “ <i>Boatpeople</i> ”
› 106	(j) Kanak-Kanak Orang Asli di Sekolah
› 109	(k) Isu Alam Sekitar
› 112	(l) Kematian di Tempat Tahanan
› 114	(n) Hak kepada Perumahan Mangsa Banjir Kelantan
› 115	(o) Memorandum daripada Peneroka Kampung Serampang Indah (Gatco)
› 116 ›	<b>6. Lawatan Ke Tempat Tahanan</b>
› 117 ›	<b>7. Alternatif Kepada Penahanan (ATD) Kanak-Kanak Di Bawah Penahanan Imigresen</b>

## I BAHAGIAN DASAR

### 1. AKTIVITI SUSULAN KEPADA ISU-ISU TEMATIK 2013

Dalam melengkapkan laporan penyelidikan Suruhanjaya berkenaan isu-isu tematik 2013, iaitu **“Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran”** dan **“Perkhidmatan Jagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga”**, Suruhanjaya telah mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan input dan komen serta data terkini dan statistik yang kemudiannya dimasukkan dalam laporan Suruhanjaya. Kedua-dua laporan ini telah dikeluarkan pada 16 November semasa perbincangan meja bulat (PMB) yang diadakan untuk bertukar pandangan mengenai hasil dapatan dan syor-syor dari kedua-dua laporan tersebut. PMB tersebut telah dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pagi memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan dengan hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran (CWLD) manakala sesi petang memberi tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan jagaan untuk warga emas dan sokongan kepada penjaga.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dalam menangani isu berkaitan Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD), di pihak Kerajaan, ahli psikologi kanak-kanak yang dilantik perlulah berkelulusan dan berkemahiran tinggi dalam bidang psikologi bagi menilai Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari aspek intervensi awal manakala guru-guru pula telah dilatih untuk menilai MBK dari aspek pembelajaran dan pengajaran. Untuk itu, Kerajaan menyediakan *Multi-Disciplinary Team* (MDT) bagi memastikan diagnosis dan khidmat sokongan diberikan kepada MBK dengan kerjasama antara KPM dan KKM.

Manakala bagi tujuan perkhidmatan penjagaan warga emas dan sokongan kepada penjaga, Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM telah membangunkan Modul Khusus Asas Penjagaan Warga Emas di institusi berasaskan *National Occupational Skill Standard* (NOSS). Pada tahun 2016, terdapat 80 orang penjaga warga emas di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan telah mengikuti latihan berdasarkan modul ini. Selain itu, JKJ juga menjalankan latihan secara *in-situ* kepada penjaga warga emas di institusi kebajikan secara berkala.

**(a) PMB berkenaan Hasil Dapatan Laporan Suruhanjaya mengenai Hak Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD) – Dengan Tumpuan Terhadap Pendidikan Rendah**

RTD ini telah diadakan dengan objektif berikut:

- (i) Untuk memberikan gambaran keseluruhan dan membincangkan pemerhatian serta saranan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya berhubung dengan hak pendidikan bagi CWLD;
- (ii) Untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkembangan pendidikan rendah untuk CWLD, terutamanya perkembangan pendidikan inklusif;
- (iii) Untuk mendapatkan maklum balas tentang cabaran yang dihadapi oleh kementerian/ agensi Kerajaan dalam melaksanakan dan menangani isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut; dan
- (iv) Untuk menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya dalam laporan tersebut.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Seramai 183 orang Pegawai Psikologi ditempatkan di negeri, daerah dan institusi yang memberikan khidmat sokongan khususnya bagi keluarga yang berisiko tinggi dalam mengesan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran.

Di samping itu, pewujudan 133 Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan 149 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak juga bertindak sebagai pusat intervensi atau rujukan dalam kalangan keluarga berisiko tinggi dalam melaksanakan program yang bersesuaian seperti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) supaya dapat membantu Kerajaan mengesan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran.

(ii) Data Bersepadu

JKM memaklumkan kepada peserta bahawa data dalam Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) dikendalikan sepenuhnya oleh JKM, dan ianya tidak bersepadu dengan sistem data di kementerian lain. Turut dimaklumkan bahawa sebelum ini pendaftaran telah dilakukan secara manual. Ini menyebabkan bilangan sebenar orang kurang upaya (OKU) mungkin tidak dapat digambarkan dengan tepat kerana ada kemungkinan sebahagian daripada mereka telah meninggal dunia. SMOKU adalah satu

sistem pendaftaran baru yang menyimpan data berkenaan OKU. Adalah dicadangkan bahawa set data tentang OKU yang disimpan oleh JKM, KKM dan KPM secara berasingan perlu disepadukan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS) yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Syarikat MIMOS Berhad akan mengintegrasikan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) dengan aplikasi yang dikendalikan oleh KKM, KPM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menggambarkan maklumat yang lebih tepat mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.

### **(vi) Kekurangan Pusat Intervensi dan Keperluan Ahli Psikologi Kanak-kanak**

Proses intervensi untuk kanak-kanak berkeperluan khas harus bermula pada usia yang muda, dan waktu paling ideal ialah ketika mereka mula ke pusat jagaan harian atau pra-sekolah. Dalam usaha untuk menangani masalah kekurangan pusat intervensi, Kerajaan menawarkan geran kewangan kepada semua pusat jagaan yang menerima kanak-kanak berkeperluan khas, dan geran ini terbuka untuk permohonan. Walau bagaimanapun, para peserta menyuarakan kebimbangan berkenaan guru-guru yang tidak mempunyai kemahiran untuk menilai kanak-kanak berkeperluan khas dan turut mencadangkan supaya sekolah-sekolah melantik ahli psikologi yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di pihak Kerajaan, ahli psikologi kanak-kanak yang dilantik perlulah berkelulusan dan berkemahiran tinggi dalam bidang psikologi bagi menilai Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari aspek intervensi awal manakala guru-guru pula telah dilatih untuk menilai MBK dari aspek pembelajaran dan pengajaran. Untuk itu, Kerajaan menyediakan *Multi-Disciplinary Team* (MDT) bagi memastikan diagnosis dan khidmat sokongan diberikan kepada MBK dengan kerjasama antara KPM dan KKM.

KPM juga telah menempatkan seorang guru kaunselor di semua sekolah bagi setiap 500 orang pelajar. Guru kaunselor boleh merujuk kepada Pegawai Psikologi JKM sekiranya memerlukan maklumat tambahan berkaitan intervensi kanak-kanak.



**(b) PMB mengenai Perkhidmatan Jagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga**

Semasa PMB ini, para peserta telah mengutarakan beberapa perkara mengenai hak warga emas, iaitu:

- (i) Telah dinyatakan bahawa pada masa akan datang, Kerajaan akan bertukar peranan dari ‘pembekal perkhidmatan’ kepada ‘penguatkuasa’. Oleh itu, tiada lagi rancangan untuk menambah bilangan pusat jagaan Kerajaan. Oleh yang demikian, dicadangkan juga bahawa Kerajaan perlu memastikan pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Bagi memastikan pembekal perkhidmatan mematuhi piawaian dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, mana-mana pusat jagaan perlulah berdaftar dengan JKM. Pusat jagaan yang tidak berdaftar atau pusat jagaan berdaftar tetapi tidak mematuhi piawaian dan syarat, tindakan undang-undang boleh diambil berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].

Selain itu, pusat jagaan juga perlu mematuhi atau merujuk *Malaysian Standards MS 1184:2014 Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice (Second Revision)* untuk menyediakan rekabentuk sejagat dan bebas halangan bagi persekitaran warga emas.

- (ii) Dicadangkan juga bahawa perkataan “Swasta” tidak seharusnya terkandung di dalam Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta memandangkan terdapat juga pusat-pusat jagaan yang diuruskan oleh Kerajaan. Oleh itu, Rang Undang-undang tersebut perlulah memperkenalkan satu piawaian sahaja yang akan dipatuhi oleh kedua-dua pusat jagaan Kerajaan dan swasta.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Rang Undang-Undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta (“Rang Undang-Undang”) digubal bertujuan untuk mengawal selia pusat jagaan kesihatan dan fasiliti bagi warga emas yang dikendalikan oleh pihak bukan kerajaan. Ini kerana dalam peruntukan Rang Undang-Undang tersebut menyatakan bahawa Rang Undang-Undang itu tidak terpakai bagi:

- (a) mana-mana institusi atau premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berhubung dengan jagaan kesihatan warga emas; dan
- (b) mana-mana perkhidmatan yang disediakan, dikendalikan atau disenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berhubung dengan jagaan kesihatan warga emas.

Oleh itu, cadangan untuk menggugurkan perkataan “swasta” dalam Rang Undang-Undang ini dan mewujudkan hanya satu piawai sahaja yang terpakai bagi pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan dan swasta, bolehlah dikemukakan kepada KKM untuk pertimbangan sewajarnya.

- (iii) Turut dicadangkan bahawa kerjasama dan penyelarasan antara kementerian-kementerian amat perlu kerana isu-isu warga emas melibatkan beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), KKM, dan lain-lain lagi

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Mekanisme pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara sememangnya telah melibatkan kerjasama dan penyelarasan pelbagai kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan. Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini dipantau oleh Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui tujuh (7) Jawatankuasa Kecil yang masing-masing dipengerusikan oleh UPE, KKM, KPM, KPKT, KSM, MOSTI serta JKM.

Melalui strategi-strategi ini, semua pihak termasuk Kerajaan, NGO, pengendali pusat jagaan, universiti dan orang awam serta komuniti-komuniti dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam membantu warga emas.

- (iv) Isu jagaan warga emas di rumah oleh ahli keluarga atau pembantu rumah turut dibangkitkan kerana kebanyakan daripada penjaga sebegini tidak mendapat latihan yang sewajarnya. Tugas penjagaan ini boleh menyebabkan penjaga tidak terlatih berisiko mengalami tekanan dan boleh menyebabkan kes-kes penderaan warga emas yang di bawah jagaan mereka.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui JPK dan JKM selaku peneraju industri telah membangunkan Modul Kursus Asas Penjagaan Warga Emas di Institusi *National Occupational Skill Standard* (NOSS) bagi sub sektor penjagaan warga emas berkaitan Operasi Pusat Jagaan Orang Tua. Pada tahun 2016, terdapat 80 orang penjaga warga emas di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan telah mengikuti latihan berdasarkan modul ini. Selain daripada itu, JKM juga telah menjalankan latihan secara *In-Situ* kepada penjaga warga emas di Institusi Kebajikan secara berkala.

- (v) Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem campuran berhubung dengan perkhidmatan jagaan warga emas, telah dicadangkan bahawa kajian menyeluruh mengenai amalan terbaik daripada negara-negara lain perlu dijalankan bagi memastikan Kerajaan mengamalkan sistem yang terbaik untuk negara berdasarkan kepada kebolehan akses, kemampuan, dan kemampunan perkhidmatan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM) sedang menjalankan dua kajian yang mengambil kira amalan terbaik daripada negara-negara lain berkaitan warga emas bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mereka terjamin. Kajian tersebut adalah “Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030 (September 2015 hingga September 2016)” dan “*Responding to The Needs of Older Persons in Malaysia: Changing Population Age Structures and Their Implications* (2013 hingga 2017)”.

- (vi) Undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan juga diperlukan untuk memastikan warga emas tidak terdedah kepada penderaan tetapi sebaliknya dilindungi oleh undang-undang.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perlindungan terhadap warga emas termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, Kanun Jenayah dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Malaysia juga mempunyai dasar khusus mengenai warga emas iaitu Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara. Ia menggariskan enam (6) strategi yang dibentuk untuk mencapai objektif dasar iaitu promosi dan advokasi; pembelajaran sepanjang hayat; keselamatan dan perlindungan; tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab; penglibatan dan kesepaduan antara generasi; dan penyelidikan serta pembangunan.

- (vii) Terdapat cadangan di forum-forum hak asasi manusia antarabangsa untuk membangunkan konvensyen baru bagi melindungi hak-hak warga emas. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan akan menyokong idea instrumen baru ini.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan akan sentiasa menyokong konvensyen antarabangsa selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang domestik dan dasar nasional.

Isu-isu warga emas perlu diberi perhatian yang serius kerana bilangan warga emas semakin meningkat setiap tahun. Selain daripada isu-isu berkaitan kebajikan, isu-isu warga emas harus dilihat dari perspektif hak asasi manusia seperti hak kesihatan, hak untuk mencapai standard kehidupan yang secukupnya, hak untuk hidup bermasyarakat, dan hak untuk bebas daripada sebarang bentuk penyeksaan dan penderaan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa prihatin akan isu-isu hak asasi manusia berkaitan warga emas. Justeru, isu-isu warga emas diambil kira dan terangkum dalam Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara untuk ditangani melalui strategi keselamatan dan perlindungan. Antara strategi berkenaan adalah hak untuk mendapatkan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek tanpa mengira latar belakang; akses warga emas kepada keperluan asas; keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan.

### **3. TINDAKAN SUSULAN KEPADA INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASLI/ASAL (NI)**

Suruhanjaya, di dalam meneruskan agenda ini, menggesa Kerajaan agar mempercepatkan pelaksanaan syor-syor di dalam laporan NI. Walau bagaimanapun, memandangkan kurangnya maklumat mengenai penubuhan serta perkembangan Jawatankuasa Kabinet mengenai hak tanah adat tersebut, Suruhanjaya bersetuju yang buat sementara ini, isu-isu NI akan dibangkitkan bersama-sama aduan Orang Asli/Asal yang lain di dalam perbincangan bersama Kerajaan negeri yang berkaitan. Suruhanjaya, di dalam Rancangan Kerja untuk 2016, akan meneruskan aktiviti susulan untuk memantau pelaksanaan cadangan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan bersetuju menubuhkan Jawankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan syor dan dapatan Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (NI) dikaji dan diambil tindakan sewajarnya.

Bagi mencapai objektif tersebut, Pasukan Petugas telah menggunakan beberapa pendekatan iaitu:

- (i) melakukan pemeriksaan polisi dan dokumen berkaitan;
- (ii) mendapatkan maklum balas daripada Pihak Berkuasa Negeri;
- (iii) menguruskan pembentangan oleh Kerajaan Sabah, Sarawak dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
- (iv) mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara (AGC);
- (v) mendengar pembentangan oleh NGO; dan
- (vi) mengadakan siri dialog bersama komuniti Orang Asal/Asli.

Kerajaan juga telah bersetuju supaya Dapatan dan Syor Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli didedahkan kepada umum.

## 4. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN

Suruhanjaya ingin mengulangi syornya bahawa NHRAP yang akan dibangunkan oleh Perunding haruslah praktikal, boleh dilaksanakan, dan berorientasikan tindakan. Memandangkan bahawa di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHRAP yang pertama pada bulan Disember 2013, telah dipersetujui bahawa NHRAP ini akan siap dibangunkan pada tahun 2016 dan fasa pelaksanaannya akan bermula dari 2017 hingga 2021, Suruhanjaya oleh itu menggesa Kerajaan untuk memastikan pembangunan NHRAP oleh Perunding mematuhi garis masa yang diberikan, iaitu dalam tempoh 18 bulan (November 2015 hingga April 2017), untuk mengelakkan sebarang kelewatan lanjut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah memberikan komitmen bahawa menjelang tahun 2018, sekurang-kurangnya Malaysia telah mempunyai draf NHRAPnya sendiri. Di peringkat dasar

iaitu di peringkat Jawatankuasa Pemandu NHRAP rangka kerja dan juga tempoh masa untuk pembangunan NHRAP juga telah dipersetujui iaitu ia melibatkan proses kajian undang-undang, kajian awalan dan kajian dasar sehingga tahun 2017 dan sehingga draf NHRAP diperolehi daripada pihak perunding. Kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan kajian dasar oleh perunding yang dilantik bagi memastikan perunding mematuhi terma rujukan yang telah diberi yang merangkumi aspek penglibatan awam, meletakkan sasaran yang praktikal, berorientasikan tindakan dan boleh dilaksanakan. Untuk memantapkan pemantauan terhadap kajian dasar ini, Jawatankuasa Pemantauan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP juga telah ditubuhkan di peringkat BHEUU selaku penyelaras kepada pembangunan NHRAP untuk meneliti serta memantau secara terperinci mengenai kajian dasar yang sedang dilaksanakan.

## **5. JAWATANKUASA PEMILIH PARLIMEN**

Berikutan pengumuman Kerajaan pada bulan Oktober 2012 tentang hasratnya untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilih Parlimen (PSC) mengenai hak asasi manusia, Suruhanjaya telah melibatkan diri secara aktif dan mengadakan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan, termasuk BHEUU, untuk merealisasikan agenda ini. Suruhanjaya juga telah mengemukakan kertas cadangan mengenai penubuhan PSC tersebut, yang termasuk cadangan mengenai terma rujukannya, keahliannya, dan tempoh penubuhannya, kepada YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan YB Puan Hajah Nancy Shukri.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Perbincangan telah dibuat mengenai perkara ini dan berdasarkan kepada keputusan bersama oleh pihak-pihak yang terlibat, tindakan susulan hendaklah dilakukan di pihak SUHAKAM bersama Pejabat Datuk Paul Low Seng Kuan untuk membawa kertas cadangan berkenaan bagi pertimbangan seterusnya pihak Kerajaan.

## **II. BAHAGIAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN DAN TRITI**

### **1. PEMANTAUAN PELAKSANAAN NEGARA TERHADAP TRITI ANTARABANGSA**

#### **(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)**

Suruhanjaya akan mengemas kini isu-isu berkaitan hak wanita di dalam Laporan Bebasnya yang akan datang. Suruhanjaya menegaskan pendiriannya berhubung penangguhan Laporan Negara dan menggesa Kerajaan supaya mempercepatkan penyerahannya.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum tanggungjawab sesebuah Negara Pihak kepada CEDAW untuk mengemukakan laporan berkala berkenaan langkah-langkah yang telah diambil di bawah CEDAW kepada Jawatankuasa Mengenai Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (Jawatankuasa CEDAW) setiap 4 tahun setelah pengemukakan laporan awalan berdasarkan Artikel 18 CEDAW.

Kerajaan telah mengemukakan Laporan Negara awalan yang digabungkan dengan Laporan Negara yang kedua kepada Jawatankuasa CEDAW pada 22 Mac 2004. Malaysia sepatutnya mengemukakan Laporan Negara yang ketiga, keempat dan kelima mengenai pelaksanaan CEDAW ("Laporan Negara CEDAW") pada tahun 2008.

Namun demikian, adalah diperhatikan bahawa kebanyakan Negara Pihak kepada CEDAW tidak mematuhi tempoh masa yang ditetapkan semasa mengemukakan laporan negara masing-masing. Dalam hal ini, sebarang pengemukakan laporan negara diluar tempoh masa tersebut tidak melibatkan sebarang implikasi undang-undang dan Jawatankuasa CEDAW masih bertanggungjawab untuk mempertimbangkan laporan negara yang dikemukakan oleh Negara Pihak kepada CEDAW walaupun dikemukakan diluar tempoh masa yang sepatutnya.

Malaysia telah pun mengemukakan Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima CEDAW kepada Jawatankuasa CEDAW di Geneva pada 12 Julai 2016. Walau bagaimanapun, laporan tersebut telah dipulangkan semula untuk dipinda. Ia telah dikemukakan semula kepada Jawatankuasa CEDAW dan telah diberikan penyata penerimaan pada 30 Ogos 2016.

**(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)**

Suruhanjaya telah dijemput ke Sesi Pemurnian Laporan Negara: Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 18 Jun dan 27 Ogos 2015 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Objektif sesi tersebut adalah untuk mengumpul input dan statistik berkenaan isu yang melibatkan hak kanak-kanak, yang mana akan dimasukkan ke dalam Laporan Negara ke Jawatankuasa CRC. Suruhanjaya telah difahamkan bahawa draf terakhir Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 akan dipanjangkan ke Suruhanjaya untuk komen lanjut. Memandangkan Laporan Negara ini sudah lama tertangguh, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan dapat mengemukakan laporan tersebut tanpa berlengah lagi. Suruhanjaya amat berharap Kerajaan akan mengemukakan Laporan Negara secepat mungkin kerana Laporan Negara terakhir dikemukakan adalah pada 20 Disember 2006 dan ia sudah lama tertangguh.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Draf Laporan Negara Kedua, Ketiga dan Keempat CRC yang telah disediakan dan dimurnikan melalui beberapa sesi konsultasi antaranya bersama SUHAKAM sedang dalam semakan Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa CRC di Geneva, Switzerland.

**(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)**

Suruhanjaya difahamkan ketika laporan ini ditulis, KPWKM sedang dalam proses mengemaskini draf Laporan Negara. Pada 4 November 2015, Suruhanjaya telah dijemput ke Sesi Konsultasi Laporan Negara: Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dengan objektif untuk memuktamadkan Laporan Negara tersebut. Suruhanjaya difahamkan bahawa Kerajaan akan mengemukakan draf akhir Laporan Negara ke Pejabat Peguam Negara pada hujung tahun 2015.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Draf akhir Laporan Negara bagi CRPD sedang dalam semakan Kerajaan sebelum ianya dimuktamadkan. Laporan tersebut disediakan selaras dengan tanggungjawab Malaysia selaku Negara pihak kepada CRPD untuk mengemukakan suatu laporan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Negara mengenai pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab Negara di bawah CRPD. Oleh yang demikian, draf Laporan Negara Pertama CRPD ini hendaklah disediakan selaras dengan garis panduan-garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa



Bersatu, iaitu “*Guidelines on treaty-specific document to be submitted by states parties under article 35, paragraph 1, of the Convention on the Rights of Persons with Disabilities*” (CRPD/C/2/3) serta *Harmonized Guidelines on the reporting under the international human rights treaties* (HRI/GEN/2/Rev.5) dan memastikan laporan tersebut teratur dari segi undang-undang Negara.

## **2. RESERVASI TERHADAP CEDAW, CRC DAN CRPD**

Selama bertahun-tahun, Suruhanjaya secara konsisten menggesa Kerajaan untuk menarik balik reservasinya ke atas CEDAW, CRC dan CRPD. Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menganjurkan tiga Perbincangan Meja Bulat (PMB) yang berasingan untuk membincangkan reservasi kepada Artikel tertentu di dalam CEDAW (17 April 2014), CRC (18 Jun 2014) dan CRPD (25 Jun 2014). Susulan kepada PMB tersebut, Suruhanjaya telah memutuskan untuk mengadakan satu Perbincangan Meja Bulat bersama organisasi masyarakat sivil (CSOs) bagi perbincangan khusus mengenai definisi ‘penyiksaan’ seperti yang termaktub di dalam Artikel 15 CRPD dan Artikel 37 CRC; serta maksud hak untuk memperoleh kewarganegaraan seperti yang dinyatakan di dalam Artikel 18 CRPD, Artikel 7 CRC dan Artikel 9 CEDAW.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berhubungan gesaan SUHAKAM untuk menarik balik reservasi Malaysia terhadap Artikel 37 CRC, Kerajaan berpandangan ianya perlulah dikaji dengan lebih mendalam sebelum keputusan menarik semula reservasi tersebut dibuat.

Kerajaan mengambil maklum bahawa Artikel 37 CRC antara lainnyanya memperuntukkan tanggungjawab Negara Pihak untuk memastikan kanak-kanak tidak diseksa, atau dilayan atau dihukum dengan kejam, tidak berperikemanusiaan atau merendahkan maruah.

Terdapat undang-undang domestik di Malaysia yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk memerintahkan hukuman sebat tidak lebih daripada sepuluh kali kepada kanak-kanak lelaki jika didapati bersalah (seksyen 91(1)(g) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]). Namun selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik undang-undang berkaitan kanak-kanak, konsultasi dan semakan semula telah dilaksanakan untuk meminda antara lainnyanya, memansuhkan hukuman sebatan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diwartakan pada 25 Julai 2016.

Selain dari Akta 611, memandangkan Malaysia merupakan Negara yang mengamalkan sistem dualis, terdapat juga undang-undang Syariah yang membenarkan hukuman fizikal termasuk sebat dikenakan ke atas pesalah yang berumur antara 16-18 tahun seperti Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Hukuman tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa kesalahan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah. Di bawah Artikel 1 CRC, definisi “kanak-kanak” adalah terpakai kepada mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Berdasarkan perkara ini, Kerajaan berpandangan bahawa dengan adanya undang-undang Syariah di Malaysia yang memperuntukkan sedemikian, maka ia tidak memenuhi syarat Artikel 37 CRC dan tidak dapat ditarik semula selagi kajian yang sewajarnya dibuat.

Kerajaan turut berpandangan cadangan untuk menarik semula reservasi bagi Artikel 37 CRC ini hendaklah dikaji dengan mengambil kira penjelasan di atas dan keputusan Malaysia untuk menyertai CAT tidak boleh dilaksanakan selagi undang-undang domestik Negara adalah tidak selaras dengan peruntukan di bawah CRC.

Berkenaan cadangan suruhanjaya supaya Kerajaan menarik semula reservasi ke atas Artikel 15 CRPD, keputusan untuk meletakkan reservasi terhadap Artikel 15 CRPD merupakan keputusan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan setelah mengambil kira beberapa peruntukan dalam CRPD yang bercanggah dengan beberapa peruntukan dalam undang-undang domestik Malaysia seperti peruntukan berkenaan hukuman mati mandatori dan sebatan rotan yang terdapat dalam undang-undang domestik seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah boleh ditafsirkan sebagai termasuk dalam pengertian “*cruel, inhuman or degrading treatment of punishment*” sebagaimana yang terdapat dalam Artikel 15 CRPD.

Walaupun Malaysia membuat reservasi terhadap Artikel 37 CRC dan Artikel 15 CRPD atas sebab-sebab yang telah dinyatakan di atas, ia tidak bermakna Malaysia terkecuali dari melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diperuntukkan di bawah obligasi antarabangsa yang lain yang berkuat kuasa dan terpakai yang mana Malaysia menjadi Negara Pihak.

Berikut merupakan penerangan lanjut berhubung peruntukan-peruntukan yang terlibat:

#### Artikel 15 CRPD

Malaysia tidak mempunyai undang-undang yang memperuntukkan perkataan “*torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*”. Malaysia juga bukan merupakan negara ahli kepada *International Covenant on Civil and Political Rights*

(ICCPR) dan juga *Convention Against Torture (CAT)* di mana perkataan tersebut boleh dijadikan panduan atau diguna pakai dalam konteks ini bagi memperjelaskan maksud "*torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*".

Dalam hal ini, konsep "*torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*" di bawah undang-undang antarabangsa adalah terlalu luas dan ini termasuklah hukuman mati dan sebatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis hukuman ini (mati dan sebatan) ada diperuntukkan dalam undang-undang Malaysia seperti Kanun Keseksaan dan undang-undang lain seperti Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980), Akta Senjata 1960 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) 1975. Kesemua undang-undang tersebut terpakai kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira tahap keupayaan seseorang pesalah itu. Perkara ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai "*torture*" oleh sesetengah pihak.

Selain itu, adalah sukar untuk memastikan tiada berlakunya perlakuan yang disifatkan sebagai "*torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*" di kawasan persendirian (*private sphere*), sebagai contoh seseorang OKU itu dikurung di dalam sesebuah bilik melainkan jika terdapat aduan atau laporan mengenainya dibuat kepada pihak berkuasa atau yang bertanggungjawab.

Walaupun Malaysia tiada peruntukan mengenai "*torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment*", namun perundangan negara tidak membenarkan sebarang bentuk tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Umpamanya tiada seorang pun termasuk OKU di Malaysia boleh dijadikan bahan untuk tujuan kajian perubatan atau saintifik (*medical or scientific experimentation*) tanpa persetujuan mereka terlebih dahulu. Begitu juga dalam kes pesakit mental di mana seksyen 77 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] memperuntukkan bahawa persetujuan mereka adalah diperlukan sebelum menjalani pembedahan, *electroconvulsion* dan percubaan klinikal (*clinical trials*).

Oleh yang demikian, dicadangkan agar keseluruhan Artikel 15 CRPD dibuat reservasi memandangkan artikel ini bercanggah dengan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negara ini. Malaysia juga telah membuat reservasi terhadap peruntukan yang sama dalam CRC.

#### Artikel 18 CRPD

Di Malaysia, seseorang individu berhak untuk bebas bergerak, memiliki taraf kewarganegaraan dan juga mendapat dokumen pengenalan diri tertakluk kepada

peruntukan yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa. Dalam hal ini, tiada sebarang perbezaan yang digariskan antara OKU atau orang yang berupaya dalam sebarang terma dan syarat jika ingin memohon taraf warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, seseorang individu itu tidak boleh diberikan sebarang keistimewaan untuk mendapatkan taraf warganegara Malaysia atas sebab ketidakupayaannya semata-mata.

Oleh yang demikian, keseluruhan Artikel 18 CRPD ini perlu dibuat reservasi agar selaras dengan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Malaysia juga telah membuat reservasi terhadap peruntukan yang sama dalam CRC dan CEDAW.

Kerajaan tidak menidakkan hak kanak-kanak di Malaysia dan akan berusaha dari semasa ke semasa dalam meningkatkan perlindungan, perkembangan dan kebajikan kanak-kanak dari segala aspek.

Malaysia masih mengekalkan reservasi bagi Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 di bawah CRC dengan justifikasi seperti berikut:

#### Artikel 2 CRC (tiada diskriminasi)

Artikel ini masih dikekalkan kerana terdapat perundangan dan polisi yang khusus antaranya seperti dasar-dasar Kerajaan mengenai hak dan keistimewaan kaum bumiputera, perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan. Sehubungan itu, adalah sukar bagi pihak Kerajaan buat masa ini untuk membuat sebarang pindaan kepada dasar dan perundangan yang sedia ada. Hal ini adalah kerana dasar dan perundangan yang dinyatakan di atas digubal bagi memastikan kesejahteraan dan kesaksamaan rakyat di Malaysia.

#### Artikel 7 CRC (nama dan kerakyatan)

Reservasi ke atas *Convention on the Rights of the Child (CRC)* yang berkaitan dengan isu kewarganegaraan adalah merujuk kepada Artikel 7 CRC yang menyebut:-

- i. *The child shall be registered immediately after birth and shall have the right from birth to a name, the right to acquire a nationality and as far as possible, the right to know and be cared for by his or her parents;* dan
- ii. *States parties shall ensure the implementation of these rights in accordance with their national law and their obligations under the relevant international*

*instruments in this field, in particular where the child would otherwise be stateless*

Artikel ini menyebut bahawa semua kanak-kanak yang dilahirkan hendaklah didaftarkan kelahirannya mempunyai hak untuk diberi nama, hak pemerolehan kewarganegaraan serta hak untuk mengetahui dan dijaga oleh ibu dan bapanya.

Berkenaan dengan isu kewarganegaraan, Artikel 7 tidak mewajibkan mana-mana negara ahli untuk memberikan taraf kewarganegaraan kepada kanak-kanak tetapi telah mensyaratkan negara ahli untuk menjamin hak untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan. Hal ini tidak terhad kepada kewarganegaraan Malaysia sahaja tetapi hak mana-mana kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia untuk mendapat kewarganegaraan negara lain mengikut kelayakan kanak-kanak tersebut memandangkan tujuan utama Artikel ini adalah untuk menghalang situasi mana-mana kanak-kanak menjadi *stateless*.

Justeru itu, Malaysia sememangnya menghormati asas ini dan secara tidak langsung telah melaksanakan tanggungjawab di bawah Artikel 7 CRC. Ini adalah selaras dengan pandangan Jabatan Peguam Negara terhadap peruntukan Artikel 7 CRC yang dikeluarkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bertarikh 25 Februari 2014.

Berkenaan pendaftaran kelahiran, peruntukan sedia ada di dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] telah mewajibkan bahawa semua kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar Kelahiran dan Kematian dan satu Perakuan Kelahiran akan dikeluarkan kepada pemaklum mengandungi nama kanak-kanak, nama ibu dan nama bapa kanak-kanak tersebut selain status-status lain yang berkenaan. Maka, peruntukan undang-undang dan pelaksanaan sedia ada telah memenuhi kehendak Artikel 7 ini sepenuhnya.

Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan merupakan permohonan dalam keadaan khas yang difikirkan patut oleh Kerajaan dan menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun didaftarkan sebagai warganegara.

Dalam hal ini, permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam mempertimbangkan permohonan di bawah Perkara 15A, beban untuk membuktikan kelayakan adalah tanggungjawab pemohon dan peranan Kerajaan Malaysia adalah memastikan permohonan dilakukan menggunakan peruntukan undang-undang bersesuaian dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Berhubung isu kewarganegaraan anak angkat, kelulusan pengangkatan hanya memberi kuasa kepada individu untuk mentadbirkan kanak-kanak berkenaan dan ia tidak memberikan kewarganegaraan Malaysia secara automatik kepada kanak-kanak tersebut berdasarkan kewarganegaraan Malaysia ibu bapa angkat.

Ini kerana, pemerolehan kewarganegaraan kanak-kanak tersebut masih ditentukan oleh beberapa perkara yang di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Tempat di mana kanak-kanak dilahirkan sama ada di dalam Persekutuan atau di luar Persekutuan;
- (ii) Status Perkahwinan Ibu dan Bapa Kandung;
- (iii) Taraf kewarganegaraan Bapa Kandung;
- (iv) Taraf Kewarganegaraan Ibu Kandung; dan
- (v) Tempoh keberadaan kanak-kanak.

#### Artikel 14 CRC (kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama)

Reservasi yang dibuat ke atas Artikel 14 CRC adalah berdasarkan kepada peruntukan bahawa Islam adalah agama Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Undang-Undang Negeri dan Undang-Undang Persekutuan (berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Perlembagaan Persekutuan seterusnya memperuntukkan bahawa di bawah Perkara 12(4), agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Selain itu, berdasarkan hukum Syarak, seseorang kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga yang mana ibu atau bapanya beragama Islam, maka kanak-kanak tersebut secara automatik menganut agama Islam. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 yang mana memperuntukkan salah satu takrif bagi "muslim" ialah seseorang yang sewaktu dilahirkan, ibu atau bapanya atau kedua-duanya adalah seorang muslim.

Artikel 14 CRC yang memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk menentukan agama mereka sendiri tertakluk kepada umur dan kematangannya. Ini jelas bertentangan dengan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Artikel 28(1)(a) CRC (mewajibkan pendidikan rendah dan memberikannya secara percuma kepada semua kanak-kanak)

Artikel ini menghendaki negara pihak untuk mewajibkan pendidikan rendah dan memberikannya secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan mereka. Sehubungan dengan itu, Malaysia masih mengekalkan reservasi ke atas Artikel ini memandangkan pendidikan rendah di negara ini tidak diberikan secara percuma kepada semua kanak-kanak.

Memandangkan kanak-kanak adalah aset utama negara, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan taraf pendidikan di negara ini. Pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] pada tahun 2002 telah mewajibkan semua kanak-kanak warganegara Malaysia menghadiri sekolah peringkat rendah. Selaras dengan usaha untuk menyediakan pendidikan percuma pula, pihak Kerajaan telah memansuhkan yuran persekolahan pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, yuran-yuran lain seperti yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), persatuan dan badan beruniform masih dikenakan. Selain itu, pihak Kerajaan turut menyediakan buku teks percuma kepada semua murid warganegara Malaysia tanpa mengira tahap pendapatan ibu bapa mereka.

Hak untuk pendidikan wajib dan percuma di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan hanya terpakai kepada kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja. Ia tidak meliputi kanak-kanak pelarian, kanak-kanak Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta kanak-kanak yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah. Akses kepada pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan untuk kanak-kanak warganegara asing dibenarkan kepada mereka yang mempunyai dokumen sah dengan dikenakan yuran.

Walaupun bagaimanapun, kanak-kanak bukan warganegara ini tidak dinafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Beberapa tindakan telah diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak NGO bagi menyediakan kemudahan pendidikan secara tidak formal kepada kanak-kanak bukan warganegara, kanak-kanak tanpa dokumen dan kanak-kanak pelarian. Ini bagi membolehkan mereka turut mendapat hak kepada pendidikan asas.

#### Artikel 37 CRC (penyeksan dan pelucuthakkan kebebasan)

Malaysia telah membuat reservasi ke atas Artikel 37 CRC disebabkan terdapat percanggahan peruntukan undang-undang di negara ini dengan Artikel tersebut seperti hukuman penjara bagi beberapa kesalahan di bawah undang-undang tertentu dan hukuman rotan yang masih diamalkan di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memansuhkan hukuman sebat oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak melalui Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Di samping itu, Perintah Khidmat Masyarakat juga

diperkenalkan sebagai salah satu hukuman alternatif yang lebih positif dan bersifat mendidik yang boleh diberikan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ke atas pesalah kanak-kanak.

Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil di peringkat kementerian bagi meneliti reservasi-reservasi yang masih dikekalkan di bawah CRC. Jawatankuasa kecil ini dari semasa ke semasa mendapatkan pandangan dan input daripada kementerian/agensi berkaitan mengenai kebarangkalian untuk menarik balik reservasi-reservasi tersebut. Antara kementerian/agensi yang terlibat ialah KDN, JPN, AGC, Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan SUHAKAM.

Antara input yang telah diperolehi adalah berkaitan usaha-usaha kementerian dan agensi berkenaan dalam memastikan hak kanak-kanak terpelihara dan dipenuhi antaranya seperti hak untuk tidak didiskriminasikan, didaftarkan kelahirannya dan kebebasan daripada penyeksaan dan hukuman yang menjatuhkan maruah. Melalui satu mesyuarat jawatankuasa kecil ini yang telah diadakan pada 26 November 2014 di KPWKM juga, antara keputusan yang telah dipersetujui ialah supaya SUHAKAM menjalankan penyelidikan ke atas Artikel 2 CRC dan perbandingan dengan negara-negara lain. Hasil kajian akan dikemukakan sebagai rujukan dan pertimbangan ahli jawatankuasa.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perundangan dan peraturan termasuklah undang-undang peribadi (*personal law*) di dalam negara yang perlu diteliti supaya tidak bercanggah dengan penarikbalikan tersebut.

Jabatan Penjara Malaysia merupakan pelaksana kepada semua hukuman yang sah berasaskan perundangan negara ini yang telah dijatuhkan oleh pihak Mahkamah. Selain dari menjalankan Perintah Kehadiran Wajib di bawah Akta Perintah Kehadiran Wajib 1954, Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan Sistem Parol mulai tahun 2008 dan semenjak tempoh tersebut seramai lebih dari 13,000 banduan telah dilepaskan ke dalam masyarakat melalui Perintah Pelepasan Parol di bawah Akta Penjara 1995. Sistem Parol ini berkonsepkan pemulihan di dalam masyarakat dan bersama masyarakat dan pencapaian Sistem Parol ini adalah amat memberangsangkan.

Selain itu, Kerajaan juga mengembangkan lagi konsep berkenaan melalui Program Pemulihan Pemasarakatan di bawah *National Blue Ocean Strategies* (NBOS) di mana penempatan Orang Yang Diselia (ODS) di Kem-Kem Tentera bagi membantu



mereka untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Kerajaan turut melaksanakan Skim Pemindahan Antarabangsa Banduan yang bertujuan membolehkan banduan-banduan yang layak dapat dipindahkan ke negara asal menjalani penahanan dan pemulihan mengikut acuan sosial budaya negara masing-masing.

### **3. KOVENAN ANTARABANGSA MENGENAI HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN (ICESCR)**

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya konsisten dalam saranannya kepada kerajaan untuk menyertai baki instrumen antarabangsa hak asasi manusia, termasuk ICESCR. Untuk memperkuatkan usaha tersebut, Suruhanjaya telah mengadakan dua Perbincangan Meja Bulat (PMB) mengenai ICESCR secara berasingan dengan Badan bukan Kerajaan (NGOs) dan agensi kerajaan masing-masing pada 27 Mac dan 22 Ogos 2013 di Kuala Lumpur. Dalam usaha untuk memahami isu-isu ICESCR dari pandangan komuniti di Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya telah mengadakan PMB yang sama melibatkan pihak berkepentingan yang berkaitan, agensi kerajaan dan ahli akademik di Kota Kinabalu dan Kuching. PMB di Kota Kinabalu, Sabah telah diadakan pada 13 Mei 2015 dan pelbagai isu penting diketengahkan semasa perbincangan tersebut, diringkaskan seperti berikut:

- (i) Kerajaan perlu maklumkan kepada Suruhanjaya mengenai alasan rasmi terhadap keputusannya untuk tidak meratifikasi/menyertai ICESCR;

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan masih dalam proses untuk mempertimbangkan untuk menyemak semula kedudukan Malaysia untuk menjadi Negara Pihak kepada ICESCR. Keputusan Kerajaan untuk tidak meratifikasi atau menyertai ICESCR adalah satu keputusan dasar yang dibuat setelah mengambil kira beberapa peruntukan di dalam ICESCR yang didapati tidak selaras dengan beberapa peruntukan di dalam undang-undang domestik terutamanya peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa dasar Kerajaan yang sedia ada.

Berdasarkan kepada perkara-perkara di atas, dari segi dasar, perundangan dan pentadbiran, Malaysia masih dalam proses untuk mempertimbangkan untuk menyemak semula kedudukan Malaysia untuk menjadi Negara Pihak kepada ICESCR.

- (ii) Terdapat beberapa undang-undang kecil tempatan yang tidak selaras dengan Artikel yang termaktub di dalam ICESCR. Kemudahan yang tidak mesra pengguna misalnya di Kota Kinabalu telah mengganggu keselesaan dan kesenangan OKU. Oleh itu, dicadangkan bahawa semua pihak berkepentingan yang berkaitan memperkenalkan undang-undang kecil tertentu dan menguatkuasakan sepenuhnya;

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan Negeri Sabah melalui kerjasama Pejabat Peguam Besar, Persatuan Penggubal Undang-undang (*Sabah Law Association*), Jabatan Kebajikan Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan pihak swasta seperti Persatuan Pengusaha Hotel Sabah bergabung untuk berunding berkenaan penyediaan infrastruktur yang baik, selesa, “*special people-friendly*” atau “*disabled people-friendly*” di premis dan kawasan tertentu selaras dengan saranan ICESCR.

- (iii) Kadar pengangguran semakin meningkat dan tiada peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di Sabah dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada kemiskinan;

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat telah melancarkan pelbagai program latihan dan peluang pekerjaan bagi golongan muda dan belia melalui iklan di media massa dan media sosial. Kempen kerjaya juga turut diuar-uarkan oleh Jabatan Pendidikan Sabah melalui program sekolah di seluruh Sabah.

- (iv) Berhubung dengan kemiskinan, para peserta juga menekankan bahawa kemiskinan telah menghalang akses orang Sabah/Asal kepada perubatan dan kemudahan pendidikan. Walau bagaimanapun, beberapa program telah dibangunkan dan diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan. Malangnya, terdapat ibu bapa yang enggan membenarkan anak-anak mereka untuk mengambil bahagian dalam program-program tersebut;

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengalakkan ibu bapa untuk memberikan peluang kepada anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Adalah menjadi dasar utama Kerajaan untuk memberi pendidikan kepada seluruh rakyat Malaysia dengan kos yang paling rendah dan mampu disara oleh rakyat miskin. Kerajaan telah menyediakan biasiswa dan pinjaman bagi membantu pelajar miskin yang menyerlah dalam pendidikan.

- (v) Penempatan yang tidak mengikut prosedur telah mengganggu pembangunan Sabah. Kehadiran warga asing dan imigran yang tidak mengikut prosedur yang mengatasi rakyat Sabah telah menjejaskan landskap ekonomi dan sosial di Sabah;

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pelbagai program latihan dan peluang pekerjaan telah disediakan oleh Kerajaan bagi golongan muda. Isu ibu bapa tidak membenarkan anak-anak mereka untuk mengambil bahagian dalam program ini mungkin disebabkan kerja-kerja yang ditawarkan melibatkan kerja perburuhan dan mereka mengharapkan pekerjaan yang selesa, selamat dan berpendapatan tetap. Kempen untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang isu ini kerap kali diadakan dan masih diteruskan.

- (vi) Turut dibangkitkan adalah polisi sedia ada mengenai pendidikan kanak-kanak imigran yang tidak mengikut prosedur hendaklah ditangani dan dikaji semula kerana masa depan mereka akan terjejas tanpa pendidikan. Sebagai maklum balas, Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah menyatakan bahawa Majlis telah menubuhkan 12 buah sekolah untuk kanak-kanak tanpa dokumen, tanpa kerakyatan dan pelarian;

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah telah menubuhkan 12 buah Pusat Pembelajaran Alternatif di Sabah, sebahagiannya adalah dengan kerjasama *United Nations Children's Fund* (UNICEF). Pendidikan yang diberikan adalah pendidikan asas sehingga Tahun 6. Penubuhan Pusat Pembelajaran Alternatif ini dapat mengelakkan kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah di sekolah-sekolah Kerajaan atau swasta daripada terlibat dengan aktiviti jenayah atau tidak sihat seperti berpelesenan dan meminta sedekah.

- (vii) Definisi 'budaya' dalam ICESCR perlu diperluas; dan

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Definisi 'budaya' dalam ICESCR perlu diperluaskan lagi berasaskan dasar kebudayaan seperti yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan Persekutuan dan Negeri bersesuaian dengan entiti, identiti, keperluan dan anutan keagamaan.

(viii) Adalah disyorkan bahawa pihak berkepentingan yang berkenaan perlu menjalankan kajian menyeluruh dan menerima pakai amalan terbaik daripada negara-negara lain dalam usaha untuk memperbaiki kelemahan dalam sistem di Malaysia. Hong Kong dan Australia telah dinyatakan sebagai negara contoh yang boleh dicontohi Malaysia.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tindakan susulan akan diambil bagi menggalakkan semua pihak yang berkepentingan untuk membentuk jawatankuasa masing-masing dan menyarankan agar mereka menjalankan kajian menyeluruh dan menerima pakai amalan terbaik seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain yang telah maju. Untuk mencapai matlamat ICESCR, sebuah Jawatankuasa ICESCR Negeri akan dibentuk di peringkat Kerajaan Negeri bagi memantau, membuat dasar dan menentukan amalan-amalan di bawah kovenan ini dipatuhi dan dicapai oleh semua parti yang terlibat. Amalan, dasar mahupun treati di bawah ICESCR akan diolah dan diguna pakai dalam apa jua dasar, undang-undang dan peraturan yang ada sama ada yang telah wujud dan sedang diguna pakai. Apa jua amalan terbaik di bawah peruntukan kovenan ICESCR akan dimasukkan kira dalam penggubalan dasar, undang-undang dan peraturan negeri Sabah.

Sementara itu, PMB di Kuching, Sarawak telah diadakan pada 12 Ogos 2015. Sepanjang perbincangan, Suruhanjaya telah mengambil maklum kebimbangan yang dibangkitkan oleh para peserta, yang antara lain termasuk:

(ii) Disyorkan bahawa Kerajaan memasukkan bahasa pribumi sebagai satu medium dalam sistem pendidikan formal di Malaysia;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Memasukkan bahasa pribumi ke dalam sistem pendidikan formal memerlukan analisis keperluan penawaran bahasa-bahasa pribumi Sabah dan Sarawak sebagai satu medium dalam sistem pendidikan formal di Malaysia. Analisis perlu dilakukan untuk mengenal pasti kesediaan korpus bahasa pribumi yang lengkap (kamus dan sebagainya), penetapan dialek utama untuk tujuan pembakuan (*standardization of corpus*), kesediaan bahan sokongan, guru dan pengoperasian.

Sehingga kini sudah ada 3 bahasa pribumi dimasukkan dalam sistem pendidikan formal di Malaysia iaitu Bahasa Iban (Sarawak), Bahasa Kadazandusun (Sabah) dan Bahasa Semai (Perak dan Pahang).

- (vi) Salah faham di kalangan masyarakat mengenai pemakaian seksyen 5 dan 6 Kanun Tanah Sarawak telah menjejaskan hak-hak pemilik tanah adat (NCR); dan

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) yang jelas dan tegas dalam pelaksanaan program inisiatif baru penyukatan tanah NCR Kerajaan. Dialog bersama kesemua penduduk yang terlibat secara langsung dengan program itu dijalankan dengan agresif oleh kesemua 12 Pejabat Bahagian Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTSS) semenjak program tersebut dimulakan pada tahun 2010. Sehingga kini, seluas 748,267 hektar tanah telah berjaya disukat dan ini menunjukkan keyakinan dan sambutan masyarakat terhadap program tersebut. Justeru, Kerajaan yakin kekeliruan masyarakat terhadap pemakaian kedua-dua peruntukan undang-undang tanah negeri dapat dikurangkan.

- (vii) Kekurangan bilangan kakitangan perubatan yang ditempatkan di hospital/klinik dan masalah logistik yang dihadapi oleh rakyat di kawasan luar bandar merupakan antara halangan kepada akses penjagaan kesihatan yang berkualiti.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa memastikan kakitangan perubatan yang mencukupi ditempatkan di fasiliti-fasiliti kesihatan dan ianya tertakluk kepada kekosongan jawatan. Sehingga 31 Mac 2016, pengisian keseluruhan di KKM ialah sebanyak 92.2% iaitu 247,969 orang. Bagi lima (5) skim utama KKM iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan, pengisian bagi kelima-lima skim tersebut adalah sebanyak 95.7%.

Jumlah perjawatan di fasiliti-fasiliti kesihatan adalah berdasarkan kepada keperluan semasa bagi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di fasiliti-fasiliti tersebut. Kerajaan bersedia untuk mengkaji permohonan perjawatan tambahan sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang untuk menjamin perkhidmatan kesihatan rakyat termasuk di kawasan luar bandar. Sebarang kajian bagi pertambahan jawatan baharu akan berdasarkan kepada dasar semasa Kerajaan iaitu melalui pengoptimuman sumber manusia melalui urusan penugasan semula atau tukar ganti jawatan.

Kerajaan juga sentiasa memberi fokus utama dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan luar bandar. Daripada 959 buah fasiliti kesihatan, 623 buah iaitu sebanyak 65% adalah terletak di luar bandar. Selain pembangunan fasiliti statik, kemudahan

perkhidmatan Klinik Bergerak, Klinik Bergerak 1Malaysia juga dibangunkan bagi meningkatkan akses rakyat di luar bandar. Penempatan doktor termasuk doktor pakar juga dibuat dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan di luar bandar.

#### **4. KONVENSYEN MENENTANG PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN MARUAH (CAT)**

Malaysia masih lagi belum menyertai Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT), dan dalam Penilaian Penggalan Sejangat (UPR) yang terkini, walaupun terdapat beberapa cadangan penyertaan kepada CAT, Kerajaan menegaskan bahawa mereka tidak berada dalam keadaan untuk menandatangani dan meratifikasi CAT dengan segera. Kerajaan walau bagaimanapun, mengambil maklum latihan-latihan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya kepada anggota penguatkuasa undang-undang bagi memastikan tindakan mereka selari dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

Suruhanjaya berpendapat bahawa beberapa siri PMB perlu diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut akan kemungkinan penyertaan kepada Konvensyen ini serta untuk melihat undang-undang dan dasar yang boleh menyokong kepada penyertaan kepada Konvensyen ini. Justeru itu, tiga PMB bersama pihak berkepentingan yang berkaitan telah diadakan di Sabah, Kuala Lumpur dan Sarawak. Objektif PMB adalah seperti berikut:

- (i) Untuk bekerjasama dengan badan-badan agama Islam bagi membincangkan isu-isu mengenai penyeksaan dan hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah atau hukuman lain di negara ini dari perspektif Islam, serta untuk mengkaji semula keserasian antara hukuman di bawah undang-undang Syariah dan peruntukan di bawah CAT;
- (ii) Untuk mempertimbangkan, sebagai pengganti kepada hukuman rotan, hukuman alternatif akan menjadi lebih berkesan dalam pencegahan jenayah; dan
- (iii) Untuk merumuskan pandangan dan syor yang boleh dimajukan kepada Kerajaan sebagai cadangan.

Syor dan kesimpulan yang diringkaskan dari PMB tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Undang-undang adat antarabangsa menyatakan bahawa sesebuah negara perlu mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan melarang penyeksaan, walaupun tanpa penyertaan kepada CAT. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah menegakkan prinsip-prinsip larangan terhadap penyeksaan dengan mengambil langkah-langkah yang perlu dalam menghapuskan penyeksaan;

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Jabatan Penjara Malaysia merupakan pelaksana kepada semua hukuman yang sah berasaskan perundangan negara ini yang telah dijatuhi oleh pihak Mahkamah. Hukuman yang dimaksudkan di sini adalah pemenjaraan, sebat rotan (*corporal punishment*) dan gantung sampai mati (*capital punishment*).

Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah pun melaksanakan sistem yang selaras dengan syor yang dinyatakan. Selain dari menjalankan Perintah Kehadiran Wajib di bawah Akta Perintah Kehadiran Wajib 1954, Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan Sistem Parol mulai tahun 2008 dan semenjak tempoh tersebut seramai lebih dari 13,000 banduan dilepaskan melalui Perintah Pelepasan Parol di bawah Akta Penjara 1995. Sistem Parol ini berkonsepkan pemulihan dalam masyarakat dan pencapaian Sistem Parol ini adalah amat memberangsangkan.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga mengembangkan lagi konsep berkenaan melalui Program Pemulihan Pemasarakatan di bawah NBOS di mana penempatan ODS di Kem-Kem Tentera bagi membantu mereka untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Pencapaiannya juga turut membanggakan dan kini Jabatan Penjara telah diluluskan oleh kerajaan untuk melaksanakan Skim Pemindahan Antarabangsa Banduan. Skim ini bertujuan bagi membolehkan banduan-banduan yang layak dapat dipindahkan ke negara asal menjalani penahanan dan pemulihan mengikut acuan sosial budaya negara masing-masing.

- (ii) Pelaksanaan hukuman mati di Negara ini semata-mata tidak terjumlah kepada penyeksaan di bawah CAT. Oleh itu, ia tidak seharusnya dilihat sebagai satu halangan bagi penyertaan kepada Konvensyen ini;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Walaupun pelaksanaan hukuman mati semata-mata tidak terjumlah kepada penyeksaan di bawah CAT, berdasarkan perkembangan semasa di peringkat antarabangsa, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan hukuman mati dilihat sebagai penyeksaan di bawah CAT.

Sebagai contoh, dalam kes *Pratt v A-G for Jamaica (1993) 2 LRC 349, (1993) 4 All ER 769, (1994) 2 AC 1, Jam PC*, Mahkamah telah memutuskan bahawa “*prolonged delay in carrying out a sentence of death after that sentence has been passed could amount to ‘inhuman...punishment or other treatment’*”.

Dalam laporan *Committee Against Torture* terhadap Amerika Syarikat, Jawatankuasa Menentang Penyeksaan telah mengkritik kaedah pelaksanaan hukuman mati di Amerika Syarikat dan pelbagai isu lain berkenaan pelaksanaan hukuman mati. Laporan *Committee Against Torture* terhadap Amerika Syarikat adalah seperti berikut:

*“25. While welcoming that six states have abolished capital punishment during the period under review, the Committee expresses its concern at the State party’s admission that it is not currently considering abolishing the death penalty at the federal level. It also expresses its concern at reported cases of excruciating pain and prolonged suffering that procedural irregularities have caused to condemned prisoners in the course of their execution. The Committee is specially troubled by the recent cases of botched executions in Arizona, Oklahoma, and Ohio. The Committee is equally concerned at the continued delays in recourse procedures which keep prisoners sentenced to death in a situation of anguish and incertitude for many years. The Committee notes that in certain cases such situation amounts to torture in so far as it corresponds to one of the forms of torture (i.e. the threat of imminent death) contained in the interpretative understanding made by the State party at the time of ratification of the Convention (arts. 1, 2 and 16).”*

Selanjutnya, perlu dinyatakan bahawa isu berkenaan hukuman mati bukanlah isu utama berkenaan penyertaan Malaysia kepada CAT. Isu lain yang perlu diperhalusi adalah berkenaan hukuman sebatan/ rotan (*corporal punishment*). *Committee Against Torture* berpandangan bahawa hukuman rotan atau sebatan adalah terjumlah kepada penyeksaan dan ia adalah bertentangan dengan CAT.

CAT menganggap negara-negara yang meratifikasi CAT mestilah mengambil langkah yang melangkaui penggubalan undang-undang untuk melarang hukuman sebatan/ rotan di pusat-pusat tahanan, hospital-hospital, sekolah-sekolah dan institusi-institusi



umum yang lain. Satu mekanisma pemantauan juga hendaklah ditubuhkan untuk memastikan undang-undang tersebut dilaksanakan dengan tegas.

Oleh yang demikian, semua undang-undang domestik di Malaysia termasuk undang-undang Syariah yang memperuntukkan hukuman sebatan/ rotan adalah bertentangan dengan CAT dan ini merupakan satu halangan besar kepada Malaysia untuk meratifikasi CAT. Selain itu, perlu diingatkan bahawa Malaysia tidak boleh membuat reservasi terhadap Artikel 1 CAT kerana ia merupakan pelanggaran terhadap Artikel 19 (c) *Vienna Convention on the Law of Treaties* yang secara asasnya memperuntukkan sesebuah negara yang menandatangani, meratifikasi, menerima, meluluskan atau menyetujui sesuatu triti boleh memformulasi reservasi melainkan reservasi itu tidak selaras dengan objektif dan tujuan triti tersebut.

Sehubungan dengan itu, Malaysia mungkin berhadapan dengan kesukaran untuk mematuhi CAT kerana ia mengandungi peruntukan-peruntukan yang mempunyai tafsiran yang luas. Sebelum keputusan untuk menyertai CAT dibuat, kajian yang menyeluruh terhadap semua dasar dan undang-undang di Malaysia melibatkan kesemua *stakeholders* perlu dibuat bagi memastikan Malaysia dapat mematuhi semua obligasi di bawah CAT.

- (iii) Bagi menunjukkan penentangan terhadap penyeksaan, Kerajaan mesti menarik semula reservasi ke atas artikel yang melarang penyeksaan di bawah instrumen antarabangsa lain seperti Artikel 37 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) serta Artikel 15 Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD);

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berhubungan gesaan SUHAKAM untuk menarik balik reservasi Malaysia terhadap Artikel 37 CRC, Kerajaan berpandangan bahawa ianya perlulah dikaji dengan lebih mendalam sebelum keputusan menarik semula reservasi tersebut dibuat.

Kerajaan mengambil maklum bahawa Artikel 37 CRC antara lainya memperuntukkan tanggungjawab Negara Pihak untuk memastikan kanak-kanak tidak diseksa, atau dilayan atau dihukum dengan kejam, tidak berperikemanusiaan atau merendahkan maruah.

Masih terdapat undang-undang domestik di Malaysia yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk menjatuhkan hukuman sebat tidak lebih daripada sepuluh (10) kali kepada kanak-kanak lelaki jika didapati bersalah

(seksyen 91(1)(g) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]). Namun selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik undang-undang berkaitan kanak-kanak, konsultasi dan semakan semula telah dilaksanakan untuk meminda antara lainnya, memansuhkan hukuman sebatan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diwartakan pada 25 Julai 2016.

Selain dari Akta 611, memandangkan Malaysia merupakan Negara yang mengamalkan sistem dualis, terdapat juga undang-undang Syariah yang membenarkan hukuman fizikal termasuk sebat dikenakan ke atas pesalah yang berumur antara 16-18 tahun seperti Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Hukuman tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa kesalahan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah. Di bawah Artikel 1 CRC, definisi “kanak-kanak” adalah terpakai kepada mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Berdasarkan perkara ini, Kerajaan berpandangan bahawa dengan adanya undang-undang Syariah di Malaysia yang memperuntukkan sedemikian, maka ia tidak memenuhi syarat Artikel 37 CRC dan tidak dapat ditarik semula selagi kajian yang sewajarnya dibuat.

Oleh itu, cadangan untuk menarik semula reservasi bagi Artikel 37 CRC ini hendaklah dikaji dengan mengambil kira penjelasan di atas dan keputusan Malaysia untuk menyertai CAT tidak boleh dilaksanakan selagi undang-undang domestik Negara adalah tidak selaras dengan peruntukan di bawah CRC.

Berkenaan cadangan Suruhanjaya supaya Kerajaan menarik semula reservasi ke atas Artikel 15 CRPD, keputusan untuk meletakkan reservasi terhadap Artikel 15 CRPD merupakan keputusan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan setelah mengambil kira beberapa peruntukan dalam CRPD yang bercanggah dengan beberapa peruntukan dalam undang-undang domestik Malaysia seperti peruntukan berkenaan hukuman mati mandatori dan sebatan rotan yang terdapat di dalam undang-undang domestik seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah boleh ditafsirkan sebagai termasuk dalam pengertian “*cruel, inhuman or degrading treatment of punishment*” sebagaimana yang terdapat dalam Artikel 15 CRPD.

Kesimpulannya, walaupun Malaysia membuat reservasi terhadap Artikel 37 CRC dan Artikel 15 CRPD atas sebab-sebab yang telah dinyatakan di atas, ia tidak bermakna Malaysia terkecuali dari melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diperuntukkan di bawah obligasi antarabangsa yang lain yang berkuat kuasa dan terpakai yang mana Malaysia menjadi Negara Pihak.

- (vi) Kerajaan hendaklah mengkaji semula keberkesanan hukuman rotan, soal siasat yang dibuat secara paksaan, dan lain-lain bentuk tindakan yang terjumlah kepada penyeksaan di bawah CAT dalam mencegah jenayah serta dalam mendapatkan maklumat;

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebatan kepada pesalah-pesalah jenayah telah diperuntukkan dalam undang-undang bertulis tertentu sebagai hukuman. Hukuman sebatan tidak dijalankan secara sewenang-wenangnya tetapi tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan dengan mengambil kira jantina, umur dan tahap kesihatan pesalah.

Bagi tindakan soal siasat secara paksaan, siasatan yang dijalankan terhadap orang yang disyaki adalah dibuat mengikut peruntukan undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

Bagi kes-kes kesalahan disiplin di sekolah, murid boleh diberikan amaran, dikenakan kelas tahanan atau tindakan bersifat perkhidmatan sosial dan diberikan kaunseling oleh pihak sekolah. Murid yang melakukan kesalahan serius setelah disiasat akan diberikan peluang dengan memanggil ibu bapa untuk berbincang. Tindakan hukuman diputuskan oleh Pengetua/ Guru Besar melalui mesyuarat pihak berkuasa disiplin sekolah. Murid juga diwajibkan untuk menghadiri sesi kaunseling selepas hukuman diberikan.

Hukuman rotan yang dikenakan ke atas murid adalah merupakan suatu hukuman terakhir dan bukanlah bersifat penderaan. Ia dilakukan di dalam bilik yang tertutup dengan tatacara tertentu yang bertujuan untuk mendidik murid dan tidak mencederakan murid.

- (ix) Berhubung kes-kes yang kurang serius, kaedah peralihan (*Diversion*) telah dicadangkan sebagai satu alternatif untuk berurusan dengan pesalah kanak-kanak kerana menghantar mereka ke sekolah pemulihan masih belum terbukti berkesan. Kaedah ini hendaklah juga terpakai ke atas pesalah dewasa

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah meneliti kaedah *diversion* bersama dengan beberapa agensi lain yang berkaitan. Di samping itu, bagi kes-kes yang kurang serius, Kerajaan turut melaksanakan Perintah Kehadiran Wajib

untuk pesalah dewasa semenjak tahun 2010 tanpa memerlukan pesalah tersebut menjalani hukuman di penjara. Sehingga Julai 2016 seramai hampir 3,000 pesalah telah berjaya menjalani Perintah Kehadiran Wajib.

Dalam pada itu, Kerajaan melalui KPWKM juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan projek rintis *Diversion* bagi kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan jenayah kecil atau tidak serius. *Diversion* merupakan konsep di mana kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan jenayah (yang akan ditentukan) dialihkan daripada prosedur kehakiman sedia ada dan akan diberikan intervensi alternatif yang bersifat pendidikan dan penginsafan diri seperti khidmat masyarakat. Pelaksanaan projek rintis ini akan melibatkan kerjasama antaranya JKM, PDRM, AGC dan Jabatan Penjara.

- (x) Berhubung hukuman mati, pelaksanaan hukuman mati oleh kebanyakan negara tidak menjadikannya mencabul peruntukan di bawah CAT. Kebimbangan utama CAT berkenaan hukuman mati adalah layanan serta hukuman terhadap pesalah yang disabitkan yang menunggu pelaksanaan hukuman, seperti pemenjaraan yang berpanjangan yang mana ia terjumlah kepada layanan yang zalim dan menjatuhkan maruah; dan

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Hukuman mati telah dilaksanakan dengan tertib dan teratur mengikut proses undang-undang. Begitu juga semua hak untuk membuat rayuan kepada mahkamah dan petisyen kepada Lembaga Pengampunan telah diberikan kepada banduan terlibat. Ia melibatkan satu proses yang agak panjang dengan memberikan semua hak kepada semua banduan membuat rayuan sebelum hukuman tersebut diputuskan dan diperintahkan untuk dilaksanakan. Setelah mengambil kira semua aspek, sebahagian besar banduan yang membuat petisyen kepada Lembaga Pengampunan juga telah dipertimbangkan peringanan hukuman atau diberikan pengampunan.

## **5. CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999**

Pada tahun 2012 dan 2013, Suruhanjaya telah membuat beberapa cadangan bagi menangani persepsi masyarakat terhadap kebebasannya dan juga sekatan yang menghalang keberkesanan Suruhanjaya dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Suruhanjaya mengulangi pindaannya yang dicadangkan sebelum ini yang termasuk mandat Suruhanjaya untuk melawat tempat-tempat tahanan tanpa notis awal; pemilihan dan terma pelantikan Pesuruhjaya; sama ada untuk melantik Pesuruhjaya sepenuh masa atau sambilan; kuasa Suruhanjaya untuk campur tangan dalam kes-kes mahkamah dan untuk melaksanakan mediasi; perbincangan laporan Suruhanjaya di Parlimen; serta konsultasi dengan Suruhanjaya berhubung penggubalan dan pindaan undang-undang. Lanjutan kepada cadangan yang dibuat sebelum ini, Suruhanjaya seterusnya telah mencadangkan bahawa dana yang mencukupi hendaklah diluluskan oleh Parlimen selepas mengkaji semula cadangan bajet tahunan Suruhanjaya; pengenalan seksyen baru yang menjelaskan hak Suruhanjaya untuk hadir sebagai *Amicus Curiae* perlu diperkenalkan; serta kuasa untuk mengeluarkan Pengerusi dari pejabatnya di bawah seksyen 10(c) hendaklah hanya dilakukan oleh “Ketua Setiausaha Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemilih”.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat telah menyatakan bahawa cadangan bagi meminda seksyen 10(c) untuk menggantikan perkataan “Menteri” kepada “Ketua Setiausaha Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemilih” akan dipertimbangkan. Selain daripada itu, adalah dipersetujui ketika Mesyuarat bahawa agensi yang terbabit mengadakan perbincangan berasingan dengan Suruhanjaya bagi membincangkan alternative atau pengurusan pentadbiran bagi membolehkan Suruhanjaya untuk melaksanakan mandatnya dengan lebih efektif.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Cadangan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] telah diterima oleh pihak Kerajaan dan telah dibincangkan bersama kementerian/jabatan/agensi berkenaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa tindakan susulan yang diperlukan di pihak SUHAKAM untuk melihat semula kepada cadangan yang telah dikemukakan bagi tujuan meneruskan dengan cadangan untuk meminda Akta berkenaan.

### **8. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG**

#### **(a) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA)**

- (i) Jumlah Tempoh Reman 59 Hari dan Kekurangan Budi Bicara Kehakiman untuk Membuat Keputusan mengenai Keperluan Reman

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa seseorang yang disyaki mempunyai kaitan dengan aktiviti keganasan boleh ditempatkan di bawah reman berterusan untuk tempoh 59 hari di bawah seksyen 4(1)(a) dan 4(2)(a) setelah dikemukakan kenyataan bertulis oleh polis dan pendakwa raya bahawa seseorang itu dipercayai terlibat dalam pelakuan atau menyokong perbuatan keganasan. Walaupun dihujahkan bahawa tempoh reman ini diperintahkan oleh seorang Majistret, Suruhanjaya memandang serius akan penggunaan perkataan di dalam dua subseksyen ini yang mana menunjukkan bahawa Majistret tidak boleh melaksanakan budi bicara kehakiman beliau berkenaan dengan permohonan reman jika prasyarat seksyen 4(1) (a) dan 4(2)(a) telah dipenuhi. Seksyen-seksyen ini juga menghadkan kuasa mahkamah untuk mempersoalkan keperluan, serta memeriksa bukti berkaitan dengan, reman orang yang berkenaan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tempoh reman selama 59 hari di bawah POTA [Akta 769] diperoleh melalui proses kehakiman dan bukan kuasa Menteri. Oleh itu, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majistret berkaitan tempoh reman boleh dibuat semakan ke Mahkamah Tinggi.

Keputusan membenarkan reman oleh pihak Majistret ke atas tempoh yang dimohon dan oleh pihak polis adalah berdasarkan syarat yang diperuntukkan di bawah Akta 769.

Subjek yang ditahan mempunyai hak untuk membuat sebarang aduan jika berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis sepanjang tempoh tahanan semasa proses reman dimohon oleh polis di hadapan Majistret.

Subjek juga boleh melantik peguam bermula dari tempoh dia ditahan sehingga proses permohonan reman dimohon di mahkamah seterusnya hinggalah ke peringkat Lembaga Penasihat dan boleh membuat permohonan *habeas corpus* di Mahkamah Tinggi.

### (ii) Kuasa Lembaga Pencegahan Jenayah (LPK)

Pembentukan Lembaga Pencegahan Keganasan (Lembaga) di bawah seksyen 8(1) POTA adalah sama dengan Lembaga yang dibentuk di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PCA). Di bawah POTA, kecuali bagi kelayakan Pengerusi Lembaga, Akta ini tidak menyatakan kelayakan bagi ahli-ahli yang lain. Di samping itu, proses pemilihan bagi Lembaga tidak ditakrifkan dengan jelas. Suruhanjaya berpendapat ia hendaklah dilakukan secara telus.

Selain itu, isu yang lebih penting adalah peranan Lembaga. Walaupun ada terdapat hujahan mengatakan bahawa Lembaga merupakan elemen utama POTA yang akan menyediakan perlindungan terhadap sebarang penyalahgunaan undang-undang, Suruhanjaya tidak yakin bahawa Lembaga dapat menjalankan peranannya seperti yang dikehendaki dengan berkesan. Lembaga menjadi tidak upaya disebabkan kuasa yang terhad seperti termaktub di bawah seksyen 13, yang mana ia hanya bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Pegawai Siasatan (IO). POTA seolah-olah menunjukkan bahawa kewujudan Lembaga adalah semata-mata untuk mengesahkan penahanan seseorang itu dan bukannya untuk mempersoalkan rangkaian penyiasatan, bukti yang diperolehi serta keperluan untuk menahan orang tersebut. Selain itu, Pegawai Siasatan, seperti dijelaskan di bawah, diberikan kuasa untuk menentukan pelbagai perkara berhubung penangkapan dan penahanan seseorang. Suruhanjaya menekankan bahawa dalam keadaan tersebut, Lembaga mungkin tidak melaksanakan proses semak dan imbang atau mengurangkan sebarang penyalahgunaan kuasa. Dengan ketiadaan perbicaraan di dalam mahkamah terbuka, kemungkinan ketidakadilan berlaku adalah jelas.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Anggota Lembaga Pencegahan Keganasan (LPK) dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan mengambil kira kelayakan, ketelusan dan integriti tertinggi anggota. LPK berperanan untuk meneliti dan menimbang laporan lengkap penyiasatan IO polis dan laporan IO KDN. LPK adalah bersifat berkecuali dan bebas membuat keputusan serta tidak terikat dengan laporan-laporan yang dikemukakan oleh IO polis dan IO KDN.

### **(iii) Kuasa yang Diberikan kepada Pegawai Siasatan (IO)**

Pelantikan IO di bawah seksyen 9 adalah tidak jelas dan tidak ditetapkan dengan khusus kelayakan atau kriteria kepada pelantikan seorang IO. Walaupun seksyen 9(2) melarang pelantikan mana-mana pegawai polis sebagai seorang IO, dengan ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai kelayakan seorang IO, proses pelantikan adalah merupakan perkara di bawah budi bicara Menteri. Di samping itu, Suruhanjaya bimbang akan kuasa yang luas yang diberikan kepada IO yang bertanggungjawab dalam menjalankan penyiasatan dan inkuiri, menilai dan menyemak bukti, serta membuat cadangan yang mengikut Lembaga. Ia turut dinyatakan bahawa, jika POTA disalahgunakan, kemungkinan besar ia dilakukan ketika proses

inkuiri, terutamanya memandangkan POTA tidak menetapkan garis panduan yang jelas yang bertujuan untuk memastikan kredibiliti dan ketelusan Pegawai Siasatan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pelantikan IO di bawah seksyen 9 Akta 769 dibuat oleh Menteri Dalam Negeri berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh seseorang itu dalam bidang keselamatan. Mereka adalah tertakluk di bawah tindakan oleh Unit Integriti KDN dan pemantauan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan tiada penyelewengan dilakukan.

Untuk menjalankan tugas yang diamanahkan sebagai IO, mereka terlebih dahulu menerima suatu salinan lengkap laporan penyiasatan yang dilakukan oleh pihak polis. Berdasarkan laporan tersebut, IO akan menyiasat dan melaporkan secara bertulis kepada LPK sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang ditahan itu terlibat dengan perbuatan atau menyokong keganasan.

Bagi menjalankan maksud siasatan, seseorang IO boleh mendapatkan dan menerima segala keterangan dalam apa jua bentuk, memanggil saksi, menghendaki pengemukaan dokumen atau apa-apa benda lain yang difikirkan berkaitan dengan siasatan serta melindungi saksi atau keluarganya bagi kepentingan awam.

IO juga akan memanggil subjek yang dikaitkan dengan kesalahan tersebut. Perlu dijelaskan bahawa IO yang dilantik di bawah seksyen 9 Akta 769 ini tidak boleh terdiri daripada kalangan anggota polis. Ini membuktikan bahawa proses yang dilakukan oleh IO yang dilantik di bawah seksyen 9 Akta 769 merupakan “*check and balance*” kepada siasatan yang dilakukan oleh pihak polis.

### (iv) Penafian untuk Mendapatkan Khidmat Peguam

Suruhanjaya berpandangan kurangnya peguam bagi seseorang tertuduh ketika inkuiri (seksyen 10(6)) serta peruntukan bagi penahanan tanpa perbicaraan yang tidak ditentukan sebagai satu perkara yang menjadi perhatian serius dan melanggar hak kepada perbicaraan yang adil menurut Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 10 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Suruhanjaya menegaskan bahawa hak kepada perbicaraan yang adil adalah mutlak dan tidak terhad. Tambahan pula, penahanan secara sewenang-wenangnya merupakan ancaman serius kepada kebebasan dan untuk menikmati hak-hak asasi yang lain.



## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan tidak menafikan sepenuhnya hak-hak kemanusiaan mereka yang ditahan di bawah Akta 769. Ini kerana apabila berlakunya tangkapan, mereka yang ditahan akan dimaklumkan alasan penangkapannya dan dimaklumkan kepada waris kadim berhubung tangkapan dan lokasi keberadaannya. Pada masa yang sama, mereka yang ditangkap juga boleh melantik peguam pilihan mereka untuk mewakili mereka.

### (v) Penafian Semakan Kehakiman

Suruhanjaya kesal dengan ketiadaan hak kepada semakan kehakiman, kecuali bagi mengkaji semula perkara-perkara prosedur, sepertimana tertakluk di bawah seksyen 19(1) dan (2), yang merupakan satu penghinaan kepada hak untuk perbicaraan yang adil dan hak untuk mempunyai kesahihan penahanan seseorang itu ditentukan oleh mahkamah yang bebas dan berwibawa. Ini merupakan penafian jelas ke atas hak orang yang ditahan serta melanggar kebebasan asas sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

POTA seolah-olah menafikan setiap laluan untuk mempersoalkan kesahihan penahanan di bawah dan pengendalian POTA, menurut seksyen 19 Akta tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Merujuk kepada Penyata Rasmi Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Pertama bertarih 6 April 2015 pada muka surat 37, YB Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar telah menyatakan tentang hak seseorang yang ditahan di bawah Akta 769 di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan tentang Semakan Kehakiman diperuntukkan di bawah seksyen 19 Akta 769. Oleh yang demikian, berdasarkan Penyata Rasmi tersebut, Kerajaan yakin bahawa hasrat penggubalan peruntukan tersebut telah menyatakan semakan kehakiman bukan sahaja terhadap ketidakpatuhan tatacara ("*procedure*") tetapi ianya boleh dibuat sekiranya dibuktikan tahanan dibuat secara *mala fide*.

Dalam kes *R. Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor. [1997] 1 CLJ 147*, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa keputusan sesebuah tribunal boleh disemak bukan hanya terhadap ketidakpatuhan tatacara berdasarkan isu "*illegality*", "*irrationality*" dan "*proportionality*" tetapi juga berdasarkan fakta kes.

Manakala dalam kes *Kumpulan Perangsang Selangor Bhd v. Zaid Mohd Noh [1997] 2 CLJ 11*, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan prinsip semakan kehakiman dalam kes Rama Chandran, namun menjelaskan bahawa terdapat pengecualian dalam pemakaian prinsip tersebut iaitu dalam kes-kes yang melibatkan dasar awam (*public policy*), kepentingan awam (*national interest*), keselamatan umum (*public safety*) atau keselamatan negara (*national security*).

Orang Tahanan (OT) mempunyai hak untuk mencabar Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh LPK dengan membuat suatu representasi kepada Lembaga Penasihat di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam masa yang sama, OT boleh membuat Semakan Kehakiman terhadap keputusan Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh LPK berkaitan “*non compliance of procedure*”.

Kerajaan tidak pernah menafikan hak OT untuk membuat representasi dan Semakan Kehakiman terhadap perintah yang dikeluarkan oleh LPK. Perkara ini jelas tidak berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan tambahan pula ianya digubal berdasarkan Perkara 149 dan telah diperuntukkan di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

Perbandingan dengan peruntukan perintah kawalan di bawah “*Chapter 5 —The security of the Commonwealth/ Part 5.3—Terrorism/ Division 104—Control orders*” Akta Kanun Jenayah Australia 1995 adalah tidak relevan memandangkan Australia tidak mempunyai LPK seperti Malaysia yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah kawalan tersebut.

#### (vi) Penjenamaan Semula Undang-undang yang telah Dimansuhkan

Suruhanjaya memaklumkan dengan kebimbangan yang serius bahawa POTA membawa kembali unsur-unsur undang-undang yang telah dimansuhkan sebelum ini termasuk ISA dan RRA. Seksyen 13(3) POTA memperuntukkan sekatan pergerakan terhadap seseorang bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun. Seksyen ini bersamaan dengan satu peruntukan RRA. RRA memberi kuasa kepada Menteri untuk menahan seseorang, manakala di bawah POTA, kuasa itu kini diberikan kepada Lembaga untuk menentukan samada seseorang itu harus dihadkan pergerakannya dalam negeri atau daerah tertentu.

Sebagai pertimbangan mengenai perkara di atas, Suruhanjaya menggesa supaya POTA disemak semula, melalui perbincangan yang lengkap dan bermakna dengan semua pihak berkepentingan, termasuk Suruhanjaya.

Perbincangan tersebut akan membenarkan penukaran dan pertimbangan pandangan dengan matlamat utama menyelaraskan peruntukan POTA dengan model undang-undang jenayah yang berorientasikan hak asasi manusia, demi memastikan layanan yang adil dan seimbang kepada mana-mana orang yang didakwa.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Akta 769 telah digubal bagi mengadakan peruntukan mengenai pencegahan pelakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing dan bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian dan bagi perkara yang berkaitan.

Akta ini telah digubal menurut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan di mana ia adalah sah walaupun berlawanan dengan Perkara 5 (kebebasan diri), Perkara 9 (larangan buang negeri, dan kebebasan bergerak), Perkara 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan) atau Perkara 13 (hak terhadap harta) Perlembagaan Persekutuan.

Selaras dengan fungsinya sebagai undang-undang pencegahan yang mana ianya di buat berdasarkan keperluan bagi menjaga kepentingan keselamatan negara atau mana-mana bahagian, maka Akta ini telah digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dengan lebih spesifik yang menjurus kepada pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan.

Selain itu, kuasa-kuasa eksekutif Menteri telah diambil alih oleh LPK yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga tahanan 60 hari di bawah ISA dibuat oleh polis sahaja sedangkan di bawah Akta 769 tahanan 60 hari dibuat melalui proses Mahkamah secara berperingkat.

Ini jelas menunjukkan bahawa undang-undang ini bukanlah penjelmaan semula kepada undang-undang yang telah dimansuhkan seperti ISA dan RRA.

### **(b) Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015)**

Suruhanjaya dalam pelbagai keadaan telah menyatakan pandangannya mengenai penggunaan Akta Hasutan ini. Penggunaan Akta Hasutan ini tidak dijustifikasikan kerana pihak berkuasa boleh mencari jalan keluar melalui penggunaan undang-undang atau remedi perundangan yang lain.

Suruhanjaya sejak penubuhannya telah menggesa dan menyeru Kerajaan secara berterusan untuk memansuhkan Akta Hasutan dan memberi sepenuhnya kepada rakyat erti hak untuk kebebasan meluahkan pendapat dan bersuara seperti yang termaktub di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, serta Artikel 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Bagaimanapun, Suruhanjaya menyedari bahawa kebebasan meluahkan pendapat atau bersuara adalah tidak mutlak dan terdapat beberapa keadaan yang mana membenarkan hak ini dihadkan.

Suruhanjaya menyatakan bahawa satu kebimbangan serius terhadap Akta Hasutan adalah kekaburan terhadap istilah “kecenderungan menghasut”, yang menjadikannya mudah terdedah kepada tafsiran yang luas dan sewenang-wenangnya sebagaimana terbukti dalam penggunaannya oleh pihak berkuasa sejak kebelakangan ini terhadap individu-individu termasuk ahli politik, ahli akademik, dan wakil-wakil media yang telah mengeluarkan kenyataan mengkritik Kerajaan dan dasar-dasarnya. Sehubungan dengan Akta Hasutan (Pindaan) 2015, (Akta Pindaan), Suruhanjaya membuat pemerhatian seperti berikut:

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Secara amnya, justifikasi bagi pindaan terhadap Akta 15 yang telah diluluskan di Parlimen telah dinyatakan dan diperjelaskan di bawah bab Isu-Isu Utama, Perenggan 10: Semakan Undang-Undang, subperenggan (b): Akta Hasutan 1948 dalam Laporan ini.

Secara khususnya, justifikasi pindaan adalah seperti yang berikut:

- (a) seksyen 2 Akta 15 dipinda dengan memasukkan takrif “*publications by electronic means*”. Istilah ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 10 Akta 15 dan kemasukan seksyen baru 10A ke dalam Akta 15 bagi menangani perbuatan menghasut melalui penerbitan yang dibuat secara elektronik.

Pindaan kepada seksyen 10 Akta 15 membolehkan mahkamah (Mahkamah Sesyen) mengeluarkan perintah agar orang yang membuat penerbitan secara elektronik untuk menghapuskan penerbitan yang dibuatnya secara elektronik itu (*to remove seditious publications*). Selain itu, perintah juga boleh dikenakan bagi melarang orang yang membuat penerbitan secara elektronik itu daripada mengakses apa-apa peranti elektronik (*prohibition from accessing any electronic device*).

Kemasukan seksyen baru 10A pula adalah bagi memberi kuasa kepada Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah mengenai penerbitan menghasut yang dibuat secara elektronik oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti. Bagi maksud ini, memandangkan pelaku tidak dapat dikenal pasti, perintah ini hendaklah dikeluarkan kepada pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] untuk menghalang capaian kepada penerbitan itu (*to prevent access*).

- (b) berhubung dengan pindaan kepada seksyen 3 Akta 15:
- (i) perbuatan mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Kerajaan dan perbuatan yang mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap pentadbiran keadilan telah dikeluarkan daripada elemen "*seditionous tendency*" dalam Akta 15. Dengan pindaan ini, perbuatan tersebut tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta 15. Pindaan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang lebih telus dan "*accountable*" kepada rakyat Malaysia demi manfaat negara dan rakyat. Walau bagaimanapun, kritikan terhadap Kerajaan yang melampaui batas sehingga ia terjumlah kepada perbuatan fitnah terhadap Kerajaan atau perbuatan yang memudaratkan demokrasi berparlimen masih merupakan suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan;
  - (ii) perbuatan mana-mana orang untuk membangkitkan perasaan niat jahat, permusuhan atau kebencian atas alasan keagamaan telah dijadikan sebagai suatu kesalahan di bawah Akta 15. Kemasukan kesalahan baru ini adalah selaras dengan niat Kerajaan untuk melindungi kesucian pelbagai agama yang dianuti oleh pelbagai kaum atau golongan penduduk di Malaysia dan menghindar penghinaan agama; dan
  - (iii) pindaan juga telah dibuat untuk memperluas liputan Akta 15 bagi menangani perbuatan mencetak secara tidak langsung yang mengandungi kecenderungan menghasut.
- (c) berhubung dengan pindaan kepada seksyen 4 Akta 15 seperti yang berikut:
- (i) menggantikan penalti yang sedia ada bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta 15 dengan penalti minimum iaitu pemenjaraan tiga tahun dan maksimum tujuh tahun.

- (ii) menggantikan kesalahan mengimport penerbitan menghasut (*imports any seditious publications*) dengan menyebarkan penerbitan menghasut (*propagates any seditious publications*).
  - (iii) memasukkan subseksyen baru 4(1A) ke dalam Akta 15. Di bawah subseksyen baru 4(1A) ini, perbuatan menghasut yang menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda dijadikan suatu kesalahan lebih berat yang membawa penalti yang lebih tinggi iaitu penalti minimum pemenjaraan selama tempoh tiga tahun sehingga tempoh maksimum dua puluh tahun,
- (d) kemasukan seksyen baharu 5A ke dalam Akta 15 memberi Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah kepada orang yang dituduh di bawah seksyen 4 yang telah dilepaskan dengan ikat jamin supaya menyerahkan dokumen perjalanannya kepada Mahkamah sehingga prosiding terhadapnya selesai dan memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk mengeluarkan perintah terhadap Ketua Pengarah Imigresen untuk tidak mengeluarkan apa-apa dokumen perjalanan kepada mana-mana orang yang dituduh di bawah seksyen 4 yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sehinggalah semua prosiding berkaitan pertuduhan terhadap orang itu selesai, adalah untuk mencegah perbuatan orang yang dituduh di bawah Akta 15 daripada keluar dari Malaysia dan terlepas daripada diadili di Mahkamah. Ia juga bertujuan untuk mencegah orang tersebut daripada melakukan kesalahan menghasut di luar negara. Untuk makluman, Akta 15 mempunyai bidang kuasa luar wilayah (*extra-territorial jurisdiction*) berdasarkan Akta Kesalahan-Kesalahan di Luar Negeri 1976 [Akta 163];
- (e) seksyen 6 Akta 15 dipinda untuk membolehkan hukum keterangan biasa berkenaan dengan kebolehpercayaan saksi digunakan dalam kes menghasut. Peruntukan ini dapat membantu pihak Pendakwa dalam mengendalikan pembuktian kes-kes hasutan. Ini seiring dengan berlakunya peningkatan kes-kes hasutan yang memberi kesan kepada kesejahteraan masyarakat di Malaysia;
- (f) seksyen baharu 6A dimasukkan ke dalam Akta 15 bagi memperjelas bahawa seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai bagi kesalahan di bawah subseksyen baru 4(1A) iaitu kesalahan menghasut yang menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda. Seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah menyentuh kuasa Mahkamah untuk melepaskan mana-mana orang yang dipertuduh tanpa merekodkan sabitan kesalahan dan kuasa Mahkamah untuk melepaskan orang yang

disabitkan dengan kesalahan atas suatu bon berkelakuan baik. Ini adalah kerana kesalahan itu merupakan kesalahan yang serius;

- (g) seksyen 10 Akta 15 dipinda bagi memberi Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah untuk menyekat edaran lanjut apa-apa penerbitan yang mengandungi kecenderungan menghasut dan menghapuskan mana-mana penerbitan sedemikian yang dibuat secara elektronik seperti di internet. Ini adalah bagi menangani perbuatan menghasut yang dilakukan secara dalam talian yang semakin berleluasa;
- (h) seksyen baharu 10A dimasukkan bagi memberi Mahkamah kuasa khas untuk mengeluarkan perintah terhadap pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menghalang capaian (*prevent access*) kepada penerbitan yang mengandungi kecenderungan menghasut yang dibuat secara elektronik oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti (*unidentified person*). Ini adalah juga untuk perbuatan menghasut yang dilakukan secara dalam talian yang semakin berleluasa khususnya di media sosial; dan
- (i) berhubung dengan peningkatan penalti dalam Akta 15, secara amnya adalah bersifat mencegah (*deterrent*) bagi menangani perbuatan menghasut yang meningkat.

Akta 15 masih lagi relevan bagi memastikan keharmonian rakyat Malaysia dapat dikekalkan dan adalah telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v Azmi Sharom [2015] 8 CLJ 921* bahawa Akta 15 adalah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

- (iii) Penyingkiran Kuasa Budi Bicara Mahkamah dalam Menjatuhkan Hukuman

Merujuk kepada pindaan kepada Seksyen 4 Akta tersebut, Suruhanjaya kesal bahawa Akta Pindaan telah memansuhkan kuasa budi bicara Mahkamah, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta asal, untuk mengenakan denda berbanding hukuman penjara jika disabitkan kesalahan.

Sebagai peraturan umum, seseorang Hakim mempunyai budi bicara dalam proses menjatuhkan hukuman, bergantung kepada fakta dan faktor mitigasi yang lain. Pindaan ini telah menghapuskan kuasa budi bicara Mahkamah yang penting dalam menentukan hukuman yang sesuai sekiranya Mahkamah berpendapat hukuman penjara adalah tidak wajar.

Pada dasarnya, pindaan ini membelenggu kuasa budi bicara Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman, dengan memberi mandate supaya Mahkamah mengenakan hukuman minimum tanpa mengambil kira sebarang keadaan kes.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mahkamah mempunyai budi bicara dalam memutuskan sesuatu kes berdasarkan keterangan dan hukuman dijatuhkan selepas seseorang itu didapati bersalah. Berat dan ringannya sesuatu hukuman itu berdasarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan.

Kerajaan mendapati persoalan yang dibangkitkan oleh SUHAKAM ialah tentang Pindaan kepada Akta 15, suatu undang-undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan (Parlimen).

Hal perkara tentang ketetapan dasar adalah terletak pada Badan Eksekutif yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam undang-undang oleh Badan Perundangan. Merujuk kepada Huraian (“Explanatory Statement”) Fasal 4 Rang Undang-Undang Hasutan 1948 (Pindaan) 2015 [D.R. 17/2015] adalah seperti berikut:

“5. Fasal 4 Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 15. Pindaan kepada subseksyen 4(1) bertujuan untuk menggantikan hukuman sedia ada bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1) dengan hukuman minimum pemenjaraan selama tempoh tiga tahun sehingga tempoh maksimum tujuh tahun dan meniadakan hukuman denda. Sebagai tambahan kepada peningkatan hukuman di bawah subseksyen 4(1), fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 4(1a) untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman yang lebih tinggi bagi kesalahan di bawah Akta jika kecederaan tubuh badan atau Hasutan (Pindaan) 11 kerosakan harta benda telah disebabkan akibat daripada pelakuan kesalahan itu. Dalam hal sedemikian, hukuman minimum pemenjaraan selama lima (5) tahun dan hukuman maksimum pemenjaraan selama dua puluh tahun boleh dikenakan untuk mengambil kira keseriusan kesalahan itu.”

Selanjutnya, Akta Hasutan 1948 (Pindaan) 2015 telah diluluskan oleh Parlimen pada 28 April 2015 dan Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika membahaskan Rang Undang-Undang tersebut di Dewan Negara telah menjawab tentang penghapusan budi bicara Mahkamah (Rujuk Penyata Rasmi Dewan Negara Parlimen Ketiga Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Pertama bertarikh 28 April 2015 pada muka surat 59).



Hukuman yang dikenakan atau dijatuhkan kepada individu atau pihak yang melakukan jenayah di negara ini adalah mengikut peruntukan undang-undang berdasarkan prinsip hukuman.

Seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

“*Sentence*

*183. If the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law.”.*

Dalam kes *Public Prosecutor V. Jafa Daud [1981] 1 LNS 28*, Mohamed Azmi J memutuskan bahawa—

*‘A “sentence according to law” means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles.’*

(iv) Sekatan Pergerakan

Individu yang didakwa di bawah Seksyen 4 Akta tersebut dan dibebaskan dengan jaminan adalah dilarang meninggalkan negara atau mendapatkan dokumen perjalanan di bawah seksyen baru 5B. Seksyen ini memberi kesan terhadap kebebasan bergerak seperti yang termaktub dalam Artikel 12 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Perlu diambil perhatian bahawa sebarang bentuk langkah sekatan mestilah mematuhi prinsip berkadaran; “Ia mestilah sesuai untuk mencapai fungsi perlindungan mereka; ia mestilah instrumen instrusif yang paling minima di kalangan instrumen-instrumen yang mungkin mencapai hasil yang dikehendaki; dan ia mestilah berkadaran terhadap kepentingan yang perlu dilindungi”. Sekatan yang dikenakan boleh menjejaskan hak sosial dan ekonomi individu yang didakwa di bawah Akta ini yang mana menghalang individu tersebut daripada mengejar objektif yang boleh menghasilkan keputusan yang positif kepada mereka.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pengenalan seksyen ini bertujuan untuk menghalang mana-mana rakyat Malaysia yang dituduh di bawah Akta ini daripada meninggalkan negara selagi mana proses perbicaraan berterusan. Jika proses perbicaraan telah selesai maka mereka dibenarkan untuk meninggalkan negara dan mendapatkan dokumen perjalanan.

Ini bagi mengelakkan rakyat Malaysia yang telah dituduh melarikan diri keluar negara untuk bersembunyi bagi menggagalkan pertuduhan yang telah dikenakan ke atas mereka.

(v) Akses kepada Maklumat

Akses kepada maklumat dalam era digita baru adalah hampir tidak terhalang dan Kerajaan tidak mempunyai kawalan ke atas penyebaran maklumat. Dengan anggaran 67 peratus penduduk Malaysia mempunyai akses kepada internet, had yang diletakkan di bawah Akta Pindaan boleh menafikan hak majoriti penduduk Malaysia untuk meluahkan perasaan mereka dan menerima maklumat.

Larangan di bawah Seksyen 10(1A)(ii) ke atas seseorang yang membuat atau mengedar penerbitan terlarang daripada akses kepada mana-mana peranti elektronik adalah tidak munasabah memandangkan pada zaman ini, sebahagian besar daripada kehidupan seharian kita bergantung kepada peranti elektronik. Sekatan ini boleh menghalang seseorang individu dalam meneruskan kerjayanya, menikmati haknya untuk bekerja serta menikmati faedah daripada kemajuan sains serta aplikasinya.

Pindaan kepada seksyen 10 dan pengenalan seksyen 10A akan mempunyai kesan menghalang akses kepada maklumat jika syarat-syarat di bawah seksyen-seksyen berkenaan dipenuhi. Seksyen 10A boleh digunakan oleh Kerajaan untuk memaksa portal berita untuk mengeluarkan komen yang boleh dianggap menghasut atau mengkritik Kerajaan. Ini bertentangan dengan semangat Artikel 19(2) ICCPR. Artikel ini menunjukkan bahawa bukan sahaja seseorang itu mempunyai hak untuk mempertahankan pendapat, bahkan dalam masa yang sama dia mempunyai hak untuk kebebasan meluahkan pendapat serta untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat secara lisan, bertulis atau menggunakan mana-mana media pilihannya.

Walaupun Suruhanjaya memahami keseimbangan yang teliti antara kebebasan dan keselamatan, dan mengakui bahawa amalan kebebasan meluahkan pendapat boleh tertakluk kepada sekatan yang ketat sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang, sekatan tersebut mestilah seimbang, berkadar, jelas dan adil; serta paling penting ia perlu mematuhi norma-norma antarabangsa mengenai hak kebebasan meluahkan pendapat dan bersuara. Dalam apa jua keadaan, Suruhanjaya kekal dan mengulangi seruannya kepada Kerajaan supaya memansuhkan Akta Hasutan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pengenalan seksyen ini bertujuan untuk menghalang mana-mana orang yang dituduh di bawah Akta ini daripada terus menyebarkan bahan-bahan berunsur hasutan melalui sebarang peranti elektronik dan mengakses mana-mana peranti elektronik selagi mana proses perbicaraan berterusan. Jika proses perbicaraan telah selesai maka mereka dibenarkan untuk membuat akses seperti sedia kala. Walau bagaimanapun, sekatan ini hanya boleh berlaku sekiranya terdapat suatu Perintah Larangan yang dikeluarkan oleh mahkamah terhadap tertuduh.

### **(c) Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara 2015**

Penggubalan Akta Majlis Keselamatan Negara 2015 (AMKN) dibuat bertujuan untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan kuasa untuk mengawal, menyelaraskan, dan mengeluarkan arahan kepada entiti Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan keselamatan negara, dengan objektif memelihara kedaulatan Malaysia dan mengemudi Negara jauh dari ancaman keganasan yang kompleks, keganasan serta jenayah rentas sempadan yang boleh membawa kepada kejatuhan demokrasi, ekonomi dan perpaduan Malaysia.

Suruhanjaya menyuarakan kebimbangannya terhadap pembentangan Rang Undang-undang tersebut yang dibuat secara terburu-buru di Dewan Rakyat pada 3 Disember tanpa rundingan yang sepatutnya dengan Ahli Parlimen dan/atau Jawatankuasa Pemilih dalam keadaan yang tidak berat sebelah, atau Suruhanjaya, sebelum ia diluluskan.

Suruhanjaya juga amat bimbang bahawa kebanyakan peruntukan Akta tersebut telah ditulis dalam istilah umum dengan hampir tiada definisi jelas atau perlindungan untuk membimbing pengisytiharan kawasan keselamatan atau pelaksanaan Rang undang-undang, apabila dikuatkuasakan kelak. Suruhanjaya mengamati beberapa ciri utama Akta tersebut, sepertimana berikut:

- (i) Tiada peruntukan bagi kajian semula Akta secara berkala, mahupun tempoh masa (*sunset clauses*) yang mensyaratkan badan perundangan atau Parlimen untuk berhujah akan keperluan untuk mengubah suai atau menamatkan Akta ini;

- (ii) Istilah “keselamatan” tidak didefinisikan dan pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah seksyen 18 boleh dibuat sepenuhnya berdasarkan penilaian Majlis bahawa sesuatu kawasan itu adalah “terganggu atau terancam dengan serius”. Ini memberi Perdana Menteri kuasa yang tidak terbatas untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan keselamatan. Kuasa untuk mengisytiharkan keadaan darurat terletak di dalam Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan. Proklamasi Darurat boleh dibuat atas perkenan Yang di-Pertuan Agong apabila terdapat ancaman terhadap keselamatan, ekonomi atau ketenteraman awam Persekutuan;
- (iii) Istilah “kekerasan yang munasabah” di bawah seksyen 34 tidak didefinisikan, dan kekerasan tersebut boleh digunakan selagi ia adalah “munasabah dan perlu dalam hal keadaan itu untuk memelihara keselamatan negara”. Ini boleh mewujudkan budaya penggunaan kekerasan yang tidak munasabah secara sembarangan, dan kemungkinan berlaku penyeksaan dalam proses penangkapan dan penyiasatan;
- (iv) Kuasa yang diberikan di bawah seksyen 35, untuk mengetepikan inkues terhadap punca kematian ke atas mayat seseorang yang terkorban di dalam kawasan keselamatan, adalah membimbangkan. Kuasa tersebut memungkinkan mencipta kekebalan dan menggalakkan lagi kebarangkalian berlakunya hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Suruhanjaya, dalam pelbagai keadaan, berkali-kali menyeru Kerajaan untuk menyertai Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah, agar dapat menyediakan proses semak dan imbang terhadap tindakan Negara; dan
- (v) Di bawah Seksyen 32, jumlah pampasan bagi pengambilan tanah atau penggunaan sumber oleh Kerajaan akan berdasarkan kepada penilaian Ketua Pengarah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penggubalan Akta 776 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara (MKN), pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengan Akta.

Akta 776 telah dibentang, dibahas dan diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015 dan di Dewan Negara pada 22 Disember 2015. Akta ini digubal bagi tujuan memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dan diuruskan dengan berkesan.

Akta ini digubal berdasarkan peruntukan di bawah kuasa Parlimen mengikut Perkara 74(1) Parlimen Butiran 2 dan 3 Senarai Pertama Jadual Kesembilan Perlembagaan.

(i) Pendefinisian istilah “keselamatan”

Akta ini tidak memperuntukan takrifan khusus bagi terma “keselamatan negara” demi melengkapkan MKN dengan kuasa yang sewajarnya untuk menggubal dasar dan merangka langkah strategik dan tindakan bersepadu yang sewajarnya dalam usaha menangani sebarang ancaman terhadap keselamatan negara.

Walaupun tanpa takrifan khusus, rujukan boleh dibuat kepada elemen–elemen penting keselamatan negara sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 4(a) Akta 776 iaitu kedaulatan negara, integriti wilayah, pertahanan, kestabilan sosio-politik, kestabilan ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara dan lain–lain kepentingan negara.

Pertimbangan berhubung apakah yang termasuk di bawah maksud keselamatan negara dan tahap ancaman tersebut merupakan kuasa pihak eksekutif. Ini adalah sebagaimana telah diputuskan dalam kes Mahkamah Rayuan *Chng Suan Tse v The Minister of Home Affairs & Ors* dan juga di Mahkamah Persekutuan *Abdul Ghani bin Ali @ Ahmad & Ors v Public Prosecutor* yang menyatakan bahawa “*The Executive, by virtue of its responsibilities, has to be the sole judge of what the national security requires*”.

(ii) Perbezaan antara pengisytiharan darurat dan kawasan keselamatan

Seksyen 18 Akta 776 adalah tidak bertentangan dan berperanan untuk melengkapkan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Kuasa bagi memproklamasikan darurat masih dikekalkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 18 hanya memberikan kuasa kepada Perdana Menteri bagi mengisytiharkan suatu kawasan sebagai kawasan keselamatan.

Empat (4) perbandingan utama proklamasi darurat dan pengisytiharan kawasan keselamatan adalah seperti berikut:

a) *Threshold*

Proklamasi darurat dikeluarkan dalam keadaan yang mana darurat besar (*grave emergency*) sedang atau hampir berlaku. Kawasan keselamatan hanya diisytiharkan apabila berlaku gangguan dan ancaman serius yang memerlukan tindak balas serta merta demi kepentingan negara. Seksyen 18 Akta 776 adalah bertujuan untuk mengawal dan menguruskan gangguan dan ancaman yang sedang dihadapi agar ianya tidak menjadi lebih teruk sehingga boleh menyebabkan darurat.

b) Kuasa pengisytiharan kawasan keselamatan

Kuasa bagi memproklamasikan darurat adalah diperuntukan kepada Yang di-Pertuan Agong manakala pengisytiharan kawasan keselamatan adalah kepada YAB Perdana Menteri.

Di bawah prinsip raja berperlembagaan yang dibaca bersama Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong dalam menjalankan fungsinya untuk memproklamasikan darurat, bukanlah bertindak secara bersendirian mengikut budi bicaranya, tetapi dengan nasihat Jemaah Menteri.

c) Tempoh kuat kuasa

Tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi setiap proklamasi darurat. Bagi pengisytiharan kawasan keselamatan, tempoh kuat kuasa hanyalah selama 6 bulan dari tarikh ianya diisytiharkan. Setiap pembaharuan pengisytiharan juga tidak boleh melebihi 6 bulan.

Pengisytiharan ini boleh dibatalkan melalui 3 cara yang berikut:

1. apabila tamat tempoh 6 bulan atau apa – apa tempoh pelanjutan (Seksyen 18(2)(b));
2. melalui satu resolusi yang dibuat oleh kedua-dua Majlis Parlimen (Seksyen 18(6)); dan
3. dibatalkan oleh YAB Perdana Menteri (Seksyen 18(7)).

d) Kesan pengisytiharan

Tiga kesan utama yang membezakan proklamasi darurat dan pengisytiharan kawasan keselamatan adalah seperti berikut:

1. Kuasa penggubalan undang – undang

Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan apa-apa ordinan yang didapatinya perlu sekiranya kedua-dua Majlis Parlimen tidak bersidang semasa tempoh darurat. Berbeza dengan semasa tempoh kawasan keselamatan, kuasa bagi menggubal undang-undang kekal kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

2. Kuasa perundangan

Semasa darurat, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai semua perkara kecuali perkara yang menyentuh agama Islam, adat orang Melayu dan undang-undang Anak Negeri Sabah dan Sarawak. Bagi kawasan keselamatan, kuasa perundangan masih kekal kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

3. Kuasa eksekutif

Kuasa eksekutif Persekutuan boleh meliputi apa-apa perkara dalam kuasa perundangan sesuatu Negeri dan boleh memberikan arahan kepada Kerajaan sesuatu negeri semasa darurat. Ini berbeza dengan kawasan keselamatan yang mana kuasa eksekutif kekal dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing mengikut bidang kuasa sebagaimana yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Satu mekanisma *check and balance* telah diperuntukan di bawah Seksyen 18(6) Akta 776 yang mana menggariskan bahawa pengisytiharan kawasan keselamatan ini perlu dibentangkan di Parlimen dan boleh dibatalkan sekiranya kedua-dua sidang Parlimen membatalkan pengisytiharan tersebut

(iii) Definisi istilah “kekerasan yang munasabah”

Kekerasan yang perlu dan munasabah di bawah Seksyen 34 Akta 776 bermaksud kekerasan yang boleh digunakan hendaklah tidak boleh melampaui atau melebihi hak mempertahankan diri yang dibenarkan oleh undang-undang.

Penggunaan apa-apa kekerasan terhadap seseorang tidak boleh menyebabkan kematian atau kemudaratan badan yang teruk melainkan jika anggota Pasukan Keselamatan itu mempercayai tindakan sedemikian adalah disifatkan perlu untuk:

- a. melindungi nyawa atau menghalang kecederaan serius kepada dirinya dan orang lain; dan
- b. melindungi kawasan keselamatan daripada ancaman serangan bersenjata.

- (iv) Kuasa mengetepikan inkues terhadap punca kematian ke atas mayat seseorang yang terkorban dalam kawasan keselamatan

Akta 776 tidak menghalang kuasa mana-mana Majistret untuk mengarahkan satu inkues dijalankan seperti mana yang termaktub di bawah Seksyen 337 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 35 Akta 776 hanya memberikan kuasa budi bicara kepada Majistret atau Koroner bagi mengetepikan inkues terhadap mana-mana mayat JIKA dia berpuas hati bahawa orang tersebut terbunuh dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan.

Peruntukan ini tidak sama sekali menghalang Majistret atau Koroner daripada menjalankan siasatan kematian atau inkues sekiranya terdapat keraguan terhadap sebab kematian tersebut. Sebagai langkah timbal balik, keluarga atau waris si mati, sekiranya tidak berpuas hati boleh memohon semakan terhadap keputusan Majistret atau Koroner tersebut di Mahkamah Tinggi (Seksyen 341A, Kanun Tatacara Jenayah).

- (v) Jumlah pampasan bagi pengambilan tanah atau penggunaan sumber

Pemilikan sementara di bawah Akta 776 merujuk kepada hak milik sementara harta secara tidak kekal tanpa melucutkan hak pemilik asal. Tempoh pemilikan sementara ini adalah bergantung kepada Pengarah Operasi (mengikut keperluan operasi) dan tidak melebihi tempoh pengisytiharan kawasan keselamatan yang dibuat di bawah Seksyen 18 Akta 776.

Seksyen 42 Akta 776 menggariskan mekanisma dalam menentukan nilai pampasan yang memadai terhadap mana-mana pemilikan sementara atau penggunaan sumber. Mengambil kira keadaan keperluan dan ancaman yang serius terhadap keselamatan negara pada ketika itu, Pengarah Operasi perlu bertindak dengan segera dan mendapatkan sumber serta membentuk barisan pertahanan negara. Oleh yang demikian, adalah tidak praktikal bagi pasukan keselamatan untuk merundingkan mana-mana tindakan pengambilmilikan sementara dengan pemilik asal. Walau bagaimanapun, mana-mana pihak terkilan boleh membuat bantahan kepada Jawatankuasa Pampasan seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 30(7) Akta 776 yang mana ahlinya dilantik oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara. Peraturan-peraturan berkaitan sedang disediakan.



## **9. KONSULTASI BERSAMA SUHAKAM**

### **(a) Cadangan Pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001**

Suruhanjaya telah dijemput untuk menghadiri ke Sesi Konsultasi Draf Akta Kanak-kanak 2015 Bersama NGO dan Pihak Berkepentingan pada 9 April di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Semasa sesi taklimat tersebut, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang dalam proses memuktamadkan Rang Undang-undang tersebut dan akan membentangkannya di Parlimen pada akhir tahun ini. Antara pindaan utama yang dicadangkan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen baru mengenai 'deinstitutionalisasi';
- (ii) Seksyen baru mengenai 'Perintah Khidmat Masyarakat' kepada kanak-kanak;
- (iii) Pemansuhan hukuman rotan (seksyen 91); dan
- (iv) Peningkatan hukuman ke atas ibu bapa atau penjaga bagi kesalahan yang melibatkan pengabaian kanak-kanak (seksyen 31, 32 dan 33).

Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan hak kanak-kanak dilindungi di Malaysia serta untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa sepertimana yang termaktub di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Namun, Suruhanjaya kesal draf rang undang-undang yang mengandungi cadangan pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001 tidak dikongsi, atau dibincangkan secara terperinci dengan Suruhanjaya.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sesi konsultasi Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah dijalankan pada April 2015 dengan penyertaan pelbagai agensi termasuk NGO dan pihak SUHAKAM.

Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diwartakan pada 25 Julai 2016. Akta ini telah melalui beberapa siri konsultasi dengan kementerian, agensi dan ahli akademik serta NGO berkaitan termasuk SUHAKAM di mana pada tahun 2015, tiga (3) sesi konsultasi berskala besar telah diadakan, iaitu pada 9 April 2015 bersama *stakeholders* dan NGO kanak-kanak, 24 April 2015 bersama perwakilan kanak-kanak dan 30 April 2015 bersama orang awam. Melalui sesi-sesi konsultasi ini, pelbagai cadangan dan pandangan daripada *stakeholders* dan NGO telah diterima dan diteliti semula oleh Kerajaan bagi menambah baik Akta ini.

Susulan itu, KPWKM juga telah ditemui oleh *Joint Action Group on Gender Equality* yang turut bekerjasama dalam menyampaikan pandangan pelbagai pihak dari aspek pelaksanaan Akta 611 yang sedia ada untuk ditambah baik di dalam Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 sebelum Rang Undang-Undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 (RUUKK) dibenteng untuk perbahasan di Parlimen.

Berikut merupakan antara konsep baharu dan penambahbaikan yang telah dibuat di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016:

i. Konsep Baharu

- Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan, misalnya bagi mangsa dera dan mangsa yang diabaikan. Melalui RUUKK, Mahkamah mempunyai pilihan di mana PBK merupakan alternatif utama dalam membuat perintah penempatan manakala institusi kebajikan merupakan pilihan terakhir dalam penempatan bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan;
- Pemansuhan Hukuman Sebat oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ke atas kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang. Hukuman-hukuman lain yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak adalah seperti amaran, bon, PBK, denda, pampasan atau kos, atau perintah percubaan; dan
- Perintah Khidmat Masyarakat (CSO) bagi kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang dan ibu bapa/penjaga yang didapati bersalah di bawah Akta 611. Pengenalan kepada CSO adalah bertujuan untuk bukan sahaja sebagai hukuman kepada pesalah ibu bapa atau kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang tetapi sebagai kaedah korektif berbentuk penginsafan diri dan bagi mengelakkan pesalah daripada mengulangi kesalahan yang sama pada masa hadapan.

ii. Penambahbaikan

- Penstrukturan Semula Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak. Majlis ini dibentuk semula daripada Majlis Penasihat dan Perundingan Kanak-Kanak Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, JKM. Majlis ini adalah badan tertinggi dalam negara yang berperanan dalam menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua isu dan aspek yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa.

Penstrukturan ini termasuk menyusun semula 2 pasukan kanak-kanak di peringkat daerah untuk melapor terus kepada Majlis. 2 pasukan tersebut adalah:

- (a) Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak. Pasukan ini merupakan pasukan sedia ada yang ditubuhkan di daerah-daerah seluruh Negara. Pasukan ini distruktur semula dengan keanggotaan tidak lebih daripada 7 orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pencegahan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai polis kanan. Penstrukturan semula ini adalah untuk memastikan penyelarasan perkhidmatan yang berkesan yang diberikan kepada keluarga dan kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, iaitu antaranya kanak-kanak yang dcederakan daripada segi fizikal, dianiayai, diabaikan dan dibuang. Dengan pindaan ini juga, Pelindung ditugaskan untuk menyelia Pasukan Perlindungan Kanak-kanak; dan
  - (b) Pasukan Kebajikan Kanak-kanak. Pasukan ini yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak berfungsi untuk menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan dan pemulihan. Pasukan ini terdiri daripada tidak lebih daripada 7 orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, seorang Pegawai Pendidikan dan seorang pegawai kanan polis. Pasukan ini juga berperanan dalam memantau perkembangan kanak-kanak yang telah melalui pemulihan di institusi kebajikan bagi memastikan kanak-kanak tersebut melalui kehidupan yang lebih baik dan tidak terjebak semula dengan jenayah;
- Pelantikan Pembantu Pelindung. Pelantikan ini adalah bagi menggalakkan penyertaan serta memperkasakan masyarakat atau komuniti dalam perlindungan kanak-kanak. Mana-mana orang yang berkeelayakan boleh dilantik oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Pembantu Pelindung dan diberi kuasa untuk menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan (sementara);
  - Sekatan media ke atas kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah sama ada sebagai pelaku atau mangsa. Sekatan ini bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak berhubung dengan laporan dan penyiaran media massa.

- Penambahbaikan tatacara jenayah. Penambahbaikan ini bertujuan untuk memelihara hak kanak-kanak yang telah dipercayai melakukan kesalahan jenayah semasa-selepas tangkapan dan sebelum-semasa perbicaraan di Mahkamah, misalnya tidak digari melainkan terdapat tentangan dan bagi jenayah berat, dimaklumkan sebab tangkapan, dimaklumkan tangkapan kepada ibu bapa atau Pelindung;
- Pengkhususan institusi mengikut kategori kanak-kanak. Pengkhususan ini adalah bagi memastikan kanak-kanak dalam kategori tertentu mendapat intervensi yang tepat di institusi yang berkenaan. Contohnya, kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak (dera dan abai), kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti (pemulihan), kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan ditempatkan di Taman Seri Puteri (hamil) dan kanak-kanak tidak terkawal ditempatkan di Asrama Akhlak (nakal);
- Peluasan Jagaan Susul kepada kanak-kanak. Jagaan susul ini bertujuan untuk Jagaan susul bertujuan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak yang telah keluar daripada institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat terpelihara termasuk membantu mereka untuk integrasi dalam masyarakat dan penempatan pekerjaan. Malah Kementerian sedang berusaha untuk mengadakan 'rumah-rumah transit' bagi tujuan tersebut; dan
- Kenaikan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah RUUKK antaranya seperti berikut:
  - (a) S.31: Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak;
  - (b) S.32: Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis dan sebagainya; dan
  - (c) S.33: Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

Antara pindaan yang dibuat dalam RUUKK ini ialah kenaikan tempoh maksimum pemenjaraan, bayaran denda, dan ada di antaranya menjadikan khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori. Antara kesalahan-kesalahan yang telah dipinda hukumannya adalah seperti berikut:

- (a) Kesalahan tidak memberitahu pelindung akan kecederaan seorang kanak-kanak di bawah Seksyen 28.

Bagi kesalahan ini, bon dimansuhkan dan digantikan dengan denda tidak melebihi 5,000 ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Ibu bapa/penjaga merupakan individu yang paling rapat dan mempunyai tanggungjawab dalam melindungi kanak-kanak. Sehubungan itu, kegagalan mereka dalam melapor akan kecederaan kanak-kanak tersebut dari segi fizikal atau emosi adalah merupakan satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan wajar dihukum. Pengenaan hukuman denda ini juga merupakan sebagai salah satu amaran kepada ahli masyarakat yang lain dalam melapor sekiranya mereka mempunyai pengetahuan bahawa terdapat kanak-kanak yang dcederakan.

- (b) Penganiayaan, pengabaian atau pendedahan kanak-kanak di bawah seksyen 31.

Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, denda dinaikkan daripada 20,000 ringgit kepada 50,000 ringgit atau kedua-duanya dengan CSO sebagai hukuman mandatori.

- (c) Pengemisan oleh kanak-kanak di bawah seksyen 32.

Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 2 tahun kepada 5 tahun, denda dinaikkan daripada 5,000 ringgit kepada 20,000 ringgit atau kedua-duanya dengan CSO sebagai hukuman mandatori.

- (d) Membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan di bawah seksyen 33.

Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 2 tahun kepada 5 tahun, denda dinaikkan daripada 5,000 ringgit kepada 20,000 ringgit atau kedua-duanya dengan CSO sebagai hukuman mandatori.

Peruntukan ini menetapkan bahawa kanak-kanak tidak boleh ditinggalkan tanpa pengawasan. Dalam hal ini, ia bergantung pada budi bicara Mahkamah untuk mengambil kira apakah situasi yang tergolong sebagai pengawasan yang berpatutan dengan dibantu oleh sama ada laporan sosial oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya diminta oleh Mahkamah atau keterangan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat di Mahkamah sekiranya diperintahkan hadir (*Subpoena*).

Selain itu, kemasukan seksyen baru 29A di dalam Rang Undang-Undang ini juga menggalakkan anggota masyarakat termasuk guru, sahabat dan jiran untuk memberikan maklumat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat, sekiranya mempercayai terdapat kanak-kanak telah dcederakan daripada segi fizikal, emosi atau seksual. Maklumat sedemikian adalah penting untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak.

### **III. LAPORAN BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN**

#### **1. HAK KEPADA KESIHATAN DI DALAM PENJARA**

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meneruskan kajiannya mengenai Hak kepada Kesihatan di dalam Penjara dengan menganalisis data yang diperolehi daripada kaji selidik dan lawatan-lawatan ke penjara yang telah dijalankan pada tahun 2014. Suruhanjaya menghargai kerjasama yang diberikan oleh pihak penjara yang memberikan maklumat dan maklum balas berhubung kajian berkenaan. Semasa lawatan kajian dijalankan, Suruhanjaya telah diberikan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan kajian tersebut dan telah diiringi oleh Pegawai yang dilantik oleh Penjara. Walaupun Suruhanjaya tidak diberi akses sepenuhnya kepada kawasan-kawasan di dalam penjara, tetapi Suruhanjaya telah melawat blok-blok dan sel-sel tertentu, bahagian dapur dan kawasan rekreasi termasuklah Suruhanjaya dibenarkan untuk bercakap dengan banduan-banduan secara persendirian.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kemudahan rawatan dan prosedur penjagaan kesihatan kepada banduan-banduan di dalam penjara dilaksanakan melalui Garis Panduan Pengurusan Tugas Pegawai Perubatan & Paramedik dan Garis Panduan Pengurusan Klinik Jabatan Penjara Malaysia yang disediakan oleh KKM.

Jabatan Penjara Malaysia sentiasa komited dalam memantau tahap kesihatan banduan-banduan di dalam penjara berdasarkan rekod kesihatan lampau, latar belakang banduan yang pelbagai termasuk kumpulan banduan yang berisiko.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara, pemeriksaan kesihatan banduan dilaksanakan sepertimana berikut:

- (i) Pemeriksaan kesihatan semasa mulai masuk penjara;
- (ii) Pemeriksaan kesihatan sebelum berpindah penjara;

- (iii) Pemeriksaan berkala mengikut keperluan/jadual;
- (iv) Pemeriksaan Kesihatan Mental/Ujian Psikologi; dan
- (v) Ujian Saringan HIV/TB dan lain-lain ujian.

Usaha-usaha diteruskan bagi memastikan kemudahan pemeriksaan dan rawatan banduan dipertingkatkan.

## **2. KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS – SATU KAJIAN**

Menurut Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kematian di dalam tahanan polis pada tahun 2014 adalah sebanyak 17 manakala jumlah kematian daripada tahun 2000 hingga 2014 adalah sebanyak 255. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah menganalisis data yang diperolehi dan berikut adalah ringkasan hasil dapatan utama kajian tersebut.

### **(b) Syor-syor**

- (i) Seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Lokap 1953, pemeriksaan kesihatan perlu dilaksanakan sebelum tahanan ditempatkan di dalam lokap polis. Ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu tahanan dan juga polis. PDRM dan KKM perlu meneroka cara-cara bagi melaksanakan keperluan ini. Polis juga boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan pasukan perubatan sendiri seperti yang dilakukan oleh Pasukan Polis Victoria di Melbourne, Australia.
- (ii) Seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 10 dan 11 Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan, pengubahsuaian struktur lokap adalah perlu untuk membolehkan pengudaraan dan pencahayaan yang baik. Pemasangan kipas ekzos tambahan yang sesuai di koridor akan memperbaiki keadaan ini. Struktur lokap perlu membenarkan cahaya semula jadi masuk ke dalam sel.
- (iii) Bagi mengekalkan tahap kebersihan dan kesihatan, pihak polis perlu mempertimbangkan langkah-langkah tertentu seperti melantik kontraktor untuk membersihkan bahagian dalaman sel lokap tanpa berkompromi tentang aspek keselamatan.
- (iv) Peruntukan bajet makanan perlu dinaikkan dan diselaraskan di seluruh negara bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi

diberikan kepada tahanan. Tahanan-tahanan perlu diberikan akses kepada bekalan air bersih sepanjang masa dan diet yang ditentukan oleh KKM.

- (v) Adalah disyorkan agar pihak berkuasa membina lebih banyak lokap berpusat bagi mengelakkan masalah kesesakan di lokap-lokap yang kecil. Agensi-agensi lain seperti JIM, APMM, JKDM dan pihak berkuasa agama perlu mempunyai koordinasi yang lebih baik dengan PDRM untuk mengelakkan kesesakan.
- (vi) Pemeriksaan kesihatan berkala adalah disyorkan terutamanya untuk anggota polis yang mengendalikan tahanan. Anggota polis juga perlu dibekalkan dengan peralatan seperti topeng muka, sarung tangan dan juga bahan pembersih kuman.
- (vii) Bebanan kerja Pegawai Penyiasat perlu dikaji bagi mengelakkan bebanan kerja berlebihan. Pegawai Penyiasat yang sedang terlibat dalam penyiasatan kes sewajarnya hanya dilibatkan secara minimum dalam program atau tugas lain. Had umur Pegawai Penyiasat juga perlu diambilkira untuk memudahkan mereka bersara dari perkhidmatan tanpa sebarang kelewatan dalam siasatan.
- (viii) Anggota polis perlu dibekalkan dengan keperluan asas seperti ruang kerja yang sesuai, peralatan seperti komputer, mesin pencetak, kartrij dakwat, jumlah bekalan kertas bersaiz A4 dan alatulis yang mencukupi.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum terhadap syor-syor awal yang dikemukakan oleh Suruhanjaya dalam kajian Kematian Dalam Tahanan Polis Tahun 2014 iaitu:

- (i) melaksanakan pemeriksaan kesihatan sebelum tahanan ditempatkan di dalam lokap polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Lokap 1953;
- (ii) pengubahsuaian struktur lokap perlu mengambil kira aspek pengudaraan melalui pemasangan kipas ekzos tambahan yang sesuai di koridor dan pencahayaan yang baik dengan membenarkan cahaya semula jadi masuk ke dalam sel. Keperluan ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 10 dan 11 Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan.



- (iii) melantik kontraktor untuk membersihkan bahagian dalaman sel lokap tanpa berkompromi tentang aspek keselamatan bagi mengekalkan tahap kebersihan dan kesihatan tahanan;
- (iv) peruntukan bajet makanan perlu dinaikkan dan diselaraskan di seluruh negara bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi diberikan kepada tahanan. Tahanan-tahanan perlu diberikan akses kepada bekalan air bersih sepanjang masa dan diet yang ditentukan oleh KKM;
- (v) pembinaan lebih banyak lokap berpusat bagi mengelakkan masalah kesesakan di lokap-lokap yang kecil;
- (vi) pemeriksaan kesihatan berkala melalui pembekalan peralatan seperti topeng muka, sarung tangan dan juga bahan pembersih kuman adalah disyorkan terutamanya untuk anggota polis yang mengendalikan tahanan.
- (vii) bebanan kerja Pegawai Penyiasat perlu dikaji bagi mengelakkan bebanan kerja berlebihan. Pegawai Penyiasat yang sedang terlibat dalam penyiasatan kes sewajarnya hanya dilibatkan secara minimum dalam program atau tugas lain. Had umur Pegawai Penyiasat juga perlu diambil kira untuk memudahkan mereka bersara dari perkhidmatan tanpa sebarang kelewatan dalam siasatan; dan
- (viii) menyediakan keperluan asas seperti ruang kerja yang sesuai, peralatan seperti komputer, mesin pencetak, kartrij dakwat, jumlah bekalan kertas bersaiz A4 dan alatulis yang mencukupi untuk kemudahan anggota polis yang bertugas.

Kerajaan akan mengkaji semua syor ini dari aspek kesesuaian, bidang kuasa, peruntukan kewangan dan kemampuan jabatan-jabatan terlibat bagi melaksanakan syor-syor tersebut.

#### **4. SIASATAN ADUAN**

##### **(a) ‘Pembantaian Kesatuan Sekerja’**

Suruhanjaya mengesyorkan supaya Akta 177 dipinda supaya memasukkan satu tempoh masa yang munasabah untuk JPP mengendalikan aduan yang dibawa kepada perhatian mereka untuk mengelakkan kelewatan dalam penyelesaian aduan. Syor ini turut disokong oleh Presiden MEF yang turut menghadiri sesi perbincangan tersebut. Suruhanjaya juga

mengesyorkan supaya diwujudkan peruntukan di dalam Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk memberikan JTK dan JPP kuasa untuk menghalang majikan daripada memulakan sebarang tindakan tatatertib terhadap pekerja berhubung dengan kes pertikaian yang masih dalam siasatan jabatan masing-masing.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Cadangan untuk memasukkan tempoh masa pengendalian kes ke dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) bukanlah suatu perkara yang baharu. Dasar ini pernah dilaksanakan pada tahun 1975 di mana undang-undang mengkehendaki Ketua Pengarah untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dan sesuai untuk mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu representasi dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan representasi tersebut. Walau bagaimanapun, pada tahun 1980, peruntukan tersebut telah dimansuhkan kerana terdapat implikasi undang-undang di samping kurang praktikal disebabkan rundingan damai memerlukan masa yang lebih panjang.

Cadangan ini sekali lagi dibincangkan secara mendalam dengan *stakeholders* termasuk pihak MEF dan MTUC semasa pindaan Akta 177 pada tahun 2015. Walau bagaimanapun cadangan tersebut tidak dapat diteruskan kerana pihak-pihak terbabit gagal untuk mencapai kata sepakat khususnya mengenai tempoh yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam Akta 177.

Selain itu, Kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) juga menghadapi masalah untuk mematuhi tempoh masa yang ditetapkan di dalam undang-undang disebabkan beberapa kekangan seperti kekurangan pegawai yang kritikal terutamanya di JPP Selangor dan JPP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jumlah kes yang berubah mengikut keadaan ekonomi dan implikasi perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap tempoh masa yang ditetapkan.

Walaupun tempoh masa pengendalian kes tidak dimasukkan di dalam Akta 177, pihak JPP sentiasa berusaha untuk menambah baik sistem dan proses penyampaian perkhidmatan. Beberapa inisiatif telah diambil bagi mempercepatkan proses pengendalian kes seperti memperkenalkan *Enforcement Management System Modul C* (EMSC) bagi kes pembuangan kerja (seksyen 20 Akta 177) iaitu satu sistem atas talian yang bertujuan untuk mempercepatkan proses pengendalian kes. Sistem ini akan memastikan penyeragaman bagi setiap proses yang terlibat, mengelakkan pertindihan aktiviti dan memudahkan pemantauan di peringkat negeri dan ibu pejabat. Pengenalan sistem ini telah membantu memendekkan tempoh masa pengendalian kes oleh seseorang pegawai. Pada masa ini, pihak JPP juga

sedang memperluaskan pemakaian sistem ini kepada kes-kes pertikaian perusahaan (seksyen 18 Akta 177). Pihak JPP menyasarkan untuk memperluaskan pemakaian sistem ini kepada semua kategori kes yang dikendalikan pada masa hadapan.

Pihak JPP berpandangan bahawa saranan agar JPP dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) diberi kuasa untuk menghalang majikan daripada memulakan sebarang tindakan tatatertib terhadap pekerja mereka sekiranya pekerja terbabit terlibat dalam kes pertikaian perusahaan yang masih dalam tindakan pihak Jabatan perlu diperhalusi. Ini kerana saranan ini adalah bertentangan dengan hak prerogatif majikan yang telah diterima dan diamalkan sebagai satu dasar di dalam undang-undang perburuhan di negara ini. Tindakan pihak Kerajaan untuk masuk campur di dalam urusan berkaitan hak prerogatif majikan adalah bertentangan dengan dasar serta amalan sedia ada. JPP juga berpandangan bahawa undang-undang sedia ada sudah mencukupi kerana mana-mana pekerja yang menganggap tindakan tatatertib yang dikenakan oleh pihak majikan sebagai tidak adil boleh mengemukakan aduan melalui pihak kesatuan di bawah peruntukan seksyen 8 dan 18 Akta 177. Manakala pekerja yang menganggap perkhidmatannya ditamatkan tanpa sebab yang munasabah pula boleh memfailkan aduan di bawah peruntukan seksyen 20 Akta 177.

Meskipun begitu, pihak JPP sentiasa terbuka untuk menerima sebarang cadangan penambahbaikan dan cadangan tersebut akan dibincangkan dengan pihak *stakeholders* dalam pindaan di masa hadapan.

#### **(b) Pemindahan dan Penamatan Perkhidmatan Guru berdasarkan Fahaman Politik**

Suruhanjaya memuji pelaksanaan sistem EG-Tukar oleh KPM untuk memastikan tiada lagi diskriminasi dalam pertukaran guru. Suruhanjaya mencadangkan supaya istilah keperluan perkhidmatan yang kebiasaannya digunakan sebagai alasan pertukaran diberikan maksud yang jelas untuk mengelakkan penyalahgunaannya. Suruhanjaya mengakui akan kepentingan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 untuk memastikan kelancaran dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa terdapat peruntukan tertentu dalam peraturan tersebut yang mungkin menghalang penjawat awam untuk menikmati hak-hak tertentu termasuklah hak untuk bersuara dan berpendapat. Oleh yang demikian satu kajian mengenai peraturan-peraturan ini adalah perlu. Dalam pada itu, Suruhanjaya menyeru kepada Kerajaan supaya memastikan Peraturan tersebut tidak digunakan secara pilih kasih berdasarkan fahaman politik penjawat awam.

Pada 21 Disember, Suruhanjaya telah memohon maklumat daripada KPM berhubung jumlah tindakan tatatertib yang telah dikenakan kepada guru-guru kerana melanggar Peraturan 21 (1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 tersebut dan jumlah permohonan yang dibuat oleh guru untuk terlibat aktif di dalam politik bagi tujuan kajian. Ketika penulisan laporan ini, Suruhanjaya masih belum menerima maklum balas tersebut.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum terhadap perkara yang dinyatakan dan semakan serta tindakan yang sewajarnya akan disusuli.

### **(c) Gerakan Mahasiswa dan Pilihan Raya Kampus**

Berikutan 12 aduan yang diterima daripada gerakan mahasiswa dari tahun 2012 sehingga 2014 berhubung dakwaan penipuan undi di dalam pilihan raya kampus dan sekatan gerakan mahasiswa di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Suruhanjaya telah menganjurkan satu sesi perbincangan meja buas (PMB) pada 25 Februari. Suruhanjaya menjemput wakil daripada lima universiti awam yang terdiri daripada pihak pentadbiran, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan persatuan mahasiswa dengan tujuan untuk mencari penyelesaian terhadap isu ini. Walau bagaimanapun, pada hari tersebut, hanya dua wakil daripada pentadbiran universiti yang hadir manakala selebihnya disertai oleh wakil MPP dan persatuan mahasiswa. Hasil daripada PMB tersebut, beberapa syor telah diketengahkan semasa perbincangan seperti berikut:

- (i) memperkenalkan sistem dwi-undi di mana pelajar membuang undi secara digital dan kemudian kertas undi yang telah ditanda tersebut dicetak serta dimasukkan ke dalam peti undi sebagai sokongan;
- (ii) menubuhkan satu badan bebas yang terdiri daripada KPM, MPP dan badan bebas untuk mengadakan pilihan raya kampus dan menyeragamkan proses pilihan raya kampus;
- (iii) membenarkan wakil MPP menyertai mesyuarat senat universiti untuk mewakili suara pelajar dalam membuat keputusan yang melibatkan hal ehwal pelajar; dan

- (iv) mendaftarkan kumpulan mahasiswa yang digelar ‘Pro-Mahasiswa’ dan ‘Pro- Aspirasi’ sebagai kumpulan bertanding yang sah di dalam pilihan raya kampus untuk memudahkan pentadbiran universiti memantau dan mengawal selia kumpulan tersebut.

Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan supaya Seksyen 16 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dapat disemak semula supaya memastikan semua universiti mengambil kira hak asasi pelajar mereka sebelum membuat keputusan atau menguatkuasakan undang-undang dalam universiti. Lebih khusus lagi, universiti perlu memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang mereka tidak akan mengurangkan hak asasi pelajar termasuklah hak untuk mendapatkan maklumat, membincangkan isu nasional dan antarabangsa dan juga menyatakan pendapat mereka terhadap sebarang isu dengan semangat demokrasi yang sebenar-benarnya. Suruhanjaya juga menyeru pelajar supaya memberikan kerjasama penuh kepada pentadbiran universiti dalam segala usaha untuk menjadikan kampus sebagai pusat pembangunan intelektual yang lebih baik.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Universiti diperuntukkan kuasa autonomi yang meliputi bidang tadbir urus, kewangan dan perjawatan. Langkah ini membolehkan pengurusan universiti lebih berdaya saing dan memainkan peranan secara lebih efektif ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan selain meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan. Universiti sebagai sebuah badan berkanun berhak menentukan pelaksanaan semua aktiviti berkaitan pembelajaran dan pengajaran termasuk tarikh pilihan raya kampus atau konvokesyen.

Kerajaan sedia maklum bahawa pelaksanaan pemilihan MPP oleh universiti adalah teratur dan menepati garis panduan serta akta yang berkaitan. Selaras dengan itu, Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi bertindak sebagai pemudah cara dan pemantau supaya semua aktiviti pemilihan MPP berkenaan berjalan dengan lancar dan mematuhi garis panduan serta AUKU. Akta ini telah dipinda pada tahun 2012 dengan mengambil kira hak asasi dan kebebasan pelajar untuk menyertai aktiviti persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang termasuk parti politik di luar kampus.

Seksyen 15 AUKU 1971 (pindaan 2012) membenarkan pelajar universiti untuk menjadi ahli sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk parti politik, tertakluk kepada persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang tersebut tidak menyalahi undang-undang, tidak menggugat kepentingan dan kesentosaan

pelajar atau universiti serta aktiviti politik tidak dilaksanakan di dalam kampus universiti. Walau bagaimanapun, universiti perlu mengawal selia aktiviti-aktiviti pelajar di dalam kampus bagi memastikan aktiviti-aktiviti tersebut tidak mengganggu kepentingan dan ketenteraman kampus.

Kebebasan akademik ditafsirkan sebagai kebebasan untuk menyatakan pendapat, pandangan dan kritikan terhadap apa jua isu berasaskan pandangan intelektual hasil daripada kajian, pemerhatian dan penilaian akademik sama ada di dalam atau di luar universiti. Dalam konteks ini, pelajar universiti boleh memperoleh maklumat dan mengadakan perbincangan kerana AUKU sendiri turut mendukung kebebasan akademik melalui peruntukan dalam Jadual Pertama AUKU 1971.

Naib Canselor diperuntukkan kuasa di bawah Seksyen 16 AUKU 1971 (pindaan 2012) untuk menggantung atau membubarkan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sekiranya aktiviti-aktiviti yang dijalankan melanggar undang-undang universiti, atau tidak mendapat kebenaran atau menjejaskan keamanan dan keselamatan dalam kampus. Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa peruntukan Seksyen 16 AUKU 1971 (Pindaan 2012) adalah relevan dengan keperluan semasa dan tidak mengurang atau menghalang hak asasi pelajar. Peruntukan seksyen ini adalah sebagai mekanisme *check and balance* dalam mengimbangi aktiviti pelajar supaya ketenteraman warga kampus terjamin.

#### **(d) Aduan berkaitan pencari suaka dan pelarian**

Artikel 14 UDHR menjamin hak untuk mencari dan menikmati perlindungan daripada penindasan di negara lain. Walaupun Malaysia tidak menandatangani Konvensyen berhubung Status Pelarian 1951 dan Protokol New York 1967, Malaysia mempunyai hubungan kerja yang baik dengan Pesuruhjaya Tinggi untuk Pelarian PBB (UNHCR) di atas dasar kemanusiaan sejak 1975. Undang-undang Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan yang mana membezakan antara pelarian dan migran tidak berdokumen. Akibatnya, pencari suaka dan pelarian terutamanya yang belum lagi didaftarkan oleh UNHCR terus menerus terdedah kepada penahanan kerana kesalahan imigresen dan mungkin menjadi mangsa kepada penahanan berulang kali dan didakwa dengan kesalahan imigresen yang mana boleh dijatuhkan hukuman penjara dan/atau rotan.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya menerima secara keseluruhannya 24 aduan yang melibatkan hal pelarian. Aduan-aduan yang diterima secara khususnya adalah berkaitan dengan isu seperti kesihatan, pendidikan,

pekerjaan, tangkapan dan penahanan, dan kelewatan dalam pendaftaran sebagai pelarian serta penempatan semula. Dalam isu kesihatan, aduannya adalah melibatkan ketidakmampuan mereka untuk membayar bil perubatan, terutamanya setelah mereka mendapatkan rawatan di hospital kerana penyakit kronik atau melahirkan anak. Suruhanjaya telah memajukan semua aduan kepada UNHCR untuk bantuan. Setelah beberapa siasatan terhadap aduan yang berkaitan dengan penahanan pelarian dibuat, Suruhanjaya difahamkan bahawa pelarian bukan Rohingya, pelarian yang pernah mempunyai rekod jenayah dan pelarian yang ditahan semasa bekerja telah ditahan tanpa had tempoh dan tidak dibebaskan seperti dalam prosedur biasa. Semasa lawatan Suruhanjaya ke Pusat Tahanan Imigresen Machap Umboo pada 3 Julai 2015, pihak berkuasa menjaga pusat tahanan berkenaan mengakui bahawa mereka tidak membebaskan ketiga-tiga kategori pelarian tersebut atas alasan bahawa tindakan mereka adalah untuk melindungi negara daripada penjenayah dan menghalang pelarian daripada merampas peluang pekerjaan daripada rakyat Malaysia.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Malaysia bukan merupakan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Di kalangan negara ASEAN, hanya Kemboja dan Filipina merupakan negara ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967. Sebagai negara bukan ahli, Malaysia tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberikan hak-hak kepada pelarian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Konvensyen dan Protokol tersebut.

Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad pelarian UNHCR untuk tinggal secara sementara di negara ini semasa menunggu proses penempatan semua ke negara ketiga oleh UNHCR atau pulang ke negara asal. Kerajaan telah membenarkan secara *case by case basis* ke atas “pelarian” Vietnam, Bosnia, Aceh, Palestine dan terkini 3000 “pelarian” Syria untuk tinggal sementara sehingga pulang ke negara asal atau ke negara ketiga.

Sejak tahun 1990an, “pelarian” dari Myanmar yang terdiri dari pelbagai etnik telah mendapatkan status “pelarian” dari Pejabat UNHCR di Kuala Lumpur. Sehingga Julai 2016, terdapat 137,021 migran Myanmar yang terdiri 82,928 pelarian dan 48,527 pemohon suaka.

Berdasarkan kepada statistik UNHCR, terdapat 58,243 orang pemohon suaka yang belum diberikan kada UNHCR. Terdapat peningkatan yang amat ketara jumlah “pelarian” dan pemohon suaka khususnya dari Myanmar melibatkan etnik Rohingya,

Chin, Karen, Mon dan sebagainya. Peningkatan ini disebabkan bukan sahaja kemasukan migran secara tidak sah tetapi juga migran yang datang ke Malaysia menggunakan pasport bagi tujuan melancong, belajar, bekerja dan sebagainya.

Kerajaan pada 20 Julai 2016 telah memutuskan supaya UNHCR menghentikan pengeluaran kad UNHCR kepada migran asing yang mengemukakan permohonan secara *walk in*. Ini kerana terdapat migran yang mengambil kesempatan atas sebab ekonomi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia bagi mendapatkan status “pelarian”.

Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisma Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR telah dikeluarkan pada 24 Ogos 2009 bagi menetapkan satu dasar, mekanisma bersepadu dan satu sistem operasi yang seragam bagi rujukan di antara agensi- agensi Kerajaan dalam mengendalikan isu pendatang asing tanpa izin yang memegang kad UNHCR. Arahan ini merupakan satu garis panduan yang holistik dalam menguruskan isu pendatang asing yang memegang kad UNHCR. Arahan ini menetapkan dasar Kerajaan, tugas dan tanggungjawab agensi Kerajaan yang berkaitan dan mekanisma pengurusan isu tersebut. MKN telah memberikan taklimat mengenai Arahan MKN No. 23 kepada SUHAKAM pada 19 April 2016.

Mana-mana PATI yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah akan diambil tindakan dibawah Akta Imigresen 1959/1963. Kerajaan hanya membebaskan PATI di Depoh Imigresen yang telah dibuat temubual dan penilaian UNHCR bahawa ia layak diberikan perlindungan antarabangsa yang kemudiannya diberikan kad UNHCR.

Pendaftaran, penentuan status pelarian, penghantaran pulang ke negara asal dan penempatan ke negara ke tiga adalah tugas dan tanggungjawab UNHCR. Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan UNHCR untuk penempatan semula pelarian-pelarian ini ke negara ketiga (*resettlement*) atau Bantuan Pulang secara Sukarela (*Assisted Voluntary Return*). Malaysia telah membenarkan 1,107 orang migran yang tiba melalui jalan laut pada 2015 iaitu 389 orang etnik Rohingya Myanmar dan 718 orang warganegara Bangladesh untuk ditempatkan sementara di negara ini. Semua 718 orang warganegara Bangladesh tersebut merupakan migran ekonomi dan dalam proses penghantaran pulang manakala hanya 36 orang migran Rohingya Myanmar diterima untuk ditempatkan di Amerika Syarikat sebagai negara ketiga.

Kerajaan memohon pihak SUHAKAM untuk memaklumkan mengenai maklum balas UNHCR mengenai isu perubahan tersebut. UNHCR sebagai badan antarabangsa yang menentukan status pelarian dan memberikan kad UNHCR bertanggungjawab



untuk menyediakan tempat perlindungan, kebajikan, makan dan minum, pendidikan, kemudahan kesihatan dan sebagainya.

Berhubung dengan dakwaan bahawa pelarian bukan Rohingya, pelarian yang pernah mempunyai rekod jenayah dan pelarian yang ditahan tanpa had tempoh dan tidak dibebaskan seperti dalam prosedur biasa, adalah disyorkan supaya semua maklumat tersebut dikemukakan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk penelitian dan tindakan lanjut.

Pada waktu ini, Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan mendesak bagi Malaysia untuk menjadi ahli kepada Konvensyen 1951 ataupun Protokol 1967. Ini kerana Malaysia tidak mampu untuk melaksanakan semua hak-hak tersebut antaranya memberikan hak untuk mendapatkan pekerjaan, hak untuk pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan, pemberian perkhidmatan kesihatan di hospital atau klinik Kerajaan secara percuma dan sebagainya. Malahan tindakan Malaysia menjadi negara ahli akan menyebabkan “kebanjiran” lebih ramai lagi migran yang akan mendakwa sebagai “pelarian”.

Suruhanjaya mengesyorkan agar pihak berkuasa termasuk Jabatan Imigresen Malaysia untuk menyediakan lebih banyak kursus yang lebih spesifik berkaitan hak asasi manusia dan mewajibkan kursus tersebut kepada pegawai-pegawai dan kakitangan terutamanya kepada mereka yang bekerja di tempat-tempat tahanan dan bahagian penguatkuasaan. Kursus tersebut tidak harus dihadkan hanya kepada pegawai lantikan baru tetapi perlu juga melibatkan pegawai yang telah lama dalam perkhidmatan. Selain itu, Suruhanjaya merasakan penting bagi pegawai Imigresen untuk memahami perbezaan antara pelarian dan pendatang tanpa izin dari sudut kemanusiaan. Pegawai-pegawai juga perlu diingatkan dari masa ke semasa agar mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan tahanan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bekerjasama dengan badan pertubuhan antarabangsa dan NGO untuk menganjurkan kursus dan seminar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di depot tahanan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak empat siri kursus telah dianjurkan oleh JIM dengan kerjasama NGO iaitu Suriana Welfare Society, ICRC dan Suka Society. Penganjuran kursus ini telah memberikan kefahaman dan pengetahuan mengenai tugas-tugas pegawai

terbabit selain kursus asas kepada pegawai lantikan baru. JIM juga mengalukan mana-mana agensi Kerajaan atau NGO sekiranya berminat untuk menganjurkan kursus yang melibatkan hak asasi manusia.

Suruhanjaya boleh memanjangkan aduan mengenai integriti pegawai yang bertugas di depot tahanan (sekiranya ada) terus kepada Bahagian Integriti, JIM untuk tindakan selanjutnya. Pada masa yang sama, JIM dengan kerjasama KKM telah menempatkan Pegawai Perubatan Gred U29/U32 di semua depot tahanan untuk pemeriksaan awal dan rawatan kes-kes ringan tahanan.

Pada bulan Julai 2015, Suruhanjaya telah didatangi oleh satu keluarga Rohinya yang mengadu bahawa mereka kemungkinan akan menjadi gelandangan kerana tidak mampu membayar sewa rumah sejak beberapa bulan kerana penyara tunggal keluarga hilang pekerjaan dan sukar mencari pekerjaan yang lain kerana statusnya sebagai pelarian. Pemilik rumah telah meminta mereka untuk mengosongkan rumah sekiranya sewa rumah tidak dapat diselesaikan dengan segera. Mereka telah merayu untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada UNHCR dan sedang menanti maklum balas UNHCR. Di samping mengutarakan kesusahan mereka kepada UNHCR, Suruhanjaya mencadangkan supaya mereka mencuba untuk memohon bantuan zakat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana mereka merupakan orang Islam. Kemudiannya Suruhanjaya dimaklumkan bahawa Majlis tidak dapat mempertimbangkan permohonan mereka kerana salah satu syarat ditetapkan oleh Majlis untuk melayakkan seseorang menerima zakat adalah pemohon mestilah merupakan warganegara. Pada 30 November 2015, Suruhanjaya telah menulis surat kepada Mufti Wilayah Persekutuan untuk mengetengahkan isu ini dan berharap agar syarat tersebut dapat disemak semula melihat dari persepektif kemanusiaan dan persaudaraan Islam kerana terdapat ramai pelarian beragama Islam di Malaysia yang berhadapan dengan kesulitan hidup kerana status mereka yang tidak diiktiraf.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan berpandangan bahawa tanggungjawab UNHCR perlu diteliti semula bagi memastikan status pelarian yang memegang kad UNHCR dijaga dari segi kebajikan, pendidikan dan kesihatan. Agensi Kerajaan seperti MAIWP menawarkan beberapa skim bantuan seperti Bantuan Kecemasan dan Bantuan Tambang Dalam Negeri atau Luar Negeri yang tidak mengambil kira syarat kewarganegaraan dan bantuan boleh dipertimbangkan untuk disalurkan kepada mereka mengikut keperluan.

Walaupun pendirian Kerajaan dalam isu pelarian adalah kehadiran mereka di Malaysia hanya bersifat sementara sehingga mereka ditempatkan semula ke negara ketiga atau secara sukarela pulang semula ke negara asal tetapi realiti menunjukkan bahawa kadar penempatan semula adalah agak rendah berbanding dengan jumlah pelarian yang ada di Malaysia. Suruhanjaya percaya bahawa ketiadaan dasar yang holistik berhubung pelarian dan kekurangan pengiktirafan terhadap status mereka bukan sahaja akan memburukkan lagi kehidupan pelarian tetapi dalam jangka masa panjang akan menjadi bebanan terhadap negara. Tanpa akses yang sewajarnya kepada pendidikan secara formal dan peluang pekerjaan, pelarian perlu meneruskan kelangsungan hidup dengan meminta sedekah atau terlibat dalam aktiviti jenayah dan terdedah kepada eksploitasi lain yang akan menyebabkan masalah kepada negara. Suruhanjaya juga berpendapat bahawa perlu ada pendekatan dari segi hak asasi manusia dalam menangani isu pelarian di negara ini. Suruhanjaya mengesyorkan supaya hak turut diberikan kepada semua pelarian yang telah sedia ada di Malaysia sepertimana keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di Perhimpunan Agung PBB di New York pada 2 Oktober 2015 untuk menerima 3,000 orang pelarian warganegara Syria dan menyediakan perlindungan dan pekerjaan sementara serta akses pendidikan untuk anak-anak mereka semasa berada di Malaysia,

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Persetujuan Malaysia bagi menerima 3,000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun adalah berdasarkan *case-by-case basis* dan hak-hak yang diberikan tidak terpakai kepada pelarian lain. Di Malaysia, terdapat 88,080 orang pelarian dan 49,181 orang pencari suaka berasal dari Myanmar sehingga 31 Mei 2016.

### **(e) Penahanan di bawah Undang-Undang Pencegahan**

Pada 11 November, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada SUARAM berkaitan dakwaan penyalahgunaan AKKLLK untuk menahan dan menyeksa suspek yang disyaki terlibat dalam aktiviti keganasan. Ahli keluarga bagi Nor Azmi Bin Jalani, yang merupakan salah seorang tahanan yang ditahan di bawah AKKLLK mendakwa beliau telah didera secara mental dan fizikal semasa ditahan di bawah AKKLLK selama 28 hari dalam bulan April di Pusat Tahanan Reman Polis. Sebagai salah satu

proses siasatan terhadap aduan pengadu, Suruhanjaya kemudian telah merakam keterangan Azmi di Penjara Sungai Buloh pada 25 November. Hasil keterangan tersebut, Suruhanjaya mengetahui terdapat tiga orang lagi tahanan yang turut mengalami situasi yang sama semasa ditahan di bawah AKKLLK iaitu Hadrami Bin Hashim, Mohd Yusri Bin Mohamed Yusof dan Ali Saifuddin. Pada 22 Disember, Suruhanjaya telah merekod tiga lagi keterangan tahanan-tahanan AKKLLK tersebut di Penjara Sungai Buloh. Antara dakwaan yang dibuat oleh empat tahanan berkenaan ialah:

- (i) anggota polis memukul tahanan sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keterangan yang diberikan;
- (ii) seorang penyiasat polis telah mengugut untuk melakukan 'sesuatu yang tidak baik' kepada isteri tahanan sekiranya tahanan tidak mematuhi keinginan penyiasat polis;
- (iii) penyiasat-penyiasat polis telah memaksa tahanan berbogel semasa proses siasatan dan tahanan dipaksa untuk bercium semasa sendiri serta diarahkan untuk berkelakuan seperti anjing; dan
- (iv) seorang tahanan dipaksa untuk melihat video dan gambar pornografi di dalam telefon bimbit anggota polis dan disuruh melakukan onani di hadapan penyiasat polis.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat empat orang tahanan AKKLLK iaitu Nor Azmi Bin Jalani, Hadrami Bin Hashim, Mohd Yusri Bin Mohamed Yusof dan Ali Saifuddin yang mengadu bahawa mereka telah didera secara fizikal dan mental oleh PDRM. PDRM telah membuka empat kertas siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan bagi setiap aduan yang dibuat oleh semua tahanan ini. PDRM dalam peringkat melengkapkan semua kertas siasatan yang berkaitan dan laporan tersebut akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.

Suruhanjaya kemudiannya dimaklumkan bahawa tahanan-tahanan tersebut telah membuat laporan polis berkaitan kejadian yang didakwa berlaku. Sehubungan itu, Suruhanjaya menggesa PDRM untuk mempercepatkan siasatan terhadap dakwaan tersebut memandangkan ianya memberikan imej yang buruk kepada pihak berkuasa serta undang-undang. Suruhanjaya

telah menulis kepada PDRM untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang status siasatan terhadap aduan tersebut. Pada 27 November, Suruhanjaya telah memohon mendapatkan statistik dan maklumat lanjut daripada PDRM berkenaan dengan tangkapan, penahanan dan pendakwaan yang telah dibuat di bawah APJ, ADBLLPK, AKKLLK, APK dan Bab VIA (Kesalahan Berkaitan Keganasan) Kanun Keseksaan 2015. Walau bagaimanapun, semasa penulisan ini, Suruhanjaya masih belum diberikan maklumat yang diminta tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (ADBLLPK), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (AKKLLK) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (APK) telah digubal menurut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan di mana ia adalah sah walaupun berlawanan dengan Perkara 5 (kebebasan diri), Perkara 9 (larangan buang negeri, dan kebebasan bergerak), Perkara 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan) atau Perkara 13 (hak terhadap harta) Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, kesemua undang-undang tersebut tidak menafikan sepenuhnya hak-hak asasi manusia terhadap orang yang ditahan bila mana mereka diberi hak. Secara umumnya, hak-hak yang diberikan adalah seperti berikut:

- (i) dimaklumkan alasan penangkapan;
- (ii) dimaklumkan kepada waris kadim keberadaan orang yang ditangkap;
- (iii) berhubung dan melantik peguam pilihan;
- (iv) reman dibuat di hadapan mahkamah;
- (v) dibenarkan membuat representasi kepada Lembaga Penasihat; dan
- (vi) mencabar Perintah Tahanan melalui kajian semula kehakiman di Mahkamah Tinggi.

Statistik tangkapan dibawah APJ, AKKLLK dan ADBLLPK bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Akta	Jumlah Tangkapan	Jumlah Penahanan	Jumlah Pengawasan
Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ)	852	275	499
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (AKKLLK)	362	330	236

Akta	Jumlah Tangkapan	Jumlah Penahanan	Jumlah Pengawasan
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (ADBLLPK)	854	744	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2,068</b>	<b>1,349</b>	<b>735</b>

**(i) Penemuan Kubur Besar di Wang Kelian dan Isu “Boatpeople”**

Dalam bulan Mei 2015, PDRM telah membuat penemuan mengejutkan apabila menjumpai 28 kem pemerdagangan manusia yang telah ditinggalkan dan 139 kubur di Wang Kelian, Perlis, berhampiran dengan sempadan Malaysia-Thailand. Laporan media telah melaporkan bahawa polis menemui 106 rangka di dalam kubur besar tersebut dan kem pemerdagangan manusia telah digunakan oleh penyeludup untuk menyimpan pelarian dan pencari suaka yang telah diseludup ke dalam Malaysia sebelum dibebaskan dan menerima wang daripada ahli keluarga yang telah berada di Malaysia.

Suruhanjaya juga telah mendapatkan maklum balas daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand berhubung dengan tindakan yang telah diambil oleh mereka berkenaan isu penemuan kubur besar di negara tersebut. Suruhanjaya Thailand memaklumkan bahawa tiada sebarang tindakan yang telah diambil oleh mereka berkenaan perkara berkenaan. Suruhanjaya juga telah menulis kepada KDN pada 30 November, memohon untuk mendapatkan status terkini mengenai tindakan yang telah diambil bagi isu penemuan kubur besar dan *boatpeople*. Setakat ini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kementerian. Pada 18 Disember, Suruhanjaya telah berjumpa dengan Majlis Peguam untuk memaklumkan status tindakan terkini yang telah diambil dan membincangkan mengenai langkah-langkah yang dapat diambil di masa hadapan. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Suruhanjaya dan Majlis Peguam bersetuju untuk bekerjasama dalam menjalankan kajian ke atas insiden yang berlaku dan mengadakan sesi konsultasi berkaitan dengan isu pelarian pada tahun 2016.

Pada 21 Disember, media melaporkan Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa pihak polis telah mengenalpasti enam individu yang bertanggungjawab terhadap aktiviti pemerdagangan manusia dan mayat yang dikebumikan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan mereka akan dibawa ke Malaysia untuk menghadapi tindakan undang-undang.

Memandangkan kedudukan Malaysia telah dinaiktaraf daripada tahap 3 ke tahap 2 di dalam laporan United States's Trafficking in Person 2015, Suruhanjaya mengesyorkan agar kerajaan telus dalam menjalankan siasatan terhadap insiden tersebut dan memaklumkan inisiatif yang telah diambil bagi mencegah insiden yang sama berulang lagi di masa hadapan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mayat yang dijumpai di Wang Kelian tidak boleh diklasifikasikan sebagai mangsa pemerdagangan orang seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 44 dan 55 ATIPSOM. Walau bagaimanapun, siasatan terhadap kejadian ini dilaksanakan mengikut Seksyen 26A ATIPSOM 2007, seramai 15 orang suspek warganegara Thailand, Myanmar dan Bangladesh telah dikenal pasti terlibat dalam kejadian ini. Kes telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara untuk nasihat perundangan. Pada 9 Mei 2016, seramai empat orang suspek telah dituduh di Mahkamah Majistret Kangar, Perlis di bawah Seksyen 26A ATIPSOM 2007. Waran tangkap juga telah diperolehi terhadap 11 orang suspek dan memandangkan mereka bukan warganegara Malaysia dan berada di luar negara maka permohonan ekstradisi juga telah dimohon.

Kerajaan juga mengambil berat mengenai kes ini dan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut untuk mencegah insiden berulang di sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia dinaiktaraf daripada tahap 3 ke tahap 2 dalam *Watchlist*:

- (i) menandatangani Deklarasi Bali bersama Negara-Negara ASEAN pada 23 Mac 2016 yang mengkehendaki pemberian perlindungan kepada pelarian-pelarian yang mencari tempat berlindung. Berikutan dengan itu, Kerajaan pada bulan Mei 2016 telah menyelamatkan 2 buah bot yang membawa warga Bangladesh dan juga pelarian Rohingya. Kesemua pelarian ini kini ditempatkan di Langkawi, Kedah;
- (ii) meneliti pembaharuan dasar Kerajaan yang dilaksanakan oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Kementerian Dalam Negeri dengan melibatkan pelbagai kementerian, NGO dan agensi penguatkuasaan dalam negara;
- (iii) menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Makaysia (AKSEM) pada 24 Mei 2016 yang berfungsi untuk memperkasakan tahap kawalan keselamatan di seluruh sempadan negara bagi membanteras jenayah rentas sempadan seperti pencerobohan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia yang boleh

menjejaskan imej negara. Selain itu, AKSEM juga akan bertindak sebagai agensi khusus yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pengurusan dan operasi penguatkuasaan sempadan di seluruh negara; dan

- (iv) kerjasama berterusan dari segi perkongsian maklumat serta rondaan secara kerap antara Malaysia dan Thailand.

#### **(j) Kanak-kanak Orang Asli di Sekolah**

Suruhanjaya telah menyiasat dua insiden yang melibatkan pelajar Orang Asli di sekolah rendah. Pada 30 Jun, Suruhanjaya mengambil maklum laporan media berkaitan dengan insiden melibatkan pelajar Orang Asli dipukul oleh tiga guru lelaki di Sekolah Rendah Kuala Betis. Sebagai sebahagian daripada siasatan, Suruhanjaya telah melawat sekolah pada 6 Julai dan turut berjumpa dengan keluarga kanak-kanak perempuan tersebut. Berdasarkan maklumat yang didapati semasa lawatan, Suruhanjaya difahamkan bahawa kanak-kanak tersebut telah dituduh mencuri duit daripada salah seorang guru sekolah. Beliau telah ditangkap semasa waktu pembelajaran dalam keadaan mencurigakan dan cuba untuk membuka pintu kereta salah seorang guru yang diletakkan di garaj. Setelah itu, beliau dibawa ke pejabat untuk disoalsiasat. Guru-guru tersebut menafikan ada mengikat dan memukul pelajar semasa soal siasat tersebut.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah melaksanakan siasatan penuh terhadap kes ini dan mendapati kes tersebut tidak berasas kerana tiada pengakuan dan bukti daripada guru-guru dan saksi-saksi yang telah ditemu bual. Pihak pengadu juga tidak mengemukakan saksi-saksi dan bukti-bukti bagi menyokong aduan tersebut serta tidak memberikan kerjasama kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan semasa proses siasatan berkenaan. Namun begitu, semua pihak yang terlibat telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada PDRM dalam melakukan siasatan di sekolah berkenaan.

Kes ini masih dalam tindakan PDRM di mana Kertas Siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan atas kesalahan mendatangkan kecederaan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya dan maklumat lanjut berkaitan kes ini sedang diperolehi daripada pengadu-pengadu. Pada masa yang sama, guru-guru dan pihak sekolah perlu memastikan setiap tindakan yang diambil terhadap murid hendaklah mengikut prosedur dan garis panduan sedia ada yang telah ditetapkan.



Bagi kes ini, Suruhanjaya telah menulis kepada PDRM pada 4 Ogos untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan siasatan yang telah dilakukan terhadap laporan polis yang dibuat oleh Orang Asli. Sehingga kini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada polis. Dalam insiden lain, Suruhanjaya turut mengambil maklum berkenaan dengan laporan media mengenai kehilangan tujuh pelajar Orang Asli dari asrama pada 23 Ogos. Suruhanjaya telah melawat Sekolah Kebangsaan Pos Tohoi pada 1 dan 2 September untuk mendapatkan gambaran yang jelas berhubung insiden yang berlaku yang mana didakwa mempunyai kaitan dengan tindakan seorang guru merotan pelajar yang mandi di sungai. Berdasarkan temubual tersebut, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa:

- (i) menurut ibubapa, pagar di sekeliling asrama telah rosak dan sesiapa sahaja boleh keluar dan masuk ke asrama tersebut tanpa pengetahuan pihak Pentadbiran. Oleh itu, situasi pelajar mandi di sungai berdekatan tanpa pengetahuan pihak sekolah adalah perkara biasa;
- (ii) pada 22 Ogos 2015, warden asrama dimaklumkan oleh penjaga keselamatan bahawa 25 kanak-kanak perempuan dilihat mandi di sungai. Berdasarkan kepada dakwaan, warden asrama telah merotan tiga orang daripada pelajar tersebut sebagai hukuman; dan
- (iii) pada 23 Ogos 2015, pihak sekolah mendapati 23 orang pelajar tidak berada di dalam sekolah dan pihak sekolah kemudiannya berjaya menemui semula 16 orang pelajar. Pihak sekolah telah cuba mencari tujuh orang lagi pelajar yang masih hilang dengan bantuan penduduk kampung tetapi gagal. Pihak sekolah telah melaporkan kejadian itu kepada polis pada jam 12:30 tengahari pada 25 Ogos 2015.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kronologi insiden yang berlaku adalah seperti berikut:

- (i) pada 23 Ogos 2015, seramai 23 orang pelajar orang asli yang tinggal di asrama Sekolah Kebangsaan Tohoi, Gua Musang telah bertindak pulang sendiri ke kampung masing-masing selepas ditegur oleh warden sekolah kerana mandi sungai. Seramai 16 orang daripada mereka telah dijumpai oleh Pembantu Pengurusan Murid di kawasan belakang asrama dan berjaya memujuk mereka untuk kembali semula ke asrama pada jam 7.00 malam hari

yang sama (23 Ogos 2015), manakala 7 orang lagi didapati tidak pulang ke rumah masing-masing dan dipercayai telah sesat. Usaha mencari diteruskan sehingga jam 1.00 pagi (24 Ogos 2015);

- (ii) usaha mencari disambung semula pada jam 7.00 pagi (24 Ogos 2015) yang turut melibatkan ibu bapa mangsa, penduduk kampung dan waris mangsa selain daripada warden dan guru. Pihak sekolah bersama-sama waris mangsa telah membuat keputusan untuk membuat laporan polis pada malam 24 Ogos 2015. Jarak perjalanan ke IPD Gua Musang dengan sekolah adalah 55 km dan mengambil masa 1 jam 45 minit untuk sampai. Akhirnya satu laporan polis telah dibuat pada malam tersebut dan laporan tersebut selesai dilaporkan pada jam 2.55 pagi (25 Ogos 2015). Pegawai Penyiasat bersama anggotanya telah ke lokasi kejadian pada hari yang sama bagi menjalankan siasatan dan pencarian awal di kawasan yang berdekatan sekolah yang turut disertai oleh pihak sekolah dan penduduk kampung;
- (iii) Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR) digerakkan mulai 26 Ogos 2015 yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Pendidikan Negeri, JAKOA dan penduduk kampung; dan
- (iv) Operasi SAR telah menemui empat rangka kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai Linda bt Rosli, Haikal Bin Yaakob, Ika bt Ayel dan Juvina a/p David. Turut ditemui adalah dua orang kanak-kanak perempuan yang masih hidup iaitu Miksudiar bt Aluj dan Norieen bt Yaakob. Sehingga kini kanak-kanak yang hilang, Sasa a/p Sobrie masih belum ditemui.

Kerajaan mendapati bahawa kehilangan murid-murid ini tidak mempunyai kaitan dengan sebarang unsur jenayah sebaliknya berpunca dari rasa takut terhadap tindakan disiplin warden asrama ekoran salah laku pelajar bermain di sungai berhampiran sekolah.

Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan supaya guru-guru di sekolah-sekolah Orang Asli dan penggubal dasar pendidikan untuk memahami akan hak-hak Orang Asli sebagaimana yang dinyatakan di dalam UNDRIP dan budaya Orang Asli agar sebarang interaksi melibatkan pelajar-pelajar Orang Asli dan perancangan dasar pendidikan akan mengambil kira keperluan khusus Orang Asli. Kerajaan juga perlu memastikan wujud kemudahan pembelajaran yang kondusif agar keperluan pembelajaran boleh

menampung pelajar di kawasan pedalaman. Ini termasuk pemantauan sistematik terhadap bangunan sekolah dan memastikan penyelenggaraan berkala kemudahan sekolah.

## **MAKLUM BALAS**

Bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan sekolah asli, Kerajaan melalui KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Meneliti dan Menilai Pendidikan Murid Orang Asli. Ianya merupakan satu pelan tindakan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan sekolah orang asli susulan daripada kes yang berlaku di SK Tohoi. Antara perkara yang menjadi fokus dalam jawatankuasa ini termasuklah aspek kemajuan pendidikan, kemudahan, keselamatan dan kebajikan. KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri akan menjalankan pemantauan bagi memastikan kemudahan dan infrastruktur sekolah sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif.

### **(k) Isu Alam Sekitar**

Perkara 25 UDHR memberi jaminan kepada semua orang hak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan, kesejahteraan diri dan keluarganya dan ini termasuk hak untuk menikmati persekitaran yang sihat. Persekitaran yang selamat dan sihat adalah asas kerana ia merupakan pra-syarat untuk menikmati hak asasi manusia. Oleh itu, bagi memastikan hak ini dapat dilaksanakan sepenuhnya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan agar perlindungan alam sekitar berada di tahap yang bersesuaian. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah menyiasat beberapa isu alam sekitar. Semasa *Roadshow* SUHAKAM pada 12 Ogos di Kemaman, Suruhanjaya telah dimaklumkan mengenai pencemaran alam sekitar yang serius di Kuantan kerana perlombongan bauksit.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap isu alam sekitar terutama yang berkaitan dengan pelombongan bauksit khususnya di Kuantan, Pahang. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 November 2015 telah memutuskan supaya YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YAB Menteri Besar Pahang mengeluarkan kenyataan media secara bersama berkaitan pengenaan moratorium terhadap aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit di Kuantan, Pahang.

Pengenaan moratorium terhadap aktiviti perlombongan dan pengekstrakan bauksit di Kuantan dibahagikan kepada tiga fasa iaitu:

- (i) pengosongan *stockpile* bauksit di dalam kawasan Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman;
- (ii) membersih dan menaik taraf fasiliti Pelabuhan Kuantan; dan
- (iii) pengalihan *stockpile* di luar kawasan pelabuhan ke kawasan *stockpile* berpusat yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Dalam hal ini, tindakan segera dilaksanakan melalui operasi pembersihan debu bauksit dari kawasan Bukit Goh ke Pelabuhan Kuantan sebagai usaha mengurangkan tahap pencemaran udara yang dialami oleh sebahagian penduduk daerah Kuantan terutama di sekitar Kampung Padang dan Beserah. Operasi ini melibatkan Majlis Perbandaran Kuantan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang serta dibantu oleh agensi penguatkuasa lain dengan peruntukan berjumlah RM 500,000.00 yang dikenakan kepada Persatuan Pengusaha-Pengusaha Perlombongan.

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi penguatkuasa melibatkan pelbagai agensi Kerajaan turut dilaksanakan menerusi operasi sekatan jalan bagi memantau dan mengenakan tindakan undang-undang ke atas pengusaha bauksit yang didapati melanggar peraturan. Perbincangan turut diadakan melibatkan Pihak Berkuasa Negeri dengan NRE bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam aktiviti perlombongan bauksit. Kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan langkah menggantung aktiviti perlombongan bauksit bagi tempoh enam bulan iaitu tiga bulan pertama bermula pada 15 Januari 2016 hingga 15 April 2016 dan tempoh pelanjutan penggantungan telah disambung tiga bulan yang akan berakhir pada pertengahan Julai 2016. Di dalam tempoh moratorium, NRE telah mengeluarkan AP khas bagi pemindahan bauksit dari *stockpile* ke pelabuhan. Selaras dengan itu, Pihak Berkuasa Negeri melaksanakan kawalan ketat seperti penyitaan lori dan penyediaan *washing bay* bagi mengawal aktiviti pengeluaran dan pengangkutan bauksit di kawasan *stockpile*. Pada masa yang sama, cadangan SOP sedang dibangunkan bagi mencari kaedah penambahbaikan dalam aspek perlombongan terutamanya bauksit. Penambahbaikan SOP yang telah dirancang ini meliputi aspek rangkaian aktiviti pengendalian bauksit yang merangkumi:

- (i) pengurusan di tapak perlombongan bauksit;
- (ii) pengangkutan dan penguatkuasaan;
- (iii) pengurusan di tapak *stockpile* dan pelabuhan; dan
- (iv) prosedur pengeksportan bauksit.

Cadangan-cadangan tersebut perlu diteliti dan dipersetujui di peringkat Kabinet sebelum diguna pakai oleh semua pihak yang berkepentingan dalam perlombongan bauksit.

Pengangkutan bauksit ke pelabuhan telah mencemarkan udara dan mengotorkan kawasan sekitar dengan debu merah. Sebagai sebahagian daripada siasatan terhadap isu ini, Suruhanjaya telah berusaha mendapatkan maklum balas berhubung isu ini daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Tanah dan Galian Pahang mengenai tindakan yang telah mereka ambil memandangkan keadaan alam sekitar yang semakin merosot dikatakan akibat daripada perlombongan bauksit. Pada 29 September, Suruhanjaya telah menerima jawapan daripada pihak FELDA yang memaklumkan bahawa pada 31 Ogos, seramai 65 orang peneroka FELDA Bukit Goh dan 8 orang peneroka Bukit Kuantan terlibat dalam aktiviti-aktiviti perlombongan bauksit. Pihak FELDA menasihatkan Suruhanjaya untuk mendapatkan respon daripada Pejabat Tanah dan Galian Pahang mengenai isu kebenaran penggunaan tanah dan penguatkuasaan. Pada 22 September, Suruhanjaya telah menerima jawapan ringkas daripada Pengarah JAS Negeri Pahang di mana beliau mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya kerana menyampaikan isu pencemaran alam sekitar kepada JAS dan menasihatkan Suruhanjaya untuk mendapatkan respon daripada Pejabat Tanah dan Galian Pahang mengenai kebenaran dan penguatkuasaan aktiviti perlombongan. Pada masa laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih menunggu maklum balas dari agensi-agensi yang lain.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Mengikut rekod, terdapat 34 lombong yang telah diluluskan lesen oleh Pihak Berkuasa Negeri Pahang. Pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Negeri telah memperhalusi sistem pengurusan pengeluaran mineral terutamanya bauksit bagi memastikan kebersihan dan kelangsungan alam sekitar terjamin melalui syarat-syarat pengeluaran yang lebih tersusun dan menyeluruh di mana pihak pelombong perlu menyediakan kemudahan *washing bay* bagi membersihkan lori yang tercemar semasa kerja-kerja pengeluaran dilakukan. Malah, kenderaan mengangkut mineral juga perlu berdaftar dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian Pahang bagi memastikan kenderaan yang digunakan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia (SPAD). Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri juga telah menetapkan laluan khas

bagi mengangkut mineral untuk mengurangkan kesan pencemaran kepada alam sekitar. Untuk menambahbaik kaedah pengeluaran, Pihak Berkuasa Negeri juga telah mengadakan sebanyak 4 kali sesi *engagement* dengan pihak persatuan pelombong bagi memastikan segala perancangan pengeluaran berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama daripada pihak pelombong. Tindakan penguatkuasaan berkaitan isu-isu pelanggaran aktiviti perlombongan bauksit sepanjang tahun 2015 telah dilaksanakan melibatkan sebanyak 81 kes dengan jumlah kompaun sebanyak RM4,105,730.00. Sepanjang tempoh moratorium (Januari 2016 sehingga Mei 2016), penguatkuasa telah membawa 51 kes kesalahan undang-undang dengan jumlah kompaun sebanyak RM932,450.00. Pemantauan juga dibuat dengan menyediakan 12 *checkpoint* di laluan antara kawasan lombong / *stockpile* ke pelabuhan bagi memastikan tiada pengangkutan dari lombong / *stockpile* yang tidak sah, lori sentiasa berada dalam keadaan bersih dan tidak mencemarkan laluan atau mendatangkan debu. Prosedur yang digunapakai adalah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 dan Enakmen Mineral 2001.

#### **(1) Kematian di tempat tahanan**

Pada 10 Jun, Suruhanjaya menerima memorandum daripada Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (HINDRAF) berhubung dengan kematian seorang tahanan bernama Sasikumar a/l Selvam di Penjara Kluang pada 22 Mei. Pengadu meminta Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menjalankan inkues ke atas kematian tahanan serta sesalinan laporan bedah siasat si mati diberikan kepada keluarga si mati. Suruhanjaya telah melawat Penjara Kluang pada 2 Julai untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat berhubung dengan kes ini. Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya telah dimaklumkanseperti berikut:

- (i) sebelum kejadian itu, mangsa telah menjalani ujian air kencing dan didapati positif dadah. Penjara menemui dadah dalam duburnya semasa penyiasatan. Oleh itu Penjara telah mengasingkan si mati daripada tahanan lain untuk soal siasat;
- (ii) pada 22 Mei 2015, jam 09:59 malam, warden yang bertugas telah meronda blok dan mendapati si mati sedang berada di dalam sel. Pada 10:27 malam, semasa rondaan, warden telah mendapati si mati telah tergantung dengan seluar beliau diikat di lehernya dan terikat kepada gril tingkap sel;
- (iii) setelah mendapat kebenaran daripada pegawai Penjara, warden tersebut telah membuka sel dan memotong seluar berkenaan untuk menurunkan si mati;

- (iv) selepas diarahkan oleh Pengarah Penjara, si mati telah dihantar ke Hospital Kluang pada 23 Mei 2015, jam 01:45 pagi dan diisytiharkan mati semasa ketibaan; dan
- (v) pihak berkuasa Penjara mendakwa si mati telah membunuh diri kerana menerima ugutan bunuh daripada sindiket dadah selepas dia telah menyebabkan kerugian dadah kepada mereka.

Sebagai sebahagian daripada fungsi Suruhanjaya untuk memantau keadaan hak asasi manusia di tempat-tempat tahanan, Suruhanjaya telah meminta daripada pihak berkuasa statistik kematian tahanan yang berlaku dalam tahun 2015 di penjara, pusat tahanan imigresen dan lokap polis serta sebab-sebab kematian, tetapi sehingga penulisan laporan ini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang jawapan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum terhadap syor-syor awal yang dikemukakan oleh SUHAKAM sebagaimana terkandung di dalam kajian SUHAKAM mengenai Kematian Dalam Tahanan Polis Tahun 2014 iaitu:

- (i) seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Lokap 1953, pemeriksaan kesihatan perlu dilaksanakan sebelum tahanan ditempatkan di dalam lokap polis. Ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu tahanan dan juga polis. PDRM dan KKM perlu meneroka cara-cara bagi melaksanakan keperluan ini. Polis juga boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan pasukan perubatan sendiri seperti yang dilakukan oleh Pasukan Polis Victoria di Melbourne, Australia;
- (ii) seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 10 dan 11 Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan, pengubahsuaian struktur lokap adalah perlu untuk membolehkan pengudaraan dan pencahayaan yang baik. Pemasangan kipas ekzos tambahan yang sesuai di koridor akan memperbaiki keadaan ini. Struktur lokap perlu membenarkan cahaya semula jadi masuk ke dalam sel; dan
- (iii) bagi mengekalkan tahap kebersihan dan kesihatan, pihak polis perlu mempertimbangkan langkah-langkah tertentu seperti melantik kontraktor untuk membersihkan bahagian dalam lokap.

Secara keseluruhannya, seramai 12 orang telah mati dalam tahanan polis pada tahun 2015 dan perincian sebab kematian adalah seperti berikut:

- (i) kematian akibat penyakit asma: 1 orang;
- (ii) kematian akibat serangan jantung: 1 orang; dan
- (iii) kematian akibat lain-lain penyakit (usus, hati, kuning, ulser, paru-paru, kerongkong): 10 orang.

Aspek pencegahan kematian tahanan dalam penjara sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan melalui pelaksanaan SOP dan garis panduan sedia ada bagi menjamin keselamatan dan kesihatan tahanan sepanjang tempoh penahanan dan pemulihan di penjara sehingga dibebaskan.

Semua prosedur yang melibatkan pengurusan kematian dalam tahanan sentiasa dipatuhi dan tiada sebarang maklumat disembunyikan daripada pihak berkuasa yang menjalankan siasatan. Dalam hal ini, tindakan tegas akan diambil terhadap kecuaiannya oleh kakitangan Jabatan Penjara Malaysia.

#### **(n) Hak kepada perumahan Mangsa Banjir Kelantan**

Menurut Perkara 25 (1) UDHR, setiap orang mempunyai hak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya. Setahun telah berlalu semenjak banjir yang dahsyat telah melanda Kelantan pada tahun 2014, namun masih terdapat mangsa banjir yang tinggal di khemah-khemah sementara di Gua Musang, Kelantan. Suruhanjaya telah bertindak melawat Gua Musang pada 16 dan 17 Disember untuk mengetahui punca kelewatan dalam penyediaan rumah gantian kepada keluarga yang terlibat. Semasa lawatan itu, Suruhanjaya mendapati bahawa 107 buah keluarga yang terlibat tinggal di Kem Program Latihan Khidmat Negara Taman Ethno Botani manakala tujuh keluarga masih berada di khemah-khemah sementara dan enggan berpindah ke kem tersebut.

Semasa lawatan ke khemah sementara, Suruhanjaya hanya dapat bertemu dengan seorang individu yang masih berada di khemah semasa itu. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa tujuh keluarga enggan berpindah ke kem atas faktor kesihatan. Walau bagaimanapun, 7 keluarga tersebut terpaksa berpindah juga ke kem sebelum 31 Disember kerana tanah yang mereka duduki adalah milik persendirian dan tanah itu akan



dibangunkan sebagai kawasan taman permainan. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk memastikan agar pembinaan rumah-rumah gantian itu disiapkan mengikut masa yang ditetapkan dan tiada keluarga yang layak dinafikan rumah gantian. Suruhanjaya sedang mendapatkan maklumbalas lanjut berkenaan dengan isu ini daripada Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Negeri Kelantan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pihak Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi perhatian dan memantau tahap pembinaan Rumah Kekal Baru (RKB) kepada mangsa-mangsa yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pihak-pihak berwajib. Pada masa yang sama, pelbagai kaedah juga telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan pihak-pihak lain yang ingin membantu menyelesaikan isu perumahan sejak musibah banjir 2014 yang lepas. Antara pendekatan yang dilaksanakan untuk membantu penempatan mangsa-mangsa banjir sehingga RKB disiapkan sepenuhnya adalah Penempatan Transit (Khemah/Rumah Transit), Penempatan Transit Berpusat, Penempatan di Perumahan Sediada (PPR/ECER) dan Kemudahan Bayaran Sewaan Rumah.

### **(o) Memorandum daripada peneroka Kampung Serampang Indah (Gatco)**

Pada 3 Jun, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada Jawatankuasa peneroka Kampung Serampang Indah (Gatco) berhubung dengan dakwaan pencerobohan oleh para samseng ke dalam kawasan tanah mereka mengusahakan tanaman dan kediaman. Mereka mendakwa bahawa isu pemilikan tanah itu kini masih dalam perbicaraan di mahkamah. Peneroka tersebut telah membuat 332 laporan polis mengenai pencerobohan daripada tahun 2012 hingga 2015 tetapi mereka mendakwa bahawa tiada tindakan telah diambil berdasarkan laporan yang dibuat. Sebaliknya polis telah menahan beberapa peneroka kerana didakwa menceroboh tanah berkenaan.

Suruhanjaya berusaha mendapatkan maklumbalas daripada PDRM melalui surat bertarikh 1 Julai. Sehingga November, Suruhanjaya tidak menerima sebarang maklum balas daripada PDRM, oleh itu Suruhanjaya memutuskan untuk bertemu dengan Pegawai Penyiasat kes berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol pada 5 Disember untuk mendapatkan penjelasan mengenai kes tersebut. Notis telah dihantar kepada PDRM pada 30 November bagi tujuan itu. Suruhanjaya bagaimanapun mendapat jawapan

yang tidak memberangsangkan daripada PDRM. Antaranya, PDRM tidak bersetuju Suruhanjaya bertemu dengan Pegawai Penyiasat kerana PDRM mendakwa bahawa ianya bukan di dalam bidang kuasa Suruhanjaya. Suruhanjaya tidak bersetuju dengan pandangan PDRM mengenai perkara itu, lantas Suruhanjaya bertindak mengemukakan pandangan balas dengan menegaskan bahawa Seksyen 14 Akta SUHAKAM 1999 menyatakan dengan jelas bahawa Suruhanjaya berkuasa untuk menyiasat aduan dan bentuk siasatan tersebut termasuklah siasatan tanpa pendengaran awam (siasatan tertutup) dan siasatan awam atau terbuka, bergantung kepada keperluan kes. Selain itu, sebarang cubaan untuk menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan fungsinya adalah suatu tindakan menghina kuasa yang sah yang merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Polis dalam Mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2016 bagi mendapatkan keputusan lanjut mengenai perkara itu. Berhubung dengan aduan ini, Suruhanjaya akan terus berhubung dengan pihak polis untuk menyiasat dakwaan tersebut sehinggalah maklumbalas yang dikehendaki diperolehi.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Peneroka tanah Kampung Serampang Indah (Gatco) telah mengambil tindakan Sivil hingga ke Mahkamah Rayuan Putrajaya dan Mahkamah Rayuan telah mengarahkan kes ini dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi Sivil Seremban.

Pihak polis telah membuka 15 Kertas Siasatan terhadap laporan-laporan polis yang telah dibuat dan Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri pada 26 Mei 2016 untuk arahan lanjut.

## **6. LAWATAN KE TEMPAT TAHANAN**

Sebarang penafian akses ke pusat tahanan merupakan suatu halangan kepada Suruhanjaya untuk menjalankan mandatnya yang merupakan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya dihentikan daripada melawat Pusat Tahanan Imigresen Belantik di Kedah pada 26 Mei. Suruhanjaya kecewa dengan tindakan pihak berkuasa yang menggambarkan bahawa mereka tidak mengendahkan kuasa Suruhanjaya yang telah diperuntukkan di

dalam undang-undang untuk melawat tempat-tempat tahanan. Suruhanjaya berharap kejadian seperti ini tidak akan berulang pada masa akan datang.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengiktiraf peranan dan kuasa Suruhanjaya untuk melawat tempat tahanan imigresen. Walau bagaimanapun, depot-depot tahanan diwartakan sebagai Kawasan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959. Justeru, Suruhanjaya perlu mendapat kelulusan awal sebelum satu lawatan diadakan bagi kes-kes yang mempunyai kepentingan keselamatan negara, Suruhanjaya boleh mengemukakan permohonan kebenaran lawatan kepada KDN dan MKN hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

### **7. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN (ATD) KANAK-KANAK DI BAWAH PENAHANAN IMIGRESEN**

Dalam 2014, Suruhanjaya telah terlibat dalam Kumpulan Kerja untuk mengkaji pelaksanaan alternatif kepada penahanan kanak-kanak. Dalam 2015, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah buat pertama kali berjumpa pada 9 Januari 2015. Ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada wakil Pejabat Peguam Negara, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Persatuan Kebajikan Suara Kanak-kanak Malaysia (SUKA) dan *International Detention Coalition* (IDC). Semasa mesyuarat perkara-perkara berikut telah dibangkitkan:

- (i) mekanisma perundangan untuk pelaksanaan ATD;
- (ii) penyelesaian kes melibatkan mereka yang tidak mempunyai kewarganegaraan; dan
- (ii) isu penjagaan - antara penjaga yang sah dan wakil penjaga.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum bahawa Suruhanjaya telah mencadangkan pelaksanaan ATD menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 27 (1)(ii) dan Seksyen 55(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*] yang membenarkan Ketua Pengarah Imigresen dan Menteri menggunakan budi bicara dalam hal ehwal berkaitan imigresen termasuklah penahanan. Peruntukan tersebut perlu dibaca bersama dengan peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Pindaan 2015*].

Dalam hal ini, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa sungguhpun seksyen 27(1)(i) Akta 155 memberi kuasa budi bicara kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk menetapkan syarat-syarat dan terma-terma kepada pusat jagaan, P.U. (A) 184/2013 menjelaskan bahawa bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen adalah terhad dan tertakluk kepada apa yang dinyatakan di dalam Akta 155 dan Akta Pasport 1966. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa cadangan Suruhanjaya tersebut adalah sukar untuk dilaksanakan kerana ia di luar bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen memandangkan pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, maklum balas adalah dari segi perspektif undang-undang dan ianya tertakluk kepada keputusan dasar pihak yang berkepentingan.

**BAB**

**2**

**LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI**

## **BAB 2 : LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI**

**muka  
surat**

- › 121 › **I. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA**
  - 1. **Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa Bagi Institusi-Institusi Nasional Untuk Promosi Dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC)**
    - › 121 (a) Pemilihan dan Pelantikan Pesuruhjaya
    - › 123 (b) Pelantikan Pesuruhjaya Sepenuh Masa
    - › 123 (c) Dana yang Mencukupi
    - › 124 (e) Pembentangan dan Perbahasan Laporan Tahunan dan Laporan Khas Suruhanjaya
  - › 125 2. **Majlis Hak Asasi Manusia (HRC)**
  - › 127 3. **Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai NHRI**
  - › 128 5. **Penilaian Penggalan Sejagat (UPR)**
  - › 130 7. **Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF)**
  - › 131 8. **Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)**
- › 133 › **II. BAHAGIAN PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM**
  - › 133 10. **Hal Ehwal Parlimen**
  - › 135 11. **Keterlibatan Bersama Badan Agama Islam**
- › 136 › **IV. BAHAGIAN LATIHAN**
  - 1. **Pendidikan Hak Asasi Manusia**
    - › 136 (b) Sekolah Kanak-Kanak Orang Asli (OA)
    - › 141 (c) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

## **I. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA**

### **1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI- INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)**

Pada 25 November, Suruhanjaya dengan sukacita mengambil maklum bahawa ICC-SCA telah mengesyorkan agar status 'A' Suruhanjaya dikekalkan. Walaupun syor tersebut merupakan satu berita baik bagi Suruhanjaya, beberapa kebimbangan berkenaan dengan perkara-perkara berikut telah dibangkitkan oleh ICC-SCA:

#### **(a) Pemilihan dan Pelantikan Pesuruhjaya**

ICC-SCA telah menyebut tentang proses pelantikan Pesuruhjaya dan Jawatankuasa yang perlu dirujuk oleh Perdana Menteri sebelum mencadangkan calon anggota Suruhanjaya untuk diperkenankan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong. ICC-SCA menzahirkan rasa bimbang mengenai budi bicara Perdana Menteri dalam melantik tiga wakil masyarakat sivil yang menjadi sebahagian daripada ahli Jawatankuasa tersebut.

ICC-SCA juga bimbang kerana walaupun Perdana Menteri merujuk kepada Jawatankuasa tersebut, tiada keperluan dari segi undang-undang yang mewajibkan beliau mencadangkan calon dari senarai individu yang disenarai pendek oleh Jawatankuasa tersebut. Tambahan pula, ICC-SCA berpandangan bahawa proses pelantikan Pesuruhjaya, seperti diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang sedia ada, tidak cukup meluas dan telus. Oleh itu, ICC-SCA menyeru agar satu proses pemilihan dan pelantikan Pesuruhjaya yang jelas, telus, dan bersifat partisipatori, dan yang melibatkan perkara-perkara berikut, diformalkan:

- (i) Keperluan untuk mengiklankan kekosongan jawatan;
- (ii) Pewujudan syarat-syarat yang jelas dan seragam yang menjadi asas kepada penilaian merit pemohon; dan
- (iii) Rundingan dan/atau penyertaan meluas dalam proses permohonan, saringan, pemilihan, dan pelantikan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan semasa menggubal Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] bagi tujuan penubuhan SUHAKAM telah bersetuju bahawa lantikan Anggota-Anggota SUHAKAM dibuat dengan persetujuan dan perkenan pemerintah tertinggi negara iaitu YDPA. Ini merupakan satu pengiktirafan yang paling tinggi diberikan kepada sebuah suruhanjaya setaraf dengan statusnya sebagai sebuah Suruhanjaya. Keperluan untuk YAB Perdana Menteri mengemukakan senarai calon akhir untuk perkenan YDPA adakah keperluan yang diperuntukkan secara jelas di dalam Akta 597. Pengemukaan nama berkenaan oleh YAB Perdana Menteri menunjukkan bahawa calon-calon berkenaan juga telah diambil maklum dan disetujui oleh pihak Kerajaan untuk dilantik dan menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Anggota SUHAKAM.

Proses pemilihan Anggota SUHAKAM sentiasa dikemas kini dan diperbaiki dari semasa ke semasa dengan mengambil kira cadangan serta saranan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Anggota SUHAKAM yang telah mula ditubuhkan melalui pindaan kepada Akta 597 pada tahun 2009 menunjukkan bahawa Kerajaan memandag serius akan keperluan untuk melibatkan pihak awam dalam pemilihan Anggota SUHAKAM. Berdasarkan kepada keperluan Akta, calon-calon yang dilantik ke dalam jawatankuasa berkenaan adalah terdiri daripada wakil-wakil masyarakat madani yang ulung dan dihormati yang dipercayai bersifat neutral dan mewakili suara masyarakat secara keseluruhannya. Jawatankuasa berkenaan bertanggungjawab meneliti setiap pencalonan yang diterima dan mengemukakan senarai yang telah disenarai pendek kepada YAB Perdana Menteri untuk makluman dan persetujuan. Memandangkan YAB Perdana Menteri merupakan wakil tertinggi Kerajaan, maka beliau merupakan pihak yang paling layak untuk mengemukakan senarai berkenaan untuk perkenan YDPA.

Selain itu, usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat umum turut ditingkatkan di mana kekosongan keanggotaan SUHAKAM serta pelawaan pencalonan daripada orang ramai diumumkan melalui iklan di akhbar-akhbar nasional. Syarat-syarat kelayakan calon juga diletakkan secara jelas di dalam iklan berkenaan sebagai panduan kepada semua. Syarat-syarat pemilihan juga dikemas kini berdasarkan keperluan akta seperti yang dinyatakan dalam seksyen 5(3) dan seksyen 10 yang memerlukan calon-calon dilantik daripada kalangan lelaki dan wanita yang pelbagai latar belakang agama dan kaum yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara hak asasi manusia, seorang yang solven, berkeupayaan dari segi fizikal dan mental, tidak terlibat atau memegang apa-apa pekerjaan yang bercanggah dengan kewajipannya sebagai Anggota SUHAKAM, tidak melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik SUHAKAM dan tidak berkelakuan atau bertindak



secara bercanggah dengan kewajipannya sebagai anggota SUHAKAM kelak. Kesemua syarat ini menjadi landasan kepada Jawatankuasa Pemilihan semasa membuat pertimbangan dan pemilihan.

**(b) Pelantikan Pesuruhjaya Sepenuh Masa**

Memandangkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia sedia ada tidak menetapkan sama ada Pesuruhjaya berkhidmat secara sepenuh masa atau separuh masa, ICC-SCA mengesyorkan agar Akta tersebut dipinda bagi memperuntukkan pelantikan sepenuh masa Pesuruhjaya, yang akan membantu dalam memastikan:

- Kebebasan NHRI daripada percanggahan kepentingan sama ada dari segi persepsi atau sebenar;
- Perjawatan yang stabil bagi Pesuruhjaya;
- Panduan tetap dan sesuai untuk pegawai dan kakitangan; dan
- Pelaksanaan fungsi NHRI yang berterusan dan berkesan.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] memang tidak meletakkan secara nyata mengenai jenis perkhidmatan Pengerusi dan Anggota SUHAKAM. Walau bagaimanapun, Akta 597 memperuntukkan bahawa Pengerusi dibayar saraan dan elaun manakala Anggota SUHAKAM pula hanya diberikan elaun. Pelantikan Anggota SUHAKAM pada ketika ini tidak dilaksanakan secara sepenuh masa kerana lantikan secara sepenuh masa adalah tertakluk kepada penilaian kompetensi dan pencapaian KPI.

**(c) Dana yang Mencukupi**

ICC-SCA menyatakan kebimbangan terhadap keputusan Kerajaan untuk mengurangkan bajet tahunan Suruhanjaya bagi tahun 2016 sebanyak 50 peratus, dan menekankan bahawa Kerajaan seharusnya memberikan dana yang mencukupi kepada Suruhanjaya setiap tahun bagi membolehkan Suruhanjaya melaksanakan fungsi-fungsinya. ICC-SCA juga menegaskan bahawa peruntukan dana yang mencukupi kepada Suruhanjaya haruslah sekurang-sekurangnya merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Dana bagi premis yang boleh diakses oleh masyarakat umum termasuk orang kurang upaya;

- (ii) Gaji pegawai dan kakitangan, dan faedah-faedah lain yang setara dengan gaji dan faedah penjawat awam yang melaksanakan tugas yang serupa;
- (iii) Saraan bagi Pesuruhjaya;
- (iv) Sistem komunikasi yang berfungsi baik termasuk telefon dan talian internet; dan
- (v) Dana yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti yang dimandatkan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan amat memahami kesulitan di pihak SUHAKAM akibat pengurangan 50% daripada bajet tahunan SUHAKAM bagi tahun 2016. Keputusan tersebut diambil ekoran kedudukan kewangan Kerajaan yang terjejas disebabkan oleh penurunan harga minyak dan komoditi global yang telah memberi kesan langsung kepada kutipan hasil negara. Rasionalisasi bajet 2016 yang dilaksanakan turut melibatkan pemotongan peruntukan mengurus bagi tahun 2016 semua agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.3, peruntukan mengurus yang disediakan bagi tahun 2016 hendaklah dioptimumkan melalui langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat serta penyusunan semula unjuran perbelanjaan tahun 2016 yang telah dirancang dan keutamaan perbelanjaan SUHAKAM. Selain daripada itu, SUHAKAM juga turut dibenarkan menggunakan Rizab Kumpulan Wang bagi menampung peruntukan operasinya bagi tahun 2016.

### **(e) Pembentangan dan Perbahasan Laporan Tahunan dan Laporan Khas Suruhanjaya**

ICC-SCA mengambil maklum bahawa Akta sedia ada tidak memerlukan Laporan Tahunan Suruhanjaya untuk dibahaskan di Parlimen. ICC-SCA menekankan pentingnya untuk memasukkan dalam undang-undang penubuhan NHRI satu proses yang memerlukan laporan-laporan NHRI diedarkan kepada orang awam dan dibentangkan, dibincangkan, dan dipertimbangkan oleh Parlimen.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan turut mengambil maklum bahawa Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] tidak memperuntukkan supaya laporan tahunan SUHAKAM tersebut dibahaskan di Parlimen. Walau bagaimanapun, mana-mana ahli-ahli Parlimen tidak dihalang untuk membahaskan laporan tahunan melalui ruang sedia

ada yang disediakan oleh Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, misalnya semasa sesi perbahasan Titah Diraja pada sesi pembukaan Parlimen, sesi pembentangan bajet tahunan dan sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan atau bukan lisan oleh Menteri-menteri.

## **2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)**

Suruhanjaya terus memanfaatkan hak istimewa yang diberikan kepada NHRI berstatus 'A' untuk mengambil bahagian dalam Sesi-sesi Tetap HRC.

Sempena Sesi ke-8 Mekanisme Pakar mengenai Hak Orang Asal (EMRIP), Suruhanjaya telah mengemukakan satu kenyataan yang menegaskan, antara lain, pentingnya mengambil kira prinsip dan peruntukan yang terkandung dalam Perisytiharan PBB Hak Orang Asal (UNDRIP) apabila membentuk dasar yang melibatkan orang asal. Atas jemputan ICC, Suruhanjaya juga telah menyediakan draf Kenyataan ICC mengenai Orang Asal yang telah dikemukakan semasa Sesi ke-30 Majlis Hak Asasi Manusia. Dalam kenyataan tersebut, ICC menyeru Negara Anggota PBB agar mengadakan rundingan dengan orang asal dan melaksanakan komitmen yang terkandung dalam Dokumen Hasil Persidangan Dunia mengenai Orang Asal yang telah diterima pakai pada tahun 2014. Antara cadangan yang diberikan dalam kenyataan tersebut adalah:

- (i) Agar Negara Anggota membangunkan sebuah pelan tindakan bagi keseluruhan sistem PBB bagi memastikan kepaduan dan ketekalan dalam mencapai matlamat UNDRIP;
- (ii) Agar Negara Anggota menentukan proses yang sesuai bagi membolehkan penyertaan wakil dan institusi Orang Asal yang lebih bermakna dan berkesan di forum PBB yang berkaitan; dan
- (iii) Agar Negara Anggota membentuk pelan tindakan kebangsaan untuk mencapai matlamat dan objektif UNDRIP.

Tiap-tiap tahun sejak tahun 2012, Kerajaan telah menjemput seorang Pemegang Mandat Prosedur Khas PBB untuk mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia. Lawatan terakhir telah dijalankan oleh Pelapor Khas mengenai Pemerdagangan Orang, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak pada bulan Februari 2015. Suruhanjaya mengalu-alukan pendekatan progresif Kerajaan dalam hal ini kerana Suruhanjaya percaya bahawa lawatan sedemikian oleh Pemegang Mandat Prosedur Khas PBB membolehkan isu-

isu hak asasi manusia tertentu dinilai secara objektif oleh pakar, yang akan menawarkan hasil dapatan dan syor bagi tujuan menambah baik keadaan hak asasi manusia di negara ini. Oleh itu, Suruhanjaya berharap Kerajaan akan mengekalkan amalan baik ini dan menjemput Pemegang Mandat Prosedur Khas PBB yang lain untuk melawat Malaysia secara rasmi, termasuk Pelapor Khas mengenai Hak Asasi Manusia Orang Asal, Pelapor Khas mengenai Hak Asasi Manusia Migran, dan Pelapor Khas mengenai Hak Asasi Manusia Orang Kurang Upaya.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penglibatan Malaysia dalam isu-isu hak asasi manusia juga melibatkan mekanisme antarabangsa seperti Pemegang Mandat Prosedur Khas PBB. Setakat ini, Malaysia telah menerima lawatan daripada 7 Pelapor Khas iaitu:-

- (i) Pelapor Khas mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Kebebasan Pendapat dan Bersuara (*Special Rapporteur on the promotion and protection of the right to freedom of opinion and expression*) pada tahun 1998;
- (ii) Pakar bebas mengenai Hak untuk Pembangunan (*Independent Expert on the right to development*) pada tahun 2001;
- (iii) Pelapor Khas Mengenai Hak Kepada Pelajaran (*Special Rapporteur on the Right to Education – SR Education*) pada tahun 2007;
- (iv) Kumpulan Kerja Mengenai Penahanan Arbitrari atau Sewenang-wenangnya (*Working Group on Arbitrary Detention – WGAD*) pada 2010;
- (v) Pelapor Khas Mengenai Hak Kepada Makanan (*Special Rapporteur on the Right to Food – SR Food*) pada tahun 2013;
- (vi) Pelapor Khas Mengenai Hak untuk Menikmati Taraf Tertinggi yang Tercapai Bagi Kesihatan Fizikal dan Mental (*Special Rapporteur on the Highest Attainable Standard of Mental and Physical Health – SR Right to Health*) pada tahun 2014; dan
- (vii) Pelapor Khas bagi Pmerdagangan Manusia, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak (*Special Rapporteur on Trafficking in Persons, especially Women and Children – SR TiP*) pada tahun 2015.

Lawatan daripada Pelapor-Pelapor Khas PBB tersebut telah dimanfaatkan sebaiknya oleh Malaysia untuk bertukar-tukar fikiran dan berdialog secara positif dan konstruktif dalam usaha berterusan Kerajaan untuk memelihara serta mempromosi hak asasi manusia, baik di peringkat domestik, serantau atau antarabangsa.

Selain itu, kerjasama Malaysia dengan Pelapor-Pelapor Khas PBB ini menunjukkan Malaysia menekankan kepentingan untuk berbincang dan berdialog dengan mekanisme hak asasi manusia PBB bagi meningkatkan lagi usaha untuk mempromosi dan melindungi hak-hak asasi manusia di Malaysia. Kerajaan memandang serius ke arah memenuhi komitmen dan tanggungjawabnya sebagai anggota komuniti antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan akan terus melibatkan diri secara membina dengan Pelapor-Pelapor Khas mengenai lawatan-lawatan mereka pada masa akan datang.

### **3. RESOLUSI PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI NHRI**

Resolusi UNGA mengenai NHRI tahun ini, yang telah diterima pakai tanpa undi, mendapat sokongan yang lebih meluas daripada Negara Anggota PBB berbanding dengan resolusi pada tahun 2013, dengan sejumlah 90 negara penaja bersama dari seluruh dunia. Walaupun Suruhanjaya gembira dengan sokongan memberangsangkan yang telah diterima oleh resolusi UNGA tersebut, Suruhanjaya kesal kerana Malaysia sekali lagi memutuskan untuk tidak menaja bersama resolusi tersebut meskipun Suruhanjaya telah berulang kali menyeru agar Kerajaan berbuat demikian. Suruhanjaya memperakui bahawa dengan meyeritai konsensus dalam menerima pakai Resolusi tersebut, Malaysia secara tidak langsung telah menyokong Resolusi tersebut. Namun demikian, Suruhanjaya berpandangan bahawa penajaan bersama Resolusi tersebut adalah pendirian yang lebih baik bagi Malaysia, selaku sebuah negara di mana sebuah NHRI telah beroperasi selama lebih sedekad. Penajaan bersama Resolusi tersebut akan mempamerkan pengiktirafan padu Kerajaan terhadap pentingnya NHRI dalam menegakkan hak asasi manusia. Penajaan bersama Malaysia juga akan mengukuhkan Resolusi tersebut dan ini amat penting untuk mencapai hak penyertaan bebas bagi NHRI dalam semua mekanisme PBB yang berkaitan. NHRI merupakan badan bebas yang mempunyai keupayaan tersendiri untuk memberikan perspektif yang neutral dan juga penilaian berasaskan bukti mengenai keadaan hak asasi manusia yang dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu, NHRI mempunyai kedudukan yang baik untuk memberikan maklumat yang berharga kepada PBB, dan ini amat penting

untuk menjana perbincangan yang bermakna mengenai hal-hal hak asasi manusia di forum-forum PBB. Suruhanjaya amat berharap agar Kerajaan Malaysia akan mengkaji semula pendiriannya dalam hal ini dan menaja bersama resolusi PBB yang berkaitan pada masa hadapan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum bahawa sebagai institusi hak asasi manusia kebangsaan, SUHAKAM mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha mempromosi serta melindungi hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, sebagai ahli rangkaian Forum Asia Pasifik bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) dan NHRI yang diiktiraf sebagai bertaraf 'A' oleh Jawatankuasa Penyelarasan Antarabangsa bagi *Paris Principles and the Statute (International Coordinating Committee, ICC)*, SUHAKAM juga aktif di peringkat antarabangsa termasuk melalui mekanisme-mekanisme PBB.

Kerajaan juga mengambil maklum bahawa SUHAKAM memohon pihak Kerajaan untuk mengkaji semula pendiriannya mengenai penajaan bersama terhadap resolusi-resolusi PBB berkaitan NHRI pada masa akan datang.

Dimaklumkan bahawa resolusi tersebut merupakan resolusi berulang dan ia telah mendapat sokongan sejagat daripada negara-negara anggota. Resolusi ini juga telah diterima pakai tanpa undi dengan sokongan sebulat suara (*adopted by consensus*). Walau bagaimanapun, sejumlah 103 negara anggota termasuk Malaysia, iaitu majoriti daripada jumlah keseluruhan 193 anggota negara PBB tidak menaja bersama resolusi ini. Walaupun Malaysia tidak menaja bersama resolusi ini, ia tidak bermaksud kerajaan tidak bersetuju dengan resolusi tersebut. Dalam mempertimbangkan penajaan bersama sesuatu draf resolusi yang akan dibentangkan, sesetengah negara akan mengkaji secara menyeluruh serta meneliti kesemua elemen yang terkandung di dalam draf resolusi berkenaan. Kajian ini adalah perlu mengambil kira komitmen, kesesuaian, dasar serta undang-undang sedia ada. Dalam hal ini, pandangan serta saranan yang diberikan oleh SUHAKAM mengenai perkara di atas akan dibincangkan dengan agensi-agensi berkaitan.

## 5. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Suruhanjaya dengan sukacita mengambil maklum bahawa, berdasarkan pembentangan yang disampaikan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN), Kerajaan telah mewujudkan satu pelan tindakan susulan UPR. Menurut

KLN, pelan tindakan tersebut melibatkan perbincangan berkelompok yang akan memberi tumpuan kepada kategori-kategori syor UPR yang berlainan serta rujukan bersama CSO. Tindakan-tindakan yang dirancang itu adalah selaras dengan cadangan yang muncul semasa sesi taklimat UPR yang dianjurkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2014. Suruhanjaya melihat pelan tindakan ini sebagai satu langkah yang baik ke arah memastikan proses susulan UPR yang lebih inklusif dan telus. Suruhanjaya berharap agar pelan tindakan tersebut akan dilaksanakan sewajarnya. Antara cadangan yang telah diterima semasa sesi rujukan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Agar Kerajaan menyerahkan laporan separuh penggal kepada Majlis Hak Asasi Manusia;
- (ii) Agar Kerajaan menterjemahkan maklumat mengenai UPR Malaysia ke bahasa kebangsaan untuk meningkatkan kesedaran tentang UPR di kalangan orang awam;
- (iii) Agar Kerajaan, apabila berunding dengan pihak berkepentingan, melibatkan pelbagai CSO, termasuk badan-badan keagamaan;
- (iv) Agar CSO memainkan peranan yang lebih proaktif dalam proses UPR dengan meningkatkan keterlibatan dengan Kerajaan serta memberikan input kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan; dan
- (v) Agar CSO menjemput agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengambil bahagian dalam acara dan program mereka.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui KLN selaku penyelaras bagi proses UPR Malaysia telah membentangkan pelan tindakan UPR semasa sesi rundingan SUHAKAM pada 15 Disember 2015 di Kuala Lumpur, yang turut merangkumi perancangan untuk mengadakan sesi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan. Seperti yang telah dimaklumkan dalam sesi rundingan tersebut, rundingan masih berlangsung dengan agensi-agensi berkenaan bagi mendapatkan status dan cadangan masing-masing terhadap syor-syor UPR. Oleh itu, pada peringkat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan laporan separuh penggal untuk diserahkan kepada Majlis Hak Asasi Manusia. Penyediaan laporan separuh penggal ini juga bukan sesuatu yang diwajibkan kepada negara-negara anggota yang mana hanya 17 negara anggota telah menyerahkan laporan separuh penggal bagi kitaran UPR kedua.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada input daripada agensi-agensi mengenai status dan cadangan mengenai syor-syor UPR, penilaian dalaman mengenai

pelaksanaan syor-syor tersebut sedang disediakan. Kerajaan juga berpandangan bahawa syor untuk menyerahkan laporan separuh penggal merupakan satu cadangan yang baik dan ia boleh dipertimbangkan dalam kitaran UPR Malaysia seterusnya. Bagi cadangan untuk menterjemahkan maklumat mengenai UPR dalam bahasa Kebangsaan, Kerajaan sedang dalam proses menterjemahkan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Kerajaan mengalu-alukan pandangan daripada CSO termasuk badan-badan agama dan juga bersedia untuk bekerjasama dengan CSO dalam memastikan proses UPR ini dapat dilaksanakan secara berkesan agar ianya dapat mencapai objektif mekanisme UPR, ke arah menjamin kenikmatan hak asasi manusia oleh seluruh rakyat Malaysia.

## **7. FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN ASIA TENGGARA (SEANF)**

Suruhanjaya selaku Pengerusi SEANF juga pada tahun ini telah menyerahkan Kertas Cadangan mengenai Kajian Semula Terma Rujukan (TOR) Suruhanjaya ASEAN mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Wanita serta Kanak-Kanak (ACWC) serta Kertas Cadangan tentang Kajian Semula TOR Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR). Salah satu daripada syor-syor yang dikemukakan dalam kedua-dua kertas cadangan tersebut adalah supaya kedua-dua badan hak asasi manusia ASEAN tersebut diperkasakan dan diberikan mandat untuk menerima dan menyiasat aduan tentang dakwaan pelanggaran hak asasi manusia terutamanya yang melibatkan isu-isu rentas sempadan dan melibatkan lebih daripada satu Negara Anggota. Suruhanjaya masih belum lagi menerima sebarang perkembangan mengenai kajian semula kedua-dua TOR tersebut dan berharap agar wakil-wakil Malaysia ke ACWC dan AICHR akan menggesa agar syor-syor yang terkandung dalam Kertas Cadangan SEANF diterima pakai.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum akan Kertas Cadangan mengenai Kajian Semula Terma Rujukan (TOR) Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) yang telah dikemukakan oleh SEANF dan menghargai cadangan-cadangan membina yang telah diberikan. "Penilaian dan Syor-Syor mengenai Kajian Semula Terma Rujukan AICHR" telah dipanjangkan oleh AICHR kepada para Menteri Luar Negeri ASEAN semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN (AMM) ke-48 di Kuala Lumpur pada Ogos 2015. AMM telah mengambil maklum berkenaan syor-syor tersebut.



Selanjutnya, dalam Mesyuarat AICHR ke-21 di Jakarta pada 5-9 April 2016, perkara berkenaan kajian semula TOR telah dibangkitkan. Wakil Malaysia ke AICHR telah mengemukakan pendapatnya bahawa walaupun syor-syor untuk mengkaji semula TOR telah dibuat, mandat dan fungsi AICHR dalam TOR dapat merangkumi aktiviti-aktiviti hak asasi manusia secara holistik jika terma-terma TOR diberikan interpretasi yang luas.

Malaysia sentiasa mengamalkan sikap terbuka dalam usaha AICHR sebagai salah satu badan Piagam ASEAN untuk memperkukuhkan mandat dan fungsinya seperti yang tertakluk di dalam TOR tersebut. Dalam hal ini, Malaysia menyokong penambahbaikan mandat dan fungsi AICHR dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah institusi hak asasi manusia di rantau ASEAN menurut TOR and peraturan-peraturan AICHR berkaitan.

Tambahan kepada itu, cadangan semakan semula TOR ACWC telah bermula semasa *ACWC Special Meeting* di Jakarta pada Ogos 2015. Cadangan meliputi pindaan peruntukan mengenai proses pemilihan serta tempoh perkhidmatan wakil ACWC, terma Pengerusi dan Naib Pengerusi ACWC, kaedah pelaporan dan kajian semula Pelan Tindakan serta TOR ACWC. Pada masa ini cadangan semakan semula TOR ACWC sedang diedarkan untuk pertimbangan dan persetujuan Menteri-Menteri *ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development* (AMMSWD). Walau bagaimanapun, cadangan semakan semula ini tidak melibatkan syor daripada Kertas Cadangan SEANF tersebut.

## **8. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)**

Suruhanjaya telah menyerahkan satu Kertas Cadangan kepada Kerajaan Malaysia pada bulan Mac, yang menggariskan pelbagai syor mengenai isu-isu hak asasi manusia untuk pertimbangan ASEAN dalam merumuskan Visi Pasca-2015 dan dokumen-dokumen sampingannya. Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum dan menghargai penerimaan beberapa syornya, namun ia kecewa kerana peranan NHRI tidak disebut dalam dokumen tersebut.

Pada bulan April, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan wakil Malaysia untuk membincangkan usaha kerjasama antara kedua-dua pihak. Hasilnya, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalankan beberapa aktiviti usahasama termasuk penganjuran dua acara, iaitu Simposium AICHR mengenai Badan Kehakiman, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia serta Bengkel AICHR mengenai Peranan Belia dalam Mempromosikan Hak Asasi Manusia.

“Bengkel Serantau AICHR mengenai Peranan Belia dalam Mempromosikan Hak Asasi Manusia di ASEAN: Ke Arah Menjadikan Hak Asasi Satu Realiti” telah dianjurkan bersama oleh Kementerian Luar Negeri, Suruhanjaya, dan Institut Asia-Eropah Universiti Malaya serta rakan kongsi yang lain termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global, Pusat Kerantauan ASEAN Universiti Malaya dan Akademi Belia Malaysia...Hasil daripada sesi berkumpulan tersebut adalah penyerahan kertas cadangan daripada peserta-peserta kepada AICHR, di mana kertas tersebut mengandungi syor-syor bagaimana AICHR boleh menangani pelbagai isu hak asasi manusia di rantau ASEAN seperti perniagaan dan hak asasi manusia, pemerdagangan orang, serta kesihatan reproduktif dan hak asasi manusia. Malangnya, Simposium AICHR mengenai Badan Kehakiman, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia terpaksa ditangguhkan berikutan situasi jerebu yang teruk melanda Malaysia.

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa AICHR telah menerima pakai pelan kerja lima tahunnya bagi tempoh 2016-2020, yang merangkumi penyelidikan berkenaan isu-isu tematik hak asasi manusia seperti migrasi, pemerdagangan orang, hak kepada kesihatan, hak kepada pendidikan, hak kepada kehidupan, dan hak kepada keamanan yang mana kesemuanya, pada pendapat Suruhanjaya, sangat relevan dengan konteks rantau ini. Suruhanjaya berharap agar penyelidikan tersebut akan dijalankan dengan melibatkan rundingan bersama NHRI yang sedia ada di negara-negara ASEAN serta NGO, dan hasil dapatan akan disebarikan kepada orang awam. Di samping itu, Suruhanjaya mengalu-alukan pelbagai bengkel dan persidangan yang dianjurkan oleh AICHR, yang lazimnya dibuka kepada NHRI dan NGO. Suruhanjaya menyeru agar AICHR meningkatkan lagi usaha sebegitu pada tahun-tahun yang akan datang.

ASEAN dan badan-badannya seharusnya menumpukan lebih banyak usaha untuk berunding dengan pihak berkepentingan supaya isu-isu yang dekat di hati masyarakat akan diberikan perhatian yang lebih serius. Hal ini penting demi memastikan ASEAN relevan dengan penduduk Asia Tenggara dan tidak dianggap satu konsep yang mendapat sambutan oleh Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ASEAN semata-mata.

Suruhanjaya berharap, dengan kemunculan Komuniti ASEAN, hak asasi manusia menjadi salah satu perkara utama dalam misi dan visi ASEAN, dan tidak terpinggir dalam agenda ASEAN. Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan Malaysia, sebagai salah satu negara anggota ASEAN yang dihormati, memainkan peranan yang penting ke arah mencapai matlamat ini.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan amat menghargai kesediaan dan kerjasama yang sentiasa diberikan oleh SUHAKAM dalam usaha Kerajaan menggalak dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi di negara dan juga di rantau ASEAN. Dalam hal ini, Kerajaan sangat berbesar hati kerana SUHAKAM telah bersetuju untuk menjadi rakan penganjur bagi beberapa program yang telah dianjurkan melalui AICHR Malaysia, terutamanya bagi dua Program Keutamaan AICHR bagi tahun 2015, iaitu:

- (i) Bengkel Serantau AICHR mengenai Peranan Belia dalam Mempromosikan Hak Asasi Manusia di ASEAN: Ke Arah Menjadikan Hak Asasi Satu Realiti; dan
- (ii) Simposium Pertama AICHR mengenai Badan Kehakiman, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia.

Simposium Pertama AICHR mengenai Badan Kehakiman, Kedaulatan Undang-undang dan Hak Asasi Manusia telah ditunda ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama kepada AICHR dalam usaha AICHR menggalak dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN, khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pengukuhan Komuniti ASEAN yang berpaksi dan berorientasikan rakyat.

Dalam menjayakan aspirasi menghasilkan sebuah Komuniti ASEAN yang berpaksikan rakyat, Kerajaan bersetuju dengan SUHAKAM mengenai peri pentingnya memperkemas hubungan ASEAN dengan pihak-pihak berkepentingan, termasuk NHRI, NGO dan orang awam terutamanya dalam isu-isu berkaitan hak asasi manusia di rantau Asia Tenggara. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia menyokong penuh fungsi dan mandat yang telah dipertanggungjawabkan kepada AICHR untuk menggalak dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN.

## **II. BAHAGIAN PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM**

### **10. HAL EHWAL PARLIMEN**

Suruhanjaya telah melaksanakan usaha-usaha ke arah penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen sebagai langkah sementara ke arah perbahasan penuh Parlimen mengenai laporan tahunan Suruhanjaya dan semua isu hak asasi manusia. Dengan sukacita Suruhanjaya telah

memerhatikan terdapat sebilangan Ahli Parlimen yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Suruhanjaya semasa persidangan Dewan Rakyat pada tahun ini. Antara soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan Parlimen adalah yang berhubung dengan:

- (i) Rundingan Kerajaan dengan Suruhanjaya semasa menggubal undang-undang baru;
- (ii) Usaha Kerajaan untuk mengukuhkan dan memperkasakan Suruhanjaya;
- (iii) Bilangan laporan tahunan Suruhanjaya yang telah dibentang dan dibahaskan di Parlimen dan tindakan susulan selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan; dan
- (iv) Pengurangan bajet Suruhanjaya.

Suruhanjaya berharap untuk melihat lebih ramai Ahli Parlimen membangkitkan dan membahaskan isu-isu berkaitan hak asasi manusia dan prestasi Suruhanjaya di masa akan datang. Walaupun tidak ada sesi khusus mengenai hak asasi manusia, Ahli Parlimen perlu berusaha untuk menjadikan hak asasi manusia sebagai salah satu topik yang penting dalam sesi perbahasan Parlimen.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melihat bahawa cadangan supaya galakan diberikan kepada Ahli Parlimen untuk membahaskan isu-isu hak asasi manusia adalah satu langkah yang progresif memandangkan kesemua isu yang dibangkitkan berkait dengan polisi dan dasar Kerajaan.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga meneliti semua isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM dan menyediakan Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM untuk memaklumkan serta memberi penjelasan secara bertulis mengenai tindakan-tindakan penyelesaian serta inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan hak asasi rakyat di negara ini adalah terjamin dan terpelihara. Penyediaan buku ini dilakukan setiap tahun dengan mengumpulkan maklum balas-maklum balas daripada pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan dengan isu hak asasi manusia yang dibangkitkan dan berada dalam bidang kuasa masing-masing untuk diambil tindakan. Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan kemudiannya akan diedarkan di Parlimen pada setiap tahun untuk makluman Ahli-ahli Parlimen.

## 11. KETERLIBATAN BERSAMA BADAN AGAMA ISLAM

Antara isu-isu utama yang dibincangkan semasa PMB tersebut adalah kekurangan kemudahan yang senang diakses dan mesra OKU di masjid-masjid, kekurangan penyelenggaraan terhadap kemudahan sedia ada, sikap negatif di kalangan orang ramai terhadap OKU, kurangnya kesedaran awam dan sokongan terhadap OKU dan keluarga mereka, serta kurangnya penglibatan OKU dalam aktiviti dan pentadbiran di masjid.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dalam aspek kemudahan yang senang diakses dan mesra OKU di masjid-masjid, kekurangan penyelenggaraan terhadap kemudahan sedia ada serta kurangnya penglibatan OKU dalam aktiviti dan pentadbiran di masjid, ia tertakluk kepada polisi di setiap negeri berkenaan premis masjid. Dasar mengenai pengurusan dan premis masjid terletak di bawah bidang kuasa Negeri. Walau bagaimanapun, di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya terdapat jawatankuasa Rekabentuk Sejagat dan Alam Bina yang bertanggungjawab melihat kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan yang perlu mematuhi standard *Universal Design*. Jawatankuasa ini diurusetikan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), JKM iaitu pihak yang berkeperluan boleh berbincang dengan JPOKU dalam Jawatankuasa ini bagi melihat keperluan audit akses di premis-premis masjid.

Mengenai usaha mengurangkan sikap negatif dalam kalangan orang ramai terhadap OKU serta meningkatkan kesedaran awam dan sokongan terhadap OKU dan keluarga mereka, pihak Majlis Dakwah Negara (MDN) yang dianggotai oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YaDIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah bersetuju mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (i) mengadakan Seminar Kefahaman Masjid Mesra OKU di negeri-negeri yang melibatkan pelbagai agensi Persekutuan dan negeri seperti JKR dan badan-badan yang bertanggungjawab dengan pembinaan serta wakil-wakil NGO dan Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri-Negeri;
- (ii) mengadakan / mewujudkan Instrumen Standard Pembinaan Masjid Mesra OKU;

- (iii) menjalankan Kajian Rintis di beberapa buah masjid sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor; dan
- (iv) mengadakan Standard Masjid Mesra OKU yang memfokuskan kepada kemudahan kepada golongan OKU.

#### **IV. BAHAGIAN LATIHAN**

##### **1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA**

###### **(b) Sekolah Kanak-Kanak Orang Asli (OA)**

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa pengagihan KWAPM tetap menjadi masalah tahunan sejak sembilan tahun yang lalu. Kelihatannya seperti terdapat masalah koordinasi antara agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KPM, sekolah yang terlibat, dan para ibu bapa. Ini telah mengakibatkan banyak aduan daripada ibu bapa. Suruhanjaya masih menerima aduan tentang kelewatan pembayaran wang bantuan kepada para murid pada tahun 2015. Suruhanjaya tetap berpendapat yang ianya adalah sangat penting untuk memastikan bantuan diedarkan pada awal tahun kerana ia amat diperlukan pada waktu tersebut.

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pengagihan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dilaksanakan oleh Kerajaan melalui KPM. Pengesahan status senarai yang diterima daripada KPM berhubung kelayakan penerimaan KWAPM dibuat berdasarkan kriteria golongan miskin dan miskin tegar mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional. Selain itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, Sistem Maklumat Orang Asli (eDAMAK) sedang dinaik taraf kepada Sistem Pengurusan Maklumat Orang Asli (SPMOA) dan dijangka dapat digunakan pada tahun 2017. Penambakan sistem ini diharap dapat mengurangkan masalah yang dihadapi.

Suruhanjaya telah memerhatikan, dan juga menerima banyak aduan daripada ibubapa dan sekolah yang menyatakan bahawa pakaian sekolah yang diedarkan oleh JAKOA adalah rendah kualitasnya dan juga lewat diedarkan. Perkara ini merupakan satu masalah yang sudah berterusan sejak beberapa lama. Sama ada pakaian sekolah

tersebut lewat diedarkan kepada para murid, menyebabkan ibu bapa perlu membeli sendiri pakaian seragam anak-anak oleh kerana penggal persekolahan telah bermula, atau pun pakaian yang diedarkan itu terlalu besar saiznya. Pada pandangan Suruhanjaya, pakaian seragam yang terlalu besar adalah berbahaya kepada kanak-kanak kerana ia mengekang pergerakan, selain menyusahkan dan tidak selesa.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Perolehan pakaian seragam sekolah dilaksanakan oleh peringkat Negeri dengan maklumat saiz pakaian diperolehi daripada pihak sekolah melalui ukuran badan pelajar sendiri. Kelewatan penerimaan pakaian seragam berlaku kerana pembelian dibuat menggunakan peruntukan sedia ada pada tahun semasa.

Suruhanjaya mengiktiraf penubuhan unit khas di bawah JAKOA untuk menyelia isu-isu berkaitan pendidikan anak-anak OA. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat unit ini perlu bekerjasama dengan agensi-agensi luar yang berkepentingan demi perkongsian informasi dan amalan terbaik, serta mengelakkan dari masalah berulang.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Di peringkat tertinggi, isu pendidikan merupakan salah satu isu utama yang dibincangkan menerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Mesyuarat ini terdiri daripada organisasi, individu dan ketua-ketua setiausaha serta jabatan dari agensi Kerajaan yang berkaitan. JAKOA dan KPM turut melaksanakan penyelarasan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Peningkatan Pendidikan Orang Asli yang dipengerusikan bersama oleh KP JAKOA dan KP Pendidikan Malaysia. Di peringkat jawatankuasa kerja, Bahagian Modal Insan dan Kebajikan JAKOA sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Sekolah Harian, KPM dan agensi-agensi luar yang berkepentingan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Suruhanjaya berpendapat bahawa KPM perlu mempertimbangkan secara serius pengajaran dan pembelajaran bahasa dan pengetahuan Orang Asal seperti yang terkandung dalam Artikel 14 dan Artikel 15 UNDRIP. Suruhanjaya berpendapat KPM boleh menggunakan strategi

yang terpakai dalam pengajaran bahasa ibunda (POL) di sekolah aliran perdana bagi melaksanakan tujuan ini. Suruhanjaya juga mengesyorkan JAKOA dan KPM mempertimbangkan secara serius penubuhan sekolah komuniti di penempatan di mana tidak terdapat sekolah. Merujuk kepada laporan JAKOA kepada SURUHANJAYA pada tahun 2012, terdapat 20 penempatan yang memerlukan sekolah. Sekolah-sekolah ini boleh memperkenalkan kemahiran membaca dan mengira di samping mengajar seni dan budaya OA termasuklah bahasa yang digunakan di penempatan tersebut.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM telah menggubal Kurikulum Asli dan Penan (KAP) berasaskan kepada kerangka dan prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) supaya murid-murid mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka. Penggubalan KAP adalah bertujuan untuk melahirkan murid-murid masyarakat orang Asli dan Penan yang berpengetahuan, berkemahiran, berakhlak mulia, mencintai alam persekolahan dan sosio-budaya mereka serta dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran.

KAP menggunakan pendekatan *Minimum Adequate Syllabus* (MAS) dan pengubahsuaian kurikulum daripada segi skop dan kedalaman kandungan, kemahiran dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira keperluan, pengalaman, persekitaran dan sosiobudaya murid-murid Orang Asli serta menerapkan perspektif peribumi dalam modul. KSSR turut menawarkan pengajaran dan pembelajaran 3 bahasa peribumi iaitu Bahasa Iban (Sarawak), Bahasa Kadazandusun (Sabah) dan Bahasa Semai (Perak dan Pahang).

Selanjutnya, KPM telah menyediakan akses kepada pendidikan melalui pembinaan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 Tahun (K9) dimana murid-murid sekolah rendah akan meneruskan persekolahan mereka sehingga tingkatan 3 di sekolah yang sama. Sekolah-sekolah ini juga disediakan dengan kemudahan asrama bagi menangani masalah logistik murid-murid orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil.

Suruhanjaya memperakui usaha KPM dalam menyediakan asrama untuk para murid yang tinggal jauh di pedalaman di mana terdapat isu pengangkutan. Namun, dalam masa yang sama mereka juga perlu mengambil kira kewajipan mereka ke atas kebajikan dan kesejahteraan anak-anak kecil ini, terutamanya yang berusia dari tujuh hingga dua



belas tahun. Tujuh orang kanak-kanak telah hilang semasa di bawah jagaan asrama KPM di SK Tohoi, Gua Musang. Ini merupakan salah satu punca mengapa Suruhanjaya, dalam Laporan Tahunannya sejak tahun 2012, telah menasihati Kerajaan agar tidak menempatkan kanak-kanak di asrama, sebaliknya mengekalkan mereka di bawah jagaan ibu bapa masing-masing. Suruhanjaya juga telah mencadangkan agar KPM menubuhkan sekurang-kurangnya Sekolah Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3) di penempatan berkelompok yang lebih kecil, seperti yang telah dilakukan dalam tahun '90an. Ini membolehkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka setiap hari, sama ada secara sendiri atau menggunakan kemudahan pengangkutan yang dikelolakan dengan kerjasama JAKOA di dalam penempatan berkelompok tersebut. Satu lagi isu yang mustahak adalah bagi JAKOA untuk memastikan jalan-jalan yang selamat dan boleh digunakan dalam setiap penempatan berkelompok.

Suruhanjaya juga mendapati banyak sekolah dan asrama yang dilawati memerlukan kemudahan asas dan keperluan yang lebih baik. Ada asrama yang tidak mempunyai bekalan air, ada juga yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang sepatutnya.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kebajikan dan kesejahteraan anak-anak kecil yang menghuni asrama merupakan keutamaan Kerajaan. Kerajaan telah menyediakan staf dan kakitangan yang bertugas dalam memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan murid yang tinggal di asrama. Antaranya adalah dengan melantik Pembantu Pengurusan Murid (PPM) yang bertanggungjawab untuk mengawasi murid dari bangun tidur sehingga masuk tidur di sebelah malam. Bidang tugasnya juga termasuk membantu dan mendidik murid asrama dalam hal-hal pengurusan diri dan sahsiah. Melantik Penyelia Asrama untuk menguruskan kebajikan dan keperluan murid seperti makanan dan pemakanan, tempat tidur dan persekitaran asrama serta kemudahan-kemudahan lain di asrama. Melantik Warden Asrama (24 jam) untuk memastikan keselamatan murid dan bertanggungjawab menggantikan peranan ibu bapa di asrama. Beliau juga turut berperanan merancang program dan aktiviti di asrama berkaitan akademik, sahsiah, disiplin dan kokurikulum.

Selain itu, Unit Asrama, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM juga ditubuhkan untuk berperanan dalam menyelaras pengoperasian asrama berkaitan murid, termasuklah dari segi kebajikan, keselamatan, pembangunan sahsiah, aktiviti dan program.

Sebagai memenuhi keperluan dalam menyediakan jalan-jalan yang selamat dan boleh digunakan dalam setiap penempatan berkelompok bagi membolehkan kanak-kanak ke sekolah, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khusus untuk tujuan ini dan telah mengambil tindakan untuk membina laluan-laluan khusus untuk murid-murid orang asli untuk melanjutkan persekolahan. Sebagai contoh, penyediaan laluan untuk murid-murid orang asli di sekolah K9 untuk melanjutkan persekolahan Tingkatan 4 ke SMK Sungai Koyan.

Pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan melalui JAKOA dan KPM untuk memberi motivasi dan perangsang kepada masyarakat dan pelajar orang asli untuk terus belajar dan hadir ke sekolah. Antara inisiatif oleh pihak sekolah adalah mengadakan sesi motivasi pelajar bersama ibubapa, kelonggaran untuk pelajar hadir ke sekolah walaupun lewat, melantik pengusaha van sekolah yang menguruskan pengangkutan pelajar Orang Asli ke sekolah dan mengambil inisiatif mengetuk pintu rumah pelajar. Selain itu, tabika dan sekolah turut disediakan berdekatan dengan kampung, mesyuarat di antara JAKOA Daerah, sekolah dan orang kampung secara berkala juga turut dibuat dan seteryusnya menyediakan pakaian sekolah kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Pelbagai cara telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memberi kesedaran dan mengubah minda mereka.

Kerajaan komited dalam memastikan perkampungan Orang Asli dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 720 perkampungan Orang Asli telah dilengkapi dengan kemudahan jalan. Manakala baki 133 kampung, telah dikenal pasti dan dilaksanakan secara berperingkat setiap tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Suruhanjaya juga menerima aduan daripada guru-guru dan ibu bapa bahawa KPM telah menghentikan penggunaan kurikulum alternatif iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli/ Penan (KAP), untuk sekolah-sekolah terpilih yang berhadapan dengan masalah kehadiran murid dan penguasaan kemahiran 3R. Ramai guru yang ditemuramah merasakan bahawa kurikulum ini patut diteruskan kerana ia berbentuk modular dan membolehkan murid-murid belajar pada kadar kemampuan mereka sendiri. Suruhanjaya sangat mengesyorkan agar KPM menimbang semula keputusan untuk menghentikan kurikulum alternatif ini. Malah, KPM boleh mengguna pakai kurikulum alternatif ini untuk menerapkan prinsip-prinsip Artikel 12, 13, 14 dan 15 UNDRIP.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kurikulum Asli Penan (KAP) diadakan bertujuan untuk meningkatkan Kemahiran membaca, menulis dan mengira dan mengatasi masalah ketidakhadiran murid ke sekolah. Pada 2007, kurikulum KAP telah dilaksanakan di 14 sekolah Orang Asli dan 6 Penan serta peluasan pada 2013 di 30 sekolah sekolah Orang Asli dan 6 Penan yang berada di band 6 dan 7. Sekolah yang telah berjaya menduduki band yang baik (band 1-5) tidak lagi mengikuti kurikulum KAP kerana telah berjaya dan berusaha meningkatkan pencapaian murid setanding murid arus perdana.

### (c) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Beberapa isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pentadbiran, yang mana Suruhanjaya berpendapat bahawa ia boleh diselesaikan tanpa perlu mengubah mana-mana dasar sedia ada. Contohnya keadaan yang sesak serta kemudahan yang usang di asrama. Kemudahan yang tidak mencukupi seperti tandas dan bilik mandi menyebabkan murid perlu bangun seawal jam 4:00 pagi untuk menggunakan kemudahan tersebut. Kemudahan yang lain amat perlu dinaiktaraf, seperti kantin sekolah, alat bantuan mengajar, kemudahan IT, bilik rehat guru, dan bantuan buku teks, terutamanya di sekolah-sekolah berbentuk sekolah agama bukan Kerajaan (SABK). Guru-guru juga memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa mereka sering tidak diberikan peluang untuk menghadiri program pembangunan profesional atau program latihan yang dianjurkan oleh KPM. Ini akan meluaskan lagi jurang pengetahuan dan maklumat di antara guru-guru ini dengan guru-guru sekolah aliran perdana.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semua guru KPM dijaga kebajikan mereka melalui skim perkhidmatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala kebajikan guru-guru yang berkhidmat di sekolah SAR merupakan tanggungjawab JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri.

Kerajaan turut melaksanakan Program Pembangunan Professional bagi guru-guru KPM yang mengajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun 2015 secara *school based* dengan menggunakan peruntukan sedia ada secara optimum. Mengikut rekod dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM),

seramai 7529 orang guru daripada 7792 orang guru di SABK (96.62%) telah berjaya melengkapkan latihan mereka sekurang-kurangnya 7 hari setahun. Baki sejumlah 263 orang guru (3.38%) tidak memenuhi keperluan latihan 7 hari setahun pada tahun tersebut. Manakala pelaksanaan Program Pembangunan Profesional guru-guru SAR merupakan tanggungjawab sekolah dan Pihak Berkuasa Agama Negeri.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah melaporkan bahawa para pelajar yang bersekolah di SABK perlu membeli sendiri buku teks dan perlu membayar yuran peperiksaan awam walaupun kedua-dua ini boleh didapatkan secara percuma di bawah polisi Kerajaan. Suruhanjaya berpendapat bahawa bantuan yang diberikan kepada sekolah Kerajaan perlu diberikan juga kepada SABK, tanpa mengambil kira status sekolah-sekolah tersebut.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Semua murid yang belajar di sekolah Kerajaan, sekolah bantuan Kerajaan, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang berdaftar dengan Majlis / Jabatan / Yayasan Agama Islam Negeri layak menerima buku teks di bawah program bantuan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

**BAB**

**3**

**LAPORAN PEJABAT SABAH**

## **BAB 3 : LAPORAN PEJABAT SABAH**

**muka  
surat**

- › 145 ›            **1. Penyelesaian Aduan**
  - (a) Dokumen Pengenalan Diri
  - (b) Tanah
- › 148
- › 151            **3. Pemantauan Perhimpunan Aman**
- › 151            **6. Aktiviti Lain**
  - (a) Dialog bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Menurut prosedur lazim bagi pengendalian aduan, surat akan dihantar ke jabatan Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan yang tepat; sebagai contoh, mendapatkan maklumat tentang status tanah yang menjadi pokok pertikaian. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan hasil dapatan yang diperolehi dan keputusan yang dibuatnya. Suruhanjaya hanya akan memberi syor-syor kepada pihak yang berkaitan.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa bersedia melaksanakan setiap syor yang diketengahkan oleh SUHAKAM kepada pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan setiap syor berkenaan tertakluk kepada kemampuan serta keupayaan di pihak Kerajaan selain perlu berasaskan kepada peruntukan perundangan berkaitan hak asasi manusia sedia ada. Kerajaan Negeri Sabah akan terus menjalinkan kerjasama erat untuk membantu SUHAKAM menyiasat, menangani, memaju dan melindungi hak asasi manusia di Negeri Sabah.

Suruhanjaya kerap kali disalah tafsir sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) ataupun suatu agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ada juga yang menganggap bahawa Suruhanjaya adalah sebuah badan pro-Kerajaan, pro-pembangkang, ataupun pro-NGO. Suruhanjaya akan tetap meneruskan usahanya untuk menyampaikan maklumat yang betul, iaitu ia merupakan pihak neutral dalam isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Penubuhan SUHAKAM oleh Kerajaan telah memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan isi hati mereka yang menjadi asas kepada hak asasi manusia. Kerajaan akan terus menyokong dan berganding bahu membantu segala usaha SUHAKAM dalam memberikan penerangan dan penjelasan tentang fungsi dan peranannya yang sebenar.

### **1. PENYELESAIAN ADUAN**

#### **(a) Dokumen Pengenalan Diri**

Melalui Sistem e-Aduan yang diperkenalkan oleh SUHAKAM, jenis aduan terbanyak yang diterima Pejabat Sabah adalah berkenaan

dengan isu sijil lahir, terutamanya daripada masyarakat yang menginap di pedalaman Sabah. Setiap kanak-kanak seharusnya didaftarkan selepas kelahiran bagi membolehkan kewujudan kanak-kanak itu diiktiraf dan sah di sisi undang-undang negara. Pendaftaran lewat boleh menjejaskan peluang pendidikan kanak-kanak tersebut apabila mereka mula bersekolah.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pendaftaran kelahiran ini adalah berdasarkan kepada undang-undang berikut:-

- (i) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No.11 Tahun 1948) bagi negeri Sabah;
- (ii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No.6 Tahun 1951) bagi negeri Sarawak; dan
- (iii) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia.

Oleh itu, mana-mana kelahiran yang didaftarkan di JPN selepas 42 hari daripada hari kanak-kanak tersebut dilahirkan akan dikategorikan sebagai Pendaftaran Lewat Kelahiran dan kanak-kanak yang layak akan dikeluarkan Sijil Daftar Lewat Kelahiran. Prosedur pendaftaran lewat kelahiran juga bukan sahaja melibatkan semakan dokumen tetapi juga perlu melalui sesi temu duga termasuk dalam kalangan saksi.

Pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sabah agak berbeza dengan negeri-negeri lain. Ini adalah kerana, di bawah Seksyen 22(3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi negeri Sabah, individu yang telah dikeluarkan dengan Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran perlu mendapatkan pengesahan daripada Majistret Kelas Pertama dan individu tersebut perlu hadir ke Mahkamah untuk mendaftarkan permohonan pengesahan tersebut. Seksyen 22(3) menyebut:-

*“Every copy of such entry shall have printed on it conspicuously the words “LATE REGISTRATION” and no copy so marked shall be receivable in evidence, as prescribed in section 31, unless the truth of the facts therein entered shall*



*have been found by a court of a magistrate of the first class in the proceeding instituted before it under this section and such court has certified its finding in the register..”*

Sejak tahun 2009 hingga April 2016, terdapat 11,146 permohonan untuk mendapatkan pengesahan ke atas Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran di negeri Sabah yang masih belum mendapat pengesahan daripada Mahkamah Majistret Kelas Pertama. Dalam hal ini, kanak-kanak yang telah dikeluarkan Sijil Kelahiran Pendaftaran Lewat bertaraf Warganegara hanya akan dapat dikeluarkan Kad Pengenalan MyKad setelah memperolehi pengesahan tersebut.

Perbicaraan bagi permohonan kes Sijil Lahir Daftar Lewat di bawah seksyen 22 (3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123), bukan sahaja berdasarkan kepada dokumentasi pemohon semata-mata. Keterangan saksi yang boleh diterima oleh mahkamah sebelum permohonan mereka diluluskan adalah perlu. Ini bermakna setiap pemohon mesti membawa saksi ke mahkamah selain dokumen yang ditetapkan. Perbicaraan di Mahkamah adalah mengikut peruntukan undang-undang keterangan dan tatacara Mahkamah.

Penetapan syarat ke atas orang asal di pedalaman Sabah yang lewat mendaftarkan kelahiran untuk mengemukakan saksi serta ujian DNA diakui memberikan implikasi kos serta menimbulkan sedikit kesukaran kerana tahap pengetahuan orang asal yang terhad berkenaan perkara ini. Walau bagaimanapun, syarat tersebut hanya diperlukan bagi kes-kes tertentu sahaja (*case by case basis*) dan Kerajaan sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan ke atas kaedah sedia ada ini.

Kerajaan juga mengambil inisiatif merencanakan aktiviti turun padang melalui Unit Khas Bergerak, JPN pada setiap bulan di mana 172 program telah diadakan pada tahun 2015 hingga bulan Mei 2016 bagi melaksanakan pendaftaran warganegara Malaysia secara berterusan, terutamanya bagi kanak-kanak. Ini bagi mengelakkan berlaku keciciran apabila tiba masanya mereka memasuki alam persekolahan.

Selain itu, isu kepelbagaian dokumen seperti Pas IMM13, Kad Penempatan serta Sijil Banci telah pun mendapat perhatian Kerajaan dan sedang diberi penelitian oleh Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Di Sabah (JKPWAS) yang ditubuhkan pada 3 Disember 2014 bagi menyelesaikan isu pengurusan warga asing di Sabah. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada 2 tier iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah. Manakala Jawatankuasa Teknikal dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan

dan dianggotai oleh 13 anggota yang lain termasuk Setiausaha Bersama iaitu Setiausaha Persekutuan Sabah dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Melalui JKPWAS-Teknikal, beberapa syor dalam menambah baik pengurusan warga asing di Sabah telah dicadangkan seperti mana di dalam Laporan JKPWAS-Teknikal. Laporan tersebut juga telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Induk pada 16 Mei 2016 yang lalu dan syor-syor tersebut sedang diperhalusi dan disesuaikan dengan dasar sedia ada.

Dalam hal ini, tujuan Kad Penempatan dan Kad Banci dikeluarkan adalah untuk bancian di skim-skim penempatan. Manakala Pas IMM13 dikeluarkan khusus untuk pelarian Filipina sementara mereka menguruskan dokumen perjalanan dari negara asal. Bagi menentusahkan dokumen-dokumen tersebut, Kerajaan telah menetapkan supaya Jabatan Imigresen Sabah menentukan kesahihan Pas IMM13, Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri mengesahkan Kad Penempatan dan Jabatan Perangkaan bertanggungjawab dalam mengeluarkan Sijil Banci (PPKP).

Penyelesaian dokumentasi dalam kalangan warga asing yang berada di Sabah terutamanya yang melibatkan Kumpulan Teranjak (*Displaced Person*) memerlukan kerjasama negara serantau kerana tanggungjawab mendokumentasi golongan berkaitan adalah tertakluk kepada negara asal tersebut. Kerajaan juga telah mengambil tindakan sewajarnya dengan mengeluarkan dokumen pengenalan diri yang tidak membawa sebarang maksud kewarganegaraan (sebagai contohnya Rekod Kelahiran dan Kad Pengenalan Bertaraf Pemastautin Sementara) kepada individu yang dilahirkan di Malaysia bagi tujuan merekodkan keberadaan mereka di negara ini.

## **(b) Tanah**

### **(ii) Tanah Negeri**

Para pengadu, terutamanya daripada kawasan pedalaman, telah mendakwa bahawa permohonan mereka untuk mendapatkan tanah negeri tidak dipertimbangkan malahan telah ditolak. Menurut mereka, tanah tersebut kemudiannya telah diberikan kepada pemohon lain, yang mana kebanyakan mereka merupakan pihak yang mempunyai kedudukan penting dari segi pengaruh dan kuasa, atau yang mempunyai hubungan dengan pihak berwajib.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berdasarkan peruntukan Seksyen 10 Ordinan Tanah Sabah Bab 68, seseorang sama ada individu, syarikat, badan korporat, persatuan berdaftar dan lain-lain, boleh memohon tanah kerajaan pada bila-bila masa sahaja. Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS) tidak boleh melarang mana-mana individu tanpa mengira status mereka untuk memohon tanah kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, JTUS memberi keutamaan kepada permohonan Anak Negeri Sabah, selaras dengan peruntukan Seksyen 70 (1) Ordinan Tanah Bab 68. Dalam masa yang sama, pengeluaran hakmilik tanah oleh JTUS turut memperuntukkan Kawasan Rizab Kampung Anak Negeri Sabah, Rizab Perumahan Anak Negeri Sabah, Rizab Padang Ragut Anak Negeri Sabah, pengeluaran Geran Komuniti Anak Negeri Sabah dan pengisytiharan penempatan Anak Negeri Sabah (*proclamation of settlement*).

### (iii) Hutan Simpan

Para pengadu mendakwa yang mereka telah diusir secara salah dari kampung mereka, atas alasan menceroboh kawasan hutan simpan. Penduduk kampung tersebut menyatakan bahawa mereka telah menduduki kawasan tersebut untuk bergenerasi lama, dengan bukti-bukti pendudukan seperti kuburan, pokok buah-buahan, serta tanaman komersil lain yang telah ditanam oleh mereka. Penduduk kampung tersebut turut menyatakan bahawa mereka telah tinggal di kawasan tersebut sejak sebelum kawasan tersebut diwartakan sebagai hutan simpan.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Sabah tidak mewartakan kawasan kampung sebagai Hutan Simpan. Sekiranya terdapat kes kawasan kampung yang termasuk di dalam pewartaan kawasan Hutan Simpan, kampung tersebut akan dibiarkan wujud seperti sedia kala dengan syarat keluasan kawasan tersebut dikekalkan dan tidak diperluas.

Penyiasatan ke atas sebarang kes pencerobohan Hutan Simpan akan mengambil kira merit kes tersebut sebelum sesuatu tindakan diambil. Sekiranya kes ini didapati sah dan membabitkan Anak Negeri, maka Jabatan Perhutanan akan melibatkan penduduk berkenaan dalam projek-projek perhutanan, misalnya Projek/Program Komuniti Perhutanan (*Community Forest Programmes*) yang dianjurkan oleh Jabatan

Perhutanan Sabah sepertimana yang dilakukan di Hutan Simpan Kelawat di Kota Belud dan Hutan Simpan Mangkawagu di Tongod. Melalui Program Komuniti ini, penduduk akan dibenarkan untuk tinggal dan diberi geran khusus di kawasan tanah serta melaksanakan program pemulihan, pemuliharaan dan penjagaan Hutan Simpan bersebelahan kawasan tanah milikan penduduk berkenaan.

Walau bagaimanapun, jika pencerobohan berkenaan didapati berlaku semata-mata untuk mengambil tanah (*land grabbing*) oleh orang-orang yang sudahpun mempunyai tanah, oleh bukan penduduk asal kawasan tersebut, oleh pendatang tanpa izin yang diupah atau dibuat untuk tujuan komersial, pembalakan haram dan mencuri balak, maka Jabatan Perhutanan Sabah akan menguatkuasakan tindakan undang-undang kepada pelaku.

(iv) Tanah Adat

Para pengadu mengadu bahawa Kerajaan negeri tidak mengiktiraf hak orang asal ke atas tanah mereka. Aduan sebegini mirip kepada aduan berkenaan tanah negeri, di mana bezanya cuma tanah adat hanyalah berkaitan dengan kumpulan-kumpulan orang asal.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan maklum akan hak Anak Negeri Sabah mengikut adat atau *Native Customary Rights* (NCR) yang termaktub di bawah Ordinan Anak Negeri 1962. Tanah adat NCR ini telah lama wujud melalui proses tuntutan, pengesahan dan penentuan atas kerjasama Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah dengan Mahkamah Anak Negeri di mana tanah ini berada. Tanah adat NCR ini harus dimohon oleh seseorang individu daripada kumpulan masyarakat Anak Negeri sebagai penuntut. Selain daripada itu, terdapat peruntukan-peruntukan undang-undang di bawah Ordinan Tanah Bab 68, berkaitan dengan proses tuntutan bagi tanah-tanah Adat Anak Negeri, NCR yang wajib dipatuhi.

(v) Rizab Kampung

Aduan telah diterima bahawa kawasan rizab tanah kampung telah diberikan kepada pihak ketiga. Perkara ini boleh berlaku disebabkan kebanyakan kampung di Sabah masih belum diwartakan sehingga kini.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Rizab kampung adalah kawasan perkampungan yang telah dimohon, diukur dan diwartakan. Mana-mana kawasan yang masih belum dimohon dan diwartakan, maka kawasan tersebut masih berstatus tanah kerajaan. Bagi kawasan rizab kampung yang telah diwartakan, ia bukan lagi tanah kerajaan untuk diberi milik kepada mana-mana individu. Bagi menjaga kepentingan penduduk, Kerajaan sentiasa memastikan tindakan pewartaan diambil segera ke atas permohonan rizab kampung yang kawasannya telah tersedia, proses permohonannya teratur, dan terbukti masih belum diwartakan sebagai kawasan tanah rizab kampung.

Isu kawasan tanah rizab kampung yang diberikan kepada pihak ketiga timbul berkemungkinan disebabkan kawasan rizab kampung tersebut telah berpindah milik kepada pihak ketiga atau tanah tersebut telahpun dimiliki oleh individu atau kumpulan lain.

### **3. PEMANTAUAN PERHIMPUNAN AMAN**

Pada tahun 2015, Pejabat Sabah telah melakukan pemantauan terhadap dua perhimpunan aman. Perhimpunan pertama adalah 'Himpunan May Day' yang telah dianjurkan oleh BERSIH Sabah pada 1 Mei di Padang Merdeka Kota Kinabalu.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Perhimpunan Aman ini dipantau bersama oleh SUHAKAM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walaupun permit polis dan kebenaran menggunakan premis daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang dimohon bagi mengadakan perhimpunan ini telah tidak diluluskan, Perhimpunan Aman BERSIH 4.0 tetap diteruskan oleh penganjur. Di akhir perhimpunan ini beberapa orang telah direman oleh PDRM dan disoal siasat serta diambil kenyataan-kenyataan kerana telah mentohmah serta mengeluarkan kata-kata hasutan.

### **6. AKTIVITI LAIN**

#### **(a) Dialog bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

Pejabat Sabah turut serta dalam program seminar orang kelainan upaya (OKU) yang dianjurkan oleh UNICEF Malaysia. Seminar ini telah dianjurkan pada 9 September di Hotel Promenade, Kota Kinabalu.

Seramai 25 orang peserta telah hadir, antaranya wakil daripada NGO yang terlibat secara langsung dengan kanak-kanak kelainan upaya, serta pegawai daripada agensi Kerajaan, seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah akan terus bekerjasama dalam menganjur dan mengadakan program seminar OKU dan seumpamanya serta berdialog dengan SUHAKAM dan NGO lainnya bagi menjayakan program ini.

**BAB**

**4**

**LAPORAN PEJABAT SARAWAK**

## **BAB 4 : LAPORAN PEJABAT SARAWAK**

**muka  
surat**

- › 155 ›            **1. Penyelesaian Aduan**
  - (a) Hak Kewarganegaraan
- › 156            **6. Lawatan**
  - (a) Lawatan ke Long San, Baram
  - › 157            (b) Lawatan ke Loagan Bunut
  - › 158            (c) Lawatan ke Pusat Tahanan
  - › 160            (d) Lawatan ke Pusat/Sekolah bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran
  - › 161            (f) Lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti



## 1. PENYELESAIAN ADUAN

### (a) Hak Kewarganegaraan

Pada tahun 2015, kebanyakan aduan yang telah diterima adalah berkenaan hak kewarganegaraan. Kebanyakan aduan berkisar tentang:

- (i) Penduduk tempatan yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri (penduduk tempatan tidak bernegara)
- (ii) Kanak-kanak tanpa sijil lahir atau Mykid;
- (iii) Anak angkat yang mengalami masalah untuk mendapatkan status kewarganegaraan.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan memberi perhatian serius terhadap isu kewarganegaraan di Sarawak. Pada 26 Ogos 2015, Kerajaan telah memutuskan agar Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bekerjasama dengan YB Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas (PPK) bagi menangani masalah penduduk peribumi yang lahir dan menetap di Negeri Sarawak, tetapi tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Keputusan ini dibuat berdasarkan aduan dalam kalangan pemimpin Negeri Sarawak berkaitan kegagalan penduduk peribumi untuk mendapatkan Kad Pengenalan walaupun telah lahir dan menetap sekian lama di Negeri Sarawak.

PPK telah bertindak melalui Unit Khas Bergerak (UKB) menjalankan program-program pendaftaran bergerak ke kawasan pedalaman, dengan bantuan Wakil-Wakil Rakyat. Sebanyak 21 program telah diadakan bermula pada 29 Oktober 2015 hingga 29 Mei 2016. Sebanyak 2,061 permohonan Daftar Lewat Sijil Kelahiran telah diterima dan diproses. Program PPK ini dilaksanakan berdasarkan kepada SOP dan undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan serta memfokuskan kepada penduduk peribumi yang lahir dan menetap di Negeri Sarawak. Mekanisme pelaksanaan *task force* pada kali ini adalah berbeza dengan yang sebelumnya kerana melibatkan kaedah pengesahan status pemohon oleh Pemimpin Tempatan Sarawak sendiri iaitu Tuai Rumah, Ketua Kampung dan Penghulu yang lebih mengenali pemohon lebih dekat melalui Akuan Berkanun yang disediakan.

## 6. LAWATAN

### (a) Lawatan ke Long San, Baram

Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya telah mengadakan sesi dialog dengan komuniti yang terjejas untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung pandangan mereka terhadap cadangan pembinaan projek Empangan Baram. Hasil daripada lawatan serta dialog tersebut, Suruhanjaya telah merumuskan bahawa:

- (i) Majoriti penduduk menentang projek Empangan Baram; dan
- (ii) Penduduk kampung turut meminta supaya Kerajaan menghormati hak tanah mereka.

Seterusnya, Suruhanjaya akan membuat tindakan susulan berkenaan isu tersebut dengan:

- (i) Memantau isu lesen pembalakan yang masih lagi dikeluarkan walaupun Ketua Menteri telah mengarahkan semua aktiviti pembalakan di kawasan tersebut dihentikan serta-merta; dan
- (ii) Melawat kampung-kampung yang terjejas sekiranya Kerajaan tetap meneruskan projek Empangan Baram.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah meneliti dan membuat semakan lanjut berhubung perkara ini dan mendapati bahawa beberapa lesen pembalakan masih beroperasi secara sah di kawasan berdekatan dengan komuniti Long San. Lesen-lesen tersebut adalah:

- (a) T/0397 (Autorich Sdn. Bhd.);
- (b) T/9075 (Peninsular Rise Sdn. Bhd.);
- (c) T/0429 (Juta Intelek Sdn. Bhd.); dan
- (d) T/9089 (Damai Cove Sdn. Bhd.).

Kerajaan telah menetapkan supaya operasi pembalakan oleh semua pemilik lesen di atas mesti mematuhi preskripsi dan peraturan yang telah digariskan dalam Pelan Pengurusan Hutan iaitu berdasarkan prinsip pengusahasilan secara berkekalan bagi memastikan pengusahasilan hutan dilakukan secara mapan dan mencapai penghasilan yang berkekalan. Kerajaan juga memberi kebenaran untuk menjalankan operasi pembalakan salvaj (*salvage logging*) di kawasan cadangan

Baram *Hydroelectric Project* (HEP) untuk menebang dan mengeluarkan balak bagi memastikan kawasan takungan (*reservoir*) nanti bebas daripada dirian hutan bagi menjamin keselamatan empangan.

Walau bagaimanapun, susulan keputusan Kerajaan untuk memberhentikan projek Baram HEP, semua operasi pembalakan salvaj di kawasan lesen pembalakan yang terjejas diberhentikan berkuatkuasa pada 14 September 2015 dan pelesen dikehendaki untuk menjalankan operasi pengusahasilan mengikut preskripsi dan peraturan yang telah digariskan dalam pelan pengurusan hutan masing-masing.

Jabatan Hutan Sarawak dan *Sarawak Forestry Corporation* (SFC) telah menjalankan pemantauan ke atas aktiviti pembalakan oleh 4 pemilik lesen tersebut dan berikut disenaraikan kesalahan hutan yang telah dilakukan:

**(i) Kes Damai Cove Sdn. Bhd. (T/9089)**

Kes hasil serahan telah berlaku pada 20 Oktober 2015 di Long Kabing Stumping dan Long Luteng Stumping, Ulu Baram. Jenis kesalahan adalah menebang spesies pokok terlindung tanpa permit dan sebelum *Permit to Enter Coupe* (PEC) diluluskan. Kompaun telah dibayar pada 19 Januari 2016.

**(ii) Kes Peninsular Rise Sdn. Bhd. (T/9075)**

Serahan kes oleh pihak SFC dan kes berlaku pada 19 Ogos 2014 di Long Lusan, Baram. Jenis kesalahan adalah menebang spesies pokok terlindung tanpa permit. Kompaun telah dibayar pada 21 September 2015.

Manakala tiada kesalahan direkodkan ke atas 2 lagi pemilik lesen iaitu Autorich Sdn. Bhd. (T/0397) dan Juta Intelek Sdn. Bhd. (T/0429).

Jabatan Hutan telah mengadakan dan mempergiatkan program pemantauan seperti pemantauan udara dan darat terhadap operasi pembalakan. Selain itu, Jabatan Hutan juga mengadakan Audit Hasil bagi memastikan tiada ketirisan berlaku yang melibatkan pelesen berkenaan.

**(b) Lawatan ke Loagan Bunut**

Lawatan tersebut telah diadakan untuk memerhatikan serta menilai secara dekat kawasan tersebut berikutan beberapa aduan yang telah

diterima oleh Suruhanjaya daripada penduduk di kawasan itu yang mendakwa tanah adat mereka telah dicerobohi oleh sebuah syarikat swasta iaitu Boustead Pelita Tinjar Sdn Bhd. Semasa lawatan tersebut, penduduk kampung telah membuat dakwaan bahawa:

- (i) Syarikat tersebut telah mengambil tanah mereka tanpa izin;
- (ii) Pihak berkuasa tidak memandang serius aduan yang telah dibuat;
- (iii) Pihak syarikat berkerjasama dengan kumpulan samseng sebagai salah satu strategi mereka untuk menakut-nakutkan penduduk kampung; dan
- (iv) Pihak syarikat tidak mahu membayar nilai maksimum, iaitu 49 peratus untuk keuntungan yang diraih hasil daripada aktiviti perladangan oleh syarikat tersebut sepertimana yang terkandung di dalam perjanjian perkongsian keuntungan di antara kedua-dua belah pihak.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berdasarkan Seksyen 15(1) Kanun Tanah Sarawak / *Sarawak Land Code*, tanah NCR yang sah tidak akan dapat diambil/diberi milik kepada mana-mana pihak. Namun, merujuk kepada dakwaan penduduk bahawa tanah adat mereka yang dicerobohi oleh sebuah syarikat swasta, Kerajaan melalui siasatan pihak polis mendapati wujud pertikaian mengenai isu pemilikan sah tanah tersebut di antara penduduk tanah tersebut dan Syarikat Boustead Pelita Tinjar Sdn. Bhd. Siasatan mendapati pengadu, iaitu para penduduk tidak mempunyai geran tanah yang sah terhadap tanah-tanah yang dikatakan milik mereka. Alasan bahawa mereka berhak atas tanah tersebut adalah berdasarkan kepada tanaman pokok oleh keluarga mereka yang terdahulu yang dikenali sebagai “temudak” atau “pemakai menua” yang tidak dibuat secara bertulis.

Kes ini kemudiannya telah dirujuk ke Mahkamah Tinggi Miri dan pada tahun 2014, Mahkamah telah memutuskan bahawa dakwaan penduduk adalah tidak sah. Kes ini telah ditutup.

### **(c) Lawatan ke Pusat Tahanan**

Suruhanjaya telah mengadakan beberapa siri lawatan ke pusat-pusat tahanan untuk memantau keadaan pusat tahanan tersebut

selain untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu Peraturan Piawaian Minimum Bagi Layanan Terhadap Tahanan. Perkara yang menimbulkan kekhuatiran Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- (i) Kesan negatif akibat menahan orang di lokasi yang terpencil dengan keadaan fizikal yang jerih seperti di Depot Tahanan Semuja;
- (ii) Infrastruktur yang tidak sesuai dengan kawalan keselamatan yang mirip kepada penjara, keadaan asrama tahanan yang tidak memuaskan, serta akses yang terhad kepada kemudahan komunikasi di Depot Tahanan Semuja; dan
- (iii) Kekurangan peluang untuk tahanan beriadah dengan melakukan aktiviti luar, kekurangan fasiliti untuk tujuan pendidikan serta rekreasi, serta gangguan bekalan air yang kerap terjadi.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Infrastruktur depot tahanan disediakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh KDN. Penyediaan keperluan asas kepada tahanan adalah mengikut Peraturan-Peraturan Imigresen (Pentadbiran dan Pengurusan Depot) 2003. Lokasi depot adalah strategik dan kondusif dari segi keselamatan dan kesihatan. Kerajaan sedang dalam perancangan untuk membaik pulih asrama dan keperluan kelengkapan tahanan. Berkenaan gangguan bekalan air, Kerajaan telah mengambil tindakan berkenaan dengan merujuk aduan ini kepada Kerajaan Negeri.

Dari segi akses kemudahan komunikasi, ia hanya dibenarkan kepada tahanan pada setiap sebulan sekali sahaja atau semasa urusan tiket pemulangan tahanan. Kemudahan komunikasi tahanan adalah terhad selaras dengan peraturan yang telah digariskan untuk dipatuhi oleh semua tahanan.

Keperluan waktu beriadah oleh tahanan telah diambil kira dan dijadualkan pada setiap pagi dan petang di antara jam 7.00 hingga 8.00 pagi dan 5.00 hingga 6.00 petang. Tempoh penahanan bagi menunggu Dokumen Tujuan Pengusiran adalah sementara sahaja iaitu tidak melebihi 1 bulan.

**(d) Lawatan ke Pusat/Sekolah Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran**

Suruhanjaya mengesyorkan agar:

- (i) Guru-guru pendidikan khas (PPKI) ditambah;
- (ii) Kerajaan menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada sekolah-sekolah pendidikan khas. Dalam maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2014, Kerajaan negeri telah menyatakan bahawa ia sentiasa mengambil maklum tentang keperluan untuk menaiktaraf sekolah-sekolah PPKI yang sedia ada. Namun begitu, ianya tertakluk kepada peruntukan daripada Kementerian Pendidikan.
- (iii) Kementerian yang terbabit seharusnya menilai semula peruntukan yang diberikan kepada sekolah jenis ini. Dalam maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2014, Jabatan Pendidikan negeri telah menyatakan bahawa lebih banyak peruntukan telah disalurkan kepada sekolah-sekolah PPKI.
- (iv) Kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti berkaitan harus dianjurkan agar keterlibatan serta kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran dapat dipertingkatkan.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Penempatan guru di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah berdasarkan norma perjawatan yang telah ditetapkan dan Kerajaan sentiasa memastikan bilangan guru PPKI adalah mencukupi. Kerajaan sentiasa komited dan prihatin dalam menyediakan infrastruktur yang terbaik di semua sekolah pendidikan khas mahupun di PPKI. Peruntukan yang diterima oleh Kementerian telah diagihkan mengikut keperluan sekolah.

Melalui inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, banyak program yang dirangka telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang Murid Berkeperluan Khas (MBK). Program Bersepadu bagi meningkatkan kesedaran tentang MBK telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri pada Gelombang 1 PPPM. Selain itu, Kerajaan telah mempromosikan pendidikan khas melalui media elektronik dan media cetak bagi menguar-uarkan pendidikan

yang disediakan kepada MBK. Pendidikan khas juga telah dipromosikan melalui aktiviti tahunan seperti Hari Bertemu Pelanggan, Jelajah KPM, pameran dan penyertaan dalam program anjuran pihak kerajaan dan bukan kerajaan.

**(f) Lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti**

Suruhanjaya mengesyorkan agar:

- (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat menilai semula jumlah peruntukan yang diberikan kepada pusat pemulihan dalam komuniti memandangkan mereka sangat-sangat memerlukan dana;
- (ii) Setiap pusat pemulihan dalam komuniti dilengkapi dengan infrastruktur yang memuaskan; dan
- (iii) Bilangan jurulatih ditambah bagi menampung kemasukan pelatih yang semakin ramai.

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Program Pemulihan Dalam Komuniti Pindaan 1 Tahun 2011, peruntukan daripada JKM hanya disalurkan bagi PDK baharu dan PDK sedia ada untuk tujuan berikut:

- (i) Elaun Khas OKU RM150.00 seorang;
- (ii) Bayaran Saguhati kepada Penyelia RM1,200.00 seorang;
- (iii) Bayaran Saguhati Petugas RM800.00 seorang;
- (iv) Sewa Permis Maksimum RM3,000.00 sebulan; dan
- (v) Pembayaran Utiliti RM500.00 sebulan

Peruntukan bagi pelaksanaan program dan aktiviti adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan tahunan yang diluluskan oleh MOF dan diagihkan oleh JKM.

Bagi tahun 2015, peruntukan bagi pembelian peralatan secara *One Off* sebanyak RM50,000.00 telah disalurkan kepada PDK baharu sahaja. Pada dasarnya bagi PDK yang baru hendak beroperasi, Jawatankuasa PDK perlu mengenal pasti premis yang bersesuaian dan dilengkapi dengan infrastruktur yang mencukupi. Segala keperluan ini hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada JKM Negeri Sarawak melalui Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian yang terlibat dalam pengurusan penubuhan PDK.

Nisbah petugas dan pelatih yang ditetapkan di PDK adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Program Dalam Komuniti Pindaan 1 Tahun 2011. Nisbah yang telah ditetapkan adalah sebagaimana berikut:

- (i) Nisbah Petugas OKU di PDK = (1 Petugas: 5 Pelatih)
- (ii) Nisbah Petugas OKU di Rumah = (1 Petugas: 10 Pelatih)



**BAB**

**5**

**LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT  
KORPORAT**

## **9. CABARAN PELAKSANAAN**

Cabaran utama yang dihadapi oleh Suruhanjaya dalam menjalankan mandat dan fungsinya adalah dari segi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang hak asasi manusia dan melaksanakannya berdasarkan bajet yang sangat terhad. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah menjadikan usaha berkenaan dilaksanakan secara sambil lewa. Namun begitu, sekiranya bajet yang mencukupi diperolehi setiap tahun, mungkin secara praktikalnya bilangan, saiz, serta komposisi kaum dan gender bagi golongan sasaran boleh ditambahbaik serta dipertingkatkan lagi.

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dan sokongan yang diperlukan dari segi kewangan bagi melaksanakan fungsinya. Peruntukan yang disediakan kepada semua agensi Kerajaan termasuk SUHAKAM telah mengambil kira kedudukan kewangan dan fiskal Kerajaan, di samping matlamat untuk mengurangkan kadar defisit pada setiap tahun. Cadangan keperluan peruntukan tahunan SUHAKAM adalah lebih sesuai dipertimbangkan melalui penyediaan bajet tahunan supaya jumlah peruntukan yang diperlukan dapat disemak dengan terperinci, seterusnya diselaras berdasarkan kedudukan kewangan negara pada tahun berkenaan.



# SENARAI SINGKATAN

**SENARAI SINGKATAN**

ACWC	Suruhanjaya ASEAN mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Wanita serta Kanak-Kanak <i>ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children</i>
ADBLLPK	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985
AGC	Jabatan Peguam Negara <i>Attorney General's Chamber</i>
AICHR	Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia <i>ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights</i>
AKKLLK	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012
AKSEM	Agensi Kawalan Sempadan Makaysia
Akta 15	Akta Hasutan 1948
Akta 597	Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
Akta 611	Akta Kanak-Kanak 2001
Akta 736	Akta Perhimpunan Aman 2012
AMKN	Akta Majlis Keselamatan Negara
AMMSWD	<i>ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development</i>
APJ	Akta Pencegahan Jenayah 1959
APK	Akta Pencegahan Keganasan 2015
ATD	Alternatif Kepada Penahanan <i>Alternatives To Detention</i>
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia
ATIPSOM	Akta Anti Pernerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007
ATM	Angkatan Tentera Malaysia

AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah <i>Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment</i>
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita <i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women</i>
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak <i>Convention on the Rights of the Child</i>
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya <i>Convention on the Rights of Persons with Disabilities</i>
CSO	Kumpulan Masyarakat Sivil <i>Civil Society Organisation</i>
CWLD	Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran <i>Children With Learning Disabilities</i>
EMSC	<i>Enforcement Management System Modul C</i>
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas <i>Free Trade Agreement</i>
ICCPR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik <i>International Covenant on Civil and Political Rights</i>
ICC-SCA	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia <i>International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights Sub-Committee on Accreditation</i>

ICESCR	<i>Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial Dan Kebudayaan</i> <i>International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights</i>
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri <i>Implementation Coordination Unit</i>
IO	Pegawai Siasatan <i>Investigating Officer</i>
IPPM	Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 <i>Internal Security Act 1960</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKKHTOA	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKPWAS	Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Di Sabah
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPP	Jabatan Perhubungan Perusahaan
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JTSS	Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
JTUS	Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
KAP	Kurikulum Asli dan Penan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KLN	Kementerian Luar Negeri
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
LPK	Lembaga Pencegahan Keganasan
MaNIS	Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MDT	<i>Multi-Diciplinary Team</i>
MEF	Persekutuan Majikan-majikan Malaysia <i>Malaysian Employers Federation</i>
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MPKPMOA	Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia <i>Malaysian Trades Union Congress</i>
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan <i>National Blue Ocean Strategies</i>
NCR	<i>Native Customary Rights</i>

NGO	Badan Bukan Kerajaan
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan <i>National Human Rights Action Plan</i>
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan <i>National Human Rights Institution</i>
NI	Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia
NOSS	<i>National Occupational Skill Standard</i>
ODS	Orang Yang Diselia
OKT	Orang Kena Tuduh
OKU	Orang Kurang Upaya
OT	Orang Tahanan
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDK	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PMB	Perbincangan Meja Bulat
POTA	Akta Pencegahan Keganasan 2015 <i>Prevention of Terrorism Act 2015</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RKB	Rumah Kekal Baru
RRA	Akta Kediaman Terhad <i>Ristricted Residence Act/</i>
RTD	<i>Round Table Discussion</i>



RUUKK	Rang Undang-Undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAR	Pasukan Mencari dan Menyelamat
SEANF	Forum NHRI Asia Tenggara <i>Southeast Asia NHRIs Forum</i>
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia
SMART	Teknologi Pelaporan Analisis Pemantau Sendiri <i>Self-Monitoring Analytics Reporting Technology</i>
SMOKU	Sistem Pengurusan Maklumat OKU
SOP	Prosedur Operasi Standard <i>Standard Operating Procedure</i>
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TPPA	Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik <i>Trans-Pacific Partnership Agreement</i>
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat <i>Universal Declaration of Human Rights</i>
UNDRIP	Pengisytiharan Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu <i>United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples</i>
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian <i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
UPE	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
UPR	Penilaian Berkala Sejagat <i>Universal Periodic Review</i>
YDPA	Yang di-Pertuan Agong



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2016  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773  
WJD008511

DISELARASKAN OLEH:

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62692 PUTRAJAYA

Tel: 03-8885 1000 Fax: 03-8885 1048 / 03-8885 1051

Web: [www.bheuu.gov.my](http://www.bheuu.gov.my)

ISSN 2289-6562



9 772289 656001